

"KITA sama-sama menyedari, bahawa para belia tidaklah wajar diabaikan kerana mereka itu adalah aset negara dan mempunyai sumbangan paling besar terhadap nation-building." - Titah sempena Perayaan Hari Keputeraan Baginda Ke-55 pada 15 Julai 2001.



"TANGAN yang di atas (yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang meminta) dan mulakan pemberian itu kepada orang yang di bawah tanggunganmu. Sebaliknya sedekahlah salah yang lebih daripada keperluan. Sesungguhnya yang tidak meminta nescaya Allah akan memberikan nescaya yang cukup kepadanya dan sesialapa yang mengagihkan kekayaan nescaya Allah akan memberi kekayaan kepadanya." - Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika menyempurnakan penganugerahan anak kunci rumah kepada seorang penerima.

325 dikurniakan lot-lot tanah dan anak-anak kunci rumah

RIMBA, 18 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penganugerahan lot-lot

tanah dan anak-anak kunci rumah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara (RPN) dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) kepada 325 penerima berlangsung di Sekolah Rendah Rimba 1 di sini.

Laporan Sahari Akim,
Abu Bakar HAR
dan Awangku Jefferi PD

Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun serta pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain.

Di majlis itu baginda berkenan menganugerahkan lot-lot tanah kepada 48 penerima di bawah Skim RPN Lambak Kanan bagi pegawai dan kakitangan kerajaan Bahagian II, IV dan V; 133 anak kunci rumah kepada penerima di bawah Skim RPN Kampong Rimba Gadong (Peringkat Pertama Fasa Kedua) bagi pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan; 14 anak kunci rumah kepada penerima di bawah Skim RPN Kampong Rimba Gadong (Peringkat Keempat) bagi orang awam dan 130 anak kunci kepada penerima rumah kembar di bawah STKRJ di Kampong Rimba, Gadong.

tumbuhan dan perkembangan industri dan perusahaan.

Antara program dukungan termasuklah penyediaan tapak-tapak perusahaan dengan infrastruktur infrastruktur asas, skim bantuan kewangan, insentif perusahaan dan perindustrian.

Mempromosikan produk-produk dan mendapatkan pengiktirafan serantau dan antarabangsa, menyediakan latihan usahawanan serta memberikan khidmat dukungan merupakan antara aktiviti-aktiviti yang turut diperkenalkan.

Lihat muka 3

Lihat muka 16

Perdagangan bebas perlu persaingan

BERAKAS, 16 Ogos. - Perekonomian sejagat banyak dipengaruhi oleh elemen-elemen yang di luar kawalan domestik kerana bersifat dinamik dan sukar untuk diramal disebabkan reka bentuk gelanggang perdagangan bebas tidak mengenal siapa maju atau mundur dan akan terus bergerak.

Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman berkata, bagaimanapun proses itu menjanjikan peluang-peluang yang lumayan kepada mereka yang berkemampuan untuk mengikuti rentak dan iramannya.

Menurut Yang Berhormat, kedudukan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang kecil jumlah penduduknya untuk memberi pasaran yang berdaya tahan meru-

pakan kemestian dalam menjamin kewujudan industri dan pengusaha tempatan di masa akan datang, selain menjamin pertumbuhan dan perkembangan industri-industri di negara ini berterusan dalam jangka masa panjang.

Oleh Samle Haji Jait

"Ke arah itu Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terus berusaha memberikan segala kemudahan bagi mempersiapkan perusahaan dan pengusaha di negara ini untuk membangun, berkembang maju dan seterusnya menembusi pasaran luar yang meluas," jelasnya ketika melancarkan Ekspo Produk Tempatan 2003 di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Yang Berhormat berkata strategi dua penjurong telah dilaksanakan termasuk pembentukan suasana perusahaan dan perniagaan tempatan yang kondusif untuk menjadi nadi penggerak pertumbuhan dan perkembangan industri negara dan membuka laluan pasaran serantau dan antarabangsa bagi produk industri-industri yang telah dimajukan bagi mencapai hasrat berkenaan.

Dalam melaksanakan strategi itu, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) telah memperkenalkan program-program dukungan dengan mengambil kira tahap peringkat per-

TAHUKAH AWDA

LEMBAGA Bahasa dituluskan penubuhannya sebagai salah satu bahagian dalam Jabatan Pelajaran pada 16 September 1961. Nama Lembaga Bahasa kemudian diperkenalkan untuk diubah menjadi Bahagian Bahasa dan Postaka sebelum ianya dipisahkan dari Jabatan Pelajaran dan menjadi sebuah jabatan baru yang dikenali sebagai Dewan Bahasa dan Postaka pada tahun 1965. - Sumber: JUBJ PERAK DBP 1961 - 1986.

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Seni Landskap
Aktiviti Kreatif
Perlu Dihayati
- Muka 2

Kebawah DYMM
berangkat lawat
Pekan Belait,
Seria dan kawasan
pedalaman
Daerah Belait
- Muka 4

Melirik Masa
Silam :
Pelabuhan Lama
Dengan Cerita
Lama
- Muka 6

Malam
Serumpun
warna-warni
- Muka 8 & 9

Kemahiran pikat
bakal majikan
- Muka 13

Bersabar
hadapi
kesusahan
- Muka 3 ANEKA

Belia diseru
bergiat
di bidang
perniagaan
- Muka 5 ANEKA

Remaja :
Kemajuan atau
kemunduran
- Muka 7 ANEKA

Hargai
anugerah
taraf
kerakyatan
- Muka 16 ANEKA



دشن نام الله يغمها
فموره دان مها فبايغ

Dari Sidang Pengarang

20 OGOS 2003 BERSAMAAN 1424 22 جمادى الآخر

JANGAN ABAIKAN TARAF KERAKYATAN

ALHAMDULILLAH sebagaimana yang telah dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda ke-57 pada 15 Julai yang lalu iaitu mereka yang berumur 50 tahun ke atas dan dianggap sebagai 'buta huruf' dibolehkan untuk menjalani ujian bahasa Melayu secara lisan sahaja untuk mendapatkan taraf kerakyatan, di samping memenuhi syarat-syarat lain yang juga dikehendaki.

Sesungguhnya kurnia titah itu menunjukkan keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap masalah-masalah pemohon berkenaan sebelum ini untuk mendapatkan taraf sebagai rakyat baginda. Walau bagaimanapun, setiap pemohon untuk menjadi rakyat baginda mestilah boleh bertutur dalam bahasa Melayu dengan fasih.

Sebenarnya untuk mendapatkan taraf kerakyatan atau warganegara sesebuah negara bukanlah suatu perkara mudah untuk dipenuhi kerana ianya menjalani proses yang panjang dan mengikut prosedur undang-undang yang tertentu. Pemberian taraf kerakyatan adalah juga bererti pemberian salah satu daripada kedaulatan Negara Brunei Darussalam. Apabila seseorang itu menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, ianya berhak untuk mendapatkan atau menikmati beberapa keistimewaan atau 'privileges' yang berbentuk undang-undang, politik, ekonomi dan sosial.

Perlu ditegaskan bahawa seseorang yang menerima Sijil Kerakyatan tidak bererti sudah selesai atau tercapai misi untuk menjadi warga Negara Brunei Darussalam. Sebaliknya, bermula dari tarikh penerimaan sijil berkenaan, seseorang itu perlu memikul peranan dan tanggungjawab baru untuk dipenuhi selaku rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Ini bererti bukan semata-mata untuk memenuhi keperluan atau kepentingan individu seperti berumah tangga, ekonomi dan kewangan serta mendapatkan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan tetapi yang penting dan utama ialah berperanan serta menyumbangkan sesuatu yang berharga kepada bangsa dan negara ini.

Setiasua Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid bin Pengiran Haji Mohd. Yassin ketika berucap di Majlis Penyampaian Sijil Kerakyatan kepada 366 orang pemohon baru-baru ini menegaskan bahawa penganugerahan kerakyatan itu boleh ditarik balik, selaras dengan Bab 11 Ceraian (3) Akta Taraf Kebangsaan Brunei (Penggali 15) antaranya 'jika seseorang itu didapati derhaka kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bekerjasama dengan musuh negara, menikmati kuasa atau faedah kerana menjadi rakyat negara lain dan jika dalam tempoh lima tahun dari tarikh dianugerahkan dia dihukum mati atau penjara melebihi 12 bulan di negara lain'.

Justeru itu mereka yang telah dianugerahkan sijil berkenaan diingatkan supaya tidak akan mengabaikan taraf kerakyatan yang diberikan, dan tidak akan terlibat atau melibatkan diri dalam perkara yang menyalahi akta tersebut. Dan yang penting mereka benar-benar menghargai penganugerahan tersebut bak kata pepatah 'ibarat menatang minyak yang penuh'. Mereka perlu terus memberikan sumbangan yang termampu kepada negara. Memberi khidmat bakti yang berterusan dan mendukung apa jua dasar dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi kepentingan rakyat dan penduduk negara ini. Yang paling utama ialah bersama-sama berusaha menjaga kedaulatan, keselamatan, kemakmuran dan keharmonian negara. Selain itu mereka juga perlu berterusan berusaha meningkatkan lagi penggunaan bahasa Melayu terutama sekali dalam pertuturan harian dan dalam urusan-urusan rasmi.

Pemberian taraf kerakyatan merupakan sesuatu yang berharga, dan ianya hendaklah ditani dan pelihara sebaik mungkin. Negara penuh berharap agar mereka yang telah menjadi warganegara Brunei supaya akan terus memberikan sumbangan yang berkebalikan dan berfaedah kepada bangsa dan negara sejajar dengan ikrar sumpah taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

HALUAN...



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemanca Pengiran Anak Haji Mohamed Alam di Majlis Pembukaan Rasmi Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup sempena perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 pada 12 Jamadilakhir 1424/10 Ogos 2003 bertempat di Pusat Persidangan Antara-bangsa, Berakas.

Bismillahir Rahmanir
Rahim

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULIL-
LAH, beta ber-

syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya jua, dapatlah kita beramai-ramai hadir di majlis yang berkebalikan ini iaitu Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup bersempena dengan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 Tahun.

Selawat serta salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, serta kaum kerabat dan para sahabat Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Di kesempatan ini, beta dengan tulus ikhlas mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi-pengerusi Bersama dan Ahli-ahli Jawatankuasa Pertan-

dangan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup, kerana menjemput beta hadir dan seterusnya menyempurnakan Majlis Perasmian Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup bersempena dengan sambutan ulang tahun perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 Tahun.

Di dalam zaman teknologi tinggi ini, di mana dunia kita dipenuhi dengan pelbagai perkakas dan peralatan moden yang cukup canggih, menyebabkan kita mudah terlupa dalam memberikan perhatian serta menghargai alam sekitar kita yang penuh dengan keindahan dan keajaiban alam semula jadi.

Oleh itu, beta sangat gembira apabila diadakan kegiatan-kegiatan berkebalikan yang memberikan perhatian serta menitikberatkan pemedulian ke atas keindahan persekitaran negara kita, termasuk seni landskap dan pertun-

SENI LANDSKAP AKTIVITI KREATIF PERLU DIHAYATI

jukan bunga-bunga, seperti yang dianjurkan pada hari ini.

Beta percaya, bahawa pemedulian ke atas keindahan persekitaran negara kita boleh memberikan satu sumbangan yang positif ke arah menanamkan sikap memelihara alam sekitar yang bersih dan sihat untuk kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan.

Kesejahteraan kesejahteraan kita tidaklah terhad semata-mata kepada keperluan yang berunsur kebendaan. Malahan tidak kurang pentingnya ialah rasa ketenteraman dan ketenangan yang dapat kita

nikmati daripada kehijauan dan keindahan yang terdapat di halaman rumah serta alam semula jadi yang masih banyak terdapat di negara ini.

Pada hemat beta, kegiatan seni landskap merupakan satu aktiviti kreatif yang boleh melibatkan semua golongan masyarakat kita. Lebih-lebih lagi, keindahan hasil seni ini memang boleh dihayati oleh kita semua, di samping menambahkan lagi keindahan keseluruhan persekitaran negara kita.

Kegiatan-kegiatan seperti yang dijalankan pada hari ini, dapat memunculkan perhatian orang

ramai terhadap hasil-hasil seni landskap dan bunga-bunga, terutamanya di kalangan generasi muda yang kurang berminat dengan kegiatan di luar rumah.

Dengan cara yang sedemikian, insya-Allah, sikap pemedulian terhadap keindahan dan kebersihan alam sekitar di kalangan golongan muda dan remaja kita akan dapat dipupuk dan seterusnya menolong masyarakat kita untuk membasmi gejala-gejala seperti pemugut dan sikap pembuangan sampah di merata tempat.

Dengan mendahulukan kalimah 'Bismillahir Rahmanir Rahim', beta dengan sukacitanya merasmikan Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup sempena sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 Tahun.

Sekian Wabillahi Tau-fik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatul-lahi Wabarakatuh.

OLEH itu, beta sangat gembira apabila diadakan kegiatan-kegiatan berkebalikan yang memberikan perhatian serta menitikberatkan pemedulian ke atas keindahan persekitaran negara kita, termasuk seni landskap dan pertunjukan bunga-bunga, seperti yang dianjurkan pada hari ini.



Menerima mengadap Setiausaha Negara Kanada

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini menerima mengadap Tuan Yang Terutama David Kilgour, Setiausaha Negara (Asia-Pasifik) Kanada. Perjumpaan berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan (gambar atas).

Di perjumpaan ini, Duli Yang Teramat Mulia mengalu-alukan Tuan Yang Terutama ke Negara Brunei Darussalam dan mengadakan perbincangan mengenai hubungan dua hala dan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama David Kilgour berada di negara ini bagi lawatan empat hari.

Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswa Seberang Laut Tahun 2003 25 Ogos - 28 Ogos

BANDAR SERI BEGAWAN. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Kumpulan DST akan menganjurkan Perkampungan Sivik Mahasiswa-Mahasiswa Seberang Laut Tahun 2003 pada Isnin 25 - 28 Ogos 2003. Tema tahun ini 'Mahasiswa/Mahasiswa Berilmu Negara Maju'.

Perkampungan Sivik ini adalah untuk para siswa/siswi seberang laut yang sedang bercuti di tanah air. Majlis Pembukaan Rasmi Perkampungan Sivik akan berlangsung di Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkihah (MJPAPRSB), Gadong bermula jam 9.00 pagi pada 25 Ogos.

Seramai 70 orang siswa/siswi dijangka akan mengikuti perkampungan tersebut yang terdiri dari

mereka yang menuntut di United Kingdom, Mesir dan Jerman.

Beberapa atur cara dan program telah diatitkan bagi Perkampungan Sivik, antaranya ialah ceramah dari jabatan-jabatan kerajaan yang berkenaan dan juga sektor swasta, di samping lawatan pendidikan ke Pasukan Polis Diraja Brunei, Kumpulan DST dan Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkihah.

Para siswa/siswi juga akan didedahkan aspek-aspek kenegaraan termasuk pengenalan asas kepimpinan dan tata tertib menaikkan Bendera Negara, Lagu Bendera Negara serta latihan kawad dan latihan jasmani melalui senam robik.

Semasa Perkampungan Sivik itu nanti, para siswa/siswi akan ditempatkan di International House SEAMEO-VOC-TECH, Gadong dan Pendaftaran bermula pada

hari Ahad, 24 Ogos 2003 mulai jam 3.00 petang.

Majlis Penutupan Rasmi akan diadakan pada hari Khamis, 28 Ogos di MJPAPRSB pada jam 2.30 petang.

Para peserta bolehlah menghubungi Jabatan Penerangan atau Bahagian Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan untuk pertanyaan dan maklumat lanjut melalui talian telefon: 2383400 (Jabatan Penerangan) dan 2381133 (Bahagian Biasiswa dan Latihan, Kementerian Pendidikan).

Perdagangan bebas perlu persaingan

Dari muka 1

Dalam masa yang sama KPSSU telah mengambil berat dan peka kepada permasalahan yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha, namun pihak Kementerian sedang meneliti semula keberkesanan kesemua program yang dilaksanakan itu bagi memastikan ianya mesra pengguna dan memenuhi keperluan-keperluan pengusaha dan perusahaan tempatan.

Menurut Yang Berhormat, usaha meliberalisasi perdagangan dan pelaburan bagi negara ini sentiasa diselenggarakan dengan tahap pembangunan industri tempatan seperti dalam memberikan kelonggaran jangka waktu yang lebih panjang bagi membuka pasaran domestik serta juga bantuan-bantuan yang lebih fleksibel dengan memberi keutamaan kepada perusahaan dan produk tempatan.

"Kesemua itu bagi menjamin industri tempatan dapat membangun dan memperkukuhkan asas masing-masing sebelum ia didedahkan kepada saingan luar," jelas Yang

Berhormat.

Tema Ekspo Produk Tempatan 2003 'Ke Arah Kecemerlangan Produk Tempatan' diharap akan dapat memberi dorongan dan cabaran kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk lebih inovatif dan terus mempertingkatkan lagi keluaran produk-produk mereka yang berkualiti tinggi dalam pasaran, sekali gus dapat memperkukuhkan lagi daya saing ke arah merebut peluang yang mengiringi perdagangan bebas dalam proses globalisasi masa kini.

Yang Berhormat juga menjelaskan peluang-peluang dan faedah yang diperolehi oleh negara dan pengusaha-pengusaha tempatan dalam menyertai Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA).

"AFTA juga menawarkan beberapa keistimewaan bagi barangan yang memenuhi syarat jumlah input yang minima baik dari segi bahan mentah termasuk kos pembuatan, dari satu negara mahupun jumlah dari beberapa negara ASEAN," ujarnya.

Menurut Yang Berhormat, mana-mana ba-

rangan yang memenuhi syarat itu akan diiktiraf sebagai barangan buatan ASEAN dan akan diberikan layanan istimewa termasuk cukai yang rendah, proses perkastaman yang mudah dan proses bukan tarif seperti piawai dan penghasilan yang lebih selaras.

Keistimewaan itu juga memberikan peluang yang banyak kepada pengusaha tempatan untuk mempertingkatkan aktiviti pembuatan dan pemprosesan di negara ini dengan menggunakan input tempatan ataupun bersama negara-negara lain ASEAN untuk dapat dipasarkan dalam rantau ini dan antarabangsa.

AFTA juga dapat memastikan yang negara meraih peluang-peluang yang dibawa oleh proses globalisasi dan dalam masa yang sama menjadikan sebagai destinasi utama bagi pelaburan dan perdagangan.

Yang Berhormat juga melahirkan rasa gembira setelah melaksanakan proses pembangunan industri-industri negara ini lebih satu dekad di mana industri sektor pembuatan dan perkhidmatan serta industri

sektor pemakanan telah memperlihatkan perkembangan yang menggalakan melalui produk-produk keluaran tempatan yang berkualiti tinggi dan berupaya menguasai pasaran tempatan dan luar negara dengan menggunakan keistimewaan-keistimewaan yang disediakan dalam proses serantau termasuk AFT dan globalisasi.

Dalam masa yang sama, Yang Berhormat menyarankan supaya agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta dan korporat yang berkaitan terus bersama-sama memberikan sokongan kepada penggunaan produk-produk keluaran tempatan yang telah memenuhi pengiktirafan dalam mana-mana projek.

KPSSU juga akan sentiasa mendapatkan input dari semua pihak yang terlibat dan akan berusaha sedaya upaya untuk melakukan apa yang terbaik ke arah menggarap kecemerlangan dalam menghadapi persaingan-persaingan ekonomi yang terbuka.

Sementara itu, Setiausaha Tetap KPSSU, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman, Pengerusi Majlis Pengendalian Ekspo Produk Tempatan 2003 berharap dalam suasana ekonomi yang terbuka dan kompetitif, ekspo itu akan mencapai matlamat yang dapat meletakkan asas yang kukuh kepada perusahaan di negara ini untuk berkembang maju dan melangkah menembusi pasaran luar merentasi sempadan.

Ekspo Produk Tempatan 2003 merupakan satu perhimpunan istimewa yang dihasilkan untuk mempromosikan produk-produk tempatan yang dihasilkan oleh usahawan mikro, kecil dan sederhana di negara ini dalam usaha melaksanakan program kepelbagaian ekonomi.

Ekspo tersebut telah disertai oleh lebih 62 usahawan pelbagai sektor mencakupi bidang sumber-sumber utama, pembuatan, kraft tangan, perkhidmatan yang sudah berkembang dan mendapat pasaran eksport.

Ekspo yang berlangsung selama lima hari itu menyediakan peluang untuk berinteraksi dan berkonsultasi bagi membolehkan orang ramai mendapatkan maklumat secara langsung mengenai potensi perniagaan dan perusahaan serta program-program dukungan yang disediakan oleh kerajaan, khususnya KPSSU dalam membantu usahawan mikro, kecil dan sederhana.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyaksikan pelbagai produk tempatan sejurus melancarkan Ekspo Produk Tempatan 2003. Majlis berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negara Hassanah Bolkihah. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Senyum Budiman



RALAT

SUKACITA menarik perhatian pembaca bahawa 'date-line' muka depan PELITA BRUNEI keluaran minggu lalu yang sebetulnya ialah 13 Ogos 2003 dan bukannya 13 Julai 2003 seperti yang dicetak.

Sementara itu PELITA BRUNEI keluaran 6 Ogos 2003 di muka 12 di bawah tajuk berita 'Seni warisan hadrah perlu terus dipelihara,' para pertama baris ketiga perkataan politik hendaklah dibaca patriotik.

Di muka surat yang sama di bawah tajuk 'PESEBAR lancar 4 buah buku', para terakhir baris ketiga perkataan Pegawai Tugas-Tugas Khas Kementerian Pendidikan hendaklah dibaca Pensyarah Kanan Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam. - Penyunting.

Kebawah DYMM berangkat lawat Pekan Belait, Seria dan kawasan pedalaman Daerah Belait

KUALA BELAIT, 11 Ogos. - Daerah Belait menempa sejarah sekali lagi hari ini apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat melawat ke daerah itu bagi meninjau prasarana, perkembangan dan kehidupan rakyat dan penduduk di sini.

Antara tempat yang menjadi tumpuan lawatan baginda ialah Pejabat Daerah Belait, Kompleks Bumi Putera Pekan Belait, Kawasan Perindustrian Ringan Mumong, Pasar Baru Seria, Berek Kerajaan Jalan Bolkiah Seria, Sekolah Menengah Chung Ching, Kampung Baru, Kampung Jabang, Rumah Pangsa, Jalan Pangsa Seria,

Pejabat Daerah Cawangan Seria, Klinik Kesihatan Seria, kawasan pedalaman Daerah Belait iaitu Rumah Panjang Teraja dan Kampung Rampayoh.

Lawatan baginda bermula ke Pejabat Daerah Belait. Keberangkatan tiba baginda dijunjung oleh Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Ali bin Md. Yassin. Semasa lawatan singkat itu baginda

Liputan Dayangku Hajah Saidah PHOA
Gambar-gambar oleh
Pengiran Haji Bahar PHO, Harun HR dan
Dayangku Hajah Saidah PHOA

menemui beberapa orang penghulu dan ketua kampung yang kebetulan sedang berurusan dengan Pejabat Daerah. Perjumpaan berlangsung di Bilik Persidangan Pejabat Daerah Belait.

Dari sana baginda meninjau Kompleks Bumi Putera di Pekan Belait. Baginda mendapati bangunan tiga tingkat itu memang hanya diisi lebih 10 buah

kedai yang beroperasi di situ menjual ubat-ubatan, memotong dan menjahit pakaian serta restoran. Selebihnya ruang-ruang kedai itu terbiar kosong begitu saja.

Di sana baginda menemui dan mendapat maklumat dari para peniaga dan pengusaha mengenai kegiatan perusahaan mereka. Maklumat tersebut sebagai input kepada baginda yang ingin melihat peniaga-peniaga tempatan maju dan mampu bersaing dengan bangsa lain.

Baginda seterusnya melawat ke Kawasan Perindustrian Mumong. Baginda juga berkenan melihat dengan lebih dekat lagi pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana (SME) yang bergiat di Kawasan Perindustrian Ringan Mumong yang telah beroperasi hampir 10 tahun. Seperti juga Kompleks Bumi Putera Pekan Belait, kawasan perindustrian tersebut juga kelihatan memang hanya beberapa buah perusahaan sahaja yang beroperasi antaranya restoran, pembuatan mi mentah, perkhidmatan percetakan dan memotong dan menjahit pakaian wanita.

Dari sana baginda melawat ke Pekan Seria yang kaya dengan hasil minyak dan gas. Ketika di sana baginda melawat dan meninjau kemudahan yang terdapat di pasar baru tersebut. Semasa lawatan baginda itu hampir keseluruhan bangku untuk berjaja kelihatan memang kosong. Pasar dua tingkat itu mula beroperasi sejak 1996 untuk menggantikan pasar lama di pekan itu. Pasar berkenaan menyediakan 42 bangku daging ayam, 60 bangku sayur dan 42 bangku ikan.

Baginda seterusnya melawat ke Berek Perumahan Kerajaan Jalan Bolkiah. Baginda meninjau dan meneliti keadaan



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menitahkan sesuatu kepada seorang pegawai Bandaran Kuala Belait dan Seria ketika baginda berangkat melawat Kompleks Bumi Putera Pekan Belait (atas).

TERTARIK ... Seorang murid kelas tadika di Sekolah Menengah Chung Ching, Seria yang petah bercakap menyebarkan salam hormat ke hadapan majlis baginda ketika baginda melawat kelas tersebut (kiri).

BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah pegawai dan kakitangan Klinik Kesihatan Seria (bawah).



BAGINDA berkenan menerima junjung ziarah rakyat dan penduduk Daerah Belait ketika baginda melawat Kompleks Bumi Putera Pekan Belait (atas).

PRIHATIN ... Baginda bertanya kepada seorang guru Sekolah Menengah Chung Ching, mengenai buku teks yang digunakan beliau ketika mengajar di kelasnya (kanan).



Lihat muka 5



SIKAP PEMEDULIAN ... Baginda menitahkan sesuatu kepada Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Ali bin Md. Yassin dan pegawai-pegawai kanan jabatan-jabatan kerajaan Daerah Belait ketika baginda melawat ke Daerah Belait (atas). Sementara gambar kanan, baginda disebarkan penerangan oleh Pengetua Sekolah Menengah Chung Ching, Seria, Awang Shim Jim Chiang ketika melawat sekolah berkenaan.





BAGINDA menanyakan mengenai penempatan dan pelaksanaan tugas Pos Polis Kampung Baru Seria kepada Penguasa Polis Daerah Belait, Awang Majid.

Dari muka 4

persekitaran kawasan terutama longkang besar yang dikatakan menjadi punca berlakunya banjir di kawasan berkenaan apabila hujan lebat berlaku.

Dari sana baginda melawat Sekolah Menengah Chung Ching. Keberangkatan baginda dijunjung oleh Pengetua Sekolah, Awang Shim Jim Chiang. Pada ketika ini sekolah berkenaan mempunyai lebih 1,000 penuntut dan dari jumlah tersebut 20 peratus terdiri daripada pelajar Melayu dan lebih 73 tenaga pengajar. Baginda juga meninjau kemudahan yang terdapat di sekolah itu. Lawatan tersebut merupakan lawatan kedua. Baginda kali pertama berkenan berangkat ke sekolah tersebut pada tahun 1984.

Destinasi lawatan baginda seterusnya ke

Kampung Baru. Lawatan baginda bermula di Pos Polis yang dikendalikan oleh seorang anggota polis dengan keramahan penduduk di situ lebih 600 orang. Lawatan ke Pos Polis tersebut menunjukkan keprihatinan baginda mengenai perlunya dikekalkan ketenteraman awam di mana jua rakyat baginda berada baik di bandar mahupun di luar bandar.

Baginda seterusnya meninjau keadaan-keadaan persekitaran kampung tersebut. Kampung tersebut terletak di pinggir Pekan Seria dengan keadaan jalan yang kurang memuaskan. Kampung tersebut dihuni oleh masyarakat berbilang kaum namun majoriti penduduk yang tinggal di situ terdiri daripada bangsa Cina.

Rumah setinggan di Kampung Jabang turut dilawati baginda dengan meninjau keadaan kawasan

di kampung itu dari dalam kenderaan baginda. Keadaan perumahan di kawasan itu kurang rapi dan tidak mencerminkan imej Seria sebagai kota minyak. Baginda juga meninjau keadaan rumah pangsa kerajaan di Jalan Pangsa yang masih di tahap baik pulih.

Baginda seterusnya melawat Pejabat Daerah Belait Cawangan Seria dan Klinik Kesihatan Seria. Pejabat tersebut mempunyai Dewan Serbaguna dan Pejabat Penghulu dan Ketua Kampung. Pejabat tersebut juga digunakan bagi penerima-penerima pencen tua di kawasan itu menerima pencen mereka setiap bulan.

Dari Pekan Seria baginda meneruskan lawatan ke kawasan pedalaman Daerah Belait. Lawatan baginda menggambarkan keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap kehidupan rakyat walau di mana



RUMAH Pangsa di Jalan Pangsa Seria yang masih di tahap baik pulih menarik perhatian baginda untuk meninjau lebih dekat perkembangan kawasan tersebut.

mereka berada baik di kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman.

Jarak jauh bukanlah menjadi penghalang atau pemisah bagi baginda untuk memeduli kesejahteraan dan bergaul dengan rakyat baginda. Yang penting bagi baginda ingin melihat rakyat dan penduduk negara ini hidup dalam sejahtera dan maju jaya dalam segenap bidang yang mereka ceburi.

Destinasi pertama baginda ke Rumah Panjang Teraja yang terletak kira-kira 60 kilometer dari Pekan Seria. Di sana baginda meninjau keadaan persekitaran dan kehidupan penghuni rumah panjang tersebut.

Baginda seterusnya melawat ke Kampung Rampayoh. Selain mempunyai dua buah rumah panjang, kampung tersebut terkenal sebagai kawasan pelancongan dengan terdapatnya Wasai Wong Kadir yang sering menerima kunjungan pelancong asing dan tempatan bagi mereka yang ingin menyaksikan panorama keindahan alam semula jadi yang belum tercemar oleh pembangunan.

Lawatan terakhir baginda ke Sekolah Rendah Rampayoh. Di sana baginda meninjau keadaan sekolah dan pembelajaran murid-murid di sana. Meskipun terletak di kawasan pedalaman sekolah tersebut tidak ketinggalan menerima kemudahan asas bagi kesejahteraan murid-murid dan tenaga pengajar sekolah itu.



BAGINDA diiringi Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Ali bin Md. Yassin ketika melawat ke Kawasan Perindustrian Ringan Mumong.



BAGINDA meninjau lebih dekat keadaan Klinik Kesihatan Seria, sambil beramah mesra bersama Pegawai Perubatan dan kakitangan klinik tersebut.



BAGINDA berkenan menandatangani buku lawatan ketika berkenan berangkat ke Rumah Panjang Teraja.



TINJAU LEBIH DEKAT ... Baginda berkenan berangkat bercemer duli melawat keadaan kehidupan penghuni Rumah Panjang Rampayoh (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Belait sebelum berangkat pulang setelah melawat Sekolah Rendah Rampayoh (kanan).



MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

PELABUHAN LAMA DENGAN CERITA LAMA

berlabuh sehingga di laut Kampong Datu Gandhi.

Dalam semua kesibukan itu, satu hal yang patut benar dikenang ialah peranan yang dimainkan oleh petugas-petugas yang berkaitan baik pegawai-pegawai Kastam dan Imigresen mahupun Jabatan Laut. Ketiga-tiga rangkai jabatan memegang tanggungjawab yang berat dalam menentukan segala hal yang menjadi tanggungjawab mereka perlu dipastikan berjalan lancar, kalau tidak, maka segalanya akan turut menurut terjejas.

Perkataan "clearance" difahami benar oleh mereka yang terlibat biarpun mereka itu sebilangannya besarnya tidak menduduki sekolah Inggeris. Demikian juga istilah-istilah lain yang keseluruhannya digunakan dalam Bahasa Inggeris baik alat-alat perkapalan, dokumen-dokumen Kastam dan Imigresen dan juga tidak terkecuali arahan-arahan tugas dan tanggungjawab yang dipikulkan kepada pegawai-pegawai Jabatan Laut. Namun, atas nama tugas, mereka dapat memenuhi semua keperluan itu.

Seperkara yang juga kita suka kenang ialah apabila melihat kapal-kapal yang berlabuh sama ada di Laut Datu Gandhi, Pintu Malim ataupun berhampiran dengan Pulau Chermin, seolah-olah menjadikan pemandangan itu sebagai sesuatu yang tidak mudah dilupakan. Ia sangat indah, dan kadang-kadang timbul juga rasa bangga bila mengenangkan yang negara ini hanyalah sebuah negara kecil dengan penduduk yang tidak ramai, tetapi tetap selalu sibuk. Ketika kapal-kapal itu berlabuh menanti giliran merapat, akan selalu kelihatan para padian dan pedagang-pedagang lain menghampiri kapal-kapal tersebut sambil menawarkan dagangan masing-masing. Di pihak anak buah kapal-kapal itu pula di samping membeli barang-barang yang ditawarkan, mereka juga akan mengambil peluang untuk menawarkan barang-barang luar negeri untuk dijual kepada mereka yang berminat.

Sebab itu, apabila ada kapal berlabuh di laut, maka akan ramai orang mendatanginya untuk membeli barang-barang yang dibawa oleh anak buah kapal tersebut. Secara tidak langsung, ber-

lakulah tukar-menukar barang. Hasil dari kegiatan ini pula, semakin bertambah bilangan orang-orang kita menjadi peniaga sambil. Dan ada pula yang berjaya menjadi pedagang yang mantap sebagai imbalan daripada usaha yang demikian itu. Ada yang berjaya menjadi pengedar barang-barang asing seperti barang-barang perhiasan, permainan budak-budak, pakaian dan macam-macam lagi. Malah ada yang menjadi penjual barang-barang untuk kegunaan pengantin seperti kedudukan dian, gangsa dan tipa sirih dan lain-lain lagi. Malah ada yang senang sahaja menyebut 'Arab Street' biarpun mereka tidak pernah menjejaskan kaki ke Singapura.

Apabila kapal-kapal itu mendapat kebenaran merapat, pegawai-pegawai Jabatan Laut yang biasa dengan tuhur-dalam Sungai Brunei akan turut sama berperanan untuk menunjuk arah tuju yang tepat. Selain itu, mereka juga memastikan agar segalanya berjalan dengan baik terutama keselamatan rumah-rumah di Kampong Ayer. Mereka itu dianggap sebagai orang-orang yang pakar pada ilmu mereka. Bak kata orang alah bisa kerana biasa.

Ini menambahkan lagi rasa bangga kita bila memperkatakan kebolehan orang-orang kita dahulu, biarpun tidak berpelajaran tinggi. Itulah ketepatan pada menempatkan tempatnya.



GAMBAR Jabatan Penerangan - dahulu Jabatan Penyiaran dan Penerangan (DBI) - menunjukkan suasana yang selalu berlaku di Tambatan Kastam Diraja Brunei di masa silam. Sementara pihak pentadbiran kerajaan senantiasa memantau akan keupayaan tambatan tersebut supaya berada di tahap yang selamat dan memuaskan.



DALAM siri-siri awal tulisan ini kita pernah menyentuh mengenai dengan Tambatan Kastam Diraja Brunei di Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan menyebut tentang beberapa perkhidmatan yang pernah disumbangkannya. Tidak setakat itu, peranannya sebagai sumber mata pencarian rakyat juga pernah kita sebutkan terutamanya bidang perniagaan kecil-kecilan seperti berjualan barang-barang makan, kuih-muih, sayur-mayur, ikan hidup dan ikan kering, berbagai produk perikanan dan kerajinan tangan dan lain-lain lagi.

Lebih utama daripada itu ialah tentang peranannya sebagai pelabuhan utama pada ketika itu dan juga satu-satunya pintu utama yang berperanan dalam mengawal kegiatan keluar masuk dari dan ke negara ini.

Selaku pelabuhan utama, kegiatannya bukan saja dianggap penting dalam berperanan untuk menyumbangkan khidmatnya dalam pelbagai bidang untuk memesatkan pembangunan negara, bahkan yang tidak pernah terabai termasuklah bidang-bidang yang diperlukan oleh rakyat dan penduduk seperti bidang pembekalan keperluan harian rakyat yang dibawa masuk dari luar seperti beras, tepung, gula, kopi, teh, minyak, garam dan banyak lagi termasuk kain-mengain dan yang seumpamanya.

Ternyata, Tambatan Kastam Diraja Brunei ketika itu - sejak seawal sebelum 1940-an lagi - dikatakan sebagai pusat bagi kebanyakan kegiatan penting negara yang tidak terhad kepada yang berkaitan dengan perekonomian tetapi juga lain-lain perkara termasuklah acara-acara rasmi untuk satu-satu upacara kenegaraan.

Namun demikian, yang paling sibuk mengisikan peranan Tambatan Kastam itu ialah bertambatnya silih berganti sepanjang minggu, sepanjang bulan dan sepanjang tahun kapal-kapal kargo, kapal-kapal penumpang kecil dan besar yang kesemuanya ditangani olehnya semampu mungkin.

Oleh itu, tambatan tersebut jarang sekali sepi dari kesibukan. Ia terus dimanfaatkan dan khidmatnya ternyata sangat perlu. Kecepatan kerja punggah-memunggah adalah amat diperlukan kerana hampir setiap hari banyak kapal-kapal kargo yang terus mendatangi Kuala Brunei. Kapal-kapal yang belum boleh merapat itu akan kelihatan berlabuh di sekitar perairan Kampong Pintu Malim, malah ada waktu-waktunya yang paling sibuk yang menyebabkan kapal-kapal yang menanti giliran merapat itu terpaksa

Syarikat GHK sumbangkan 'Porta Cabin'

MUARA, 11 Ogos. - Kementerian Kesihatan hari ini menerima sumbangan 'Porta Cabin' pemeriksaan kesihatan oleh Goh Hock Kee Auto Assembly dalam majlis penyerahan berlangsung di Terminal Feri, Serasa di sini.

Pengerusi GHK Group Company, Pengiran Dato Mohd. Saifuddin menyerahkan kunci 'Porta Cabin' kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal dan turut disaksikan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai kerajaan

Oleh
Hj. Ahmad HS

serta syarikat berkenaan.

Menurut siaran akhbar syarikat GHK 'Porta Cabin' yang disumbangkan bernilai \$45,000.00 dilengkapi pelbagai peralatan

seperti kuasa elektrik, penghawa dingin dan kemudahan pencucian.

Sementara itu pegawai Perubatan Kanan, Dr. Lakshmi berkata alat tersebut akan digunakan untuk pemeriksaan lanjut bagi penumpang yang dijangkiti

SARS, di mana para penumpang akan melalui pemeriksaan kesihatan 'terminal scanner' bagi pemeriksaan suhu panas badan.

Selain itu 'Porta Cabin' ini juga akan berfungsi bagi mengawasi kebersihan di sekitar terminal.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal menerima kunci 'Porta Cabin' oleh Pengerusi GHK Group Company, Pengiran Dato Mohd. Saifuddin (kiri). Sementara gambar kanan, alat pemeriksaan kesihatan yang disumbangkan oleh Syarikat GHK kepada Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



Persoalan Mengenai Makanan Dalam Tin

SUKACITA merujuk surat pembaca tulisan Haji Nayan dalam Borneo Bulletin yang bertajuk 'What was the result of the Halal probe' (Borneo Bulletin 14 Jun 2003) dan 'Shed light on the Halal Canned Food' (Borneo Bulletin 12 Julai 2003).

Surat tersebut telah mempersoalkan perkara berikut iaitu 'Kenapa Jawatankuasa Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal mengambil masa yang lama untuk menjawab isu berhubung daging berproses dalam tin' dan 'Apakah hasil siasatan daging halal yang dijalankan berhubung dengan makanan dalam tin yang diimport dari negara jiran?' di mana penulis telah meminta Kementerian Hal Ehwal Ugama memberi jawapan sebagai penjelasan kepada orang ramai.

Ingin dijelaskan di sini bahawa pada masa ini Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal, Bahagian Halal Haram, Kementerian Hal Ehwal Ugama hanya diberikan kuasa ke atas daging mentah sahaja.

Dengan yang demikian, selain daging mentah adalah di luar bidang kuasa yang diamanahkan kepada Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal.

Unit Perhubungan Awam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam,
16 Jamadilawal 1424/16 Julai 2003



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat ke Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-38 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Kerjasama Brunei - S'pura lebih kukuh

Oleh
Haji Ahmad HS

Pada hakikatnya jelas Duli Yang Teramat Mulia kedua-dua pihak sudah melihat ke hadapan dan mendapat manfaat pengalaman-pengalaman yang dikongsi tahun lalu.

DYTM seterusnya bersabda seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika melawat Republik Singapura awal tahun ini, rakyat kedua-dua negara merupakan sahabat paling rapat dan rakan yang baik.

DYTM bersabda demikian di Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-38 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

DYTM menambah sabda, Negara Brunei Darussalam menghargai cara kerajaan dan rakyat Republik Singapura menangani wabak SARS di mana usaha mereka untuk mengawal wabak SARS haruslah mendapat ujian.

DYTM menambah sabda, ia merupakan contoh tanggungjawab kebangsaan yang baik dari setiap rakyat Singapura, di samping dedikasi pihak perubatan dan kakitangan mereka.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Terdahulu dari itu majlis bermula dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dikumandangkan.

Kemudian diikuti dengan ucapan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura

ke negara ini, TYT Hiru-balan yang antara lain menyentuh mengenai hubungan yang kukuh dalam pelbagai bidang termasuk bidang perdagangan, pertukaran lawatan peringkat tinggi dan pegawai-pegawai kanan, pendidikan dan pertahanan.

Antara bidang yang disentuh oleh TYT ialah bidang perdagangan, di mana hubungan kedua-dua buah negara dalam bidang ini adalah kukuh sehingga mencatatkan jumlah perdagangan kepada \$1.19 bilion tahun lepas dengan pertambahan sebanyak 12.7 peratus tahun sebelumnya.

TYT seterusnya berkata tahun ini adalah sangat bermakna bagi hubungan kedua-dua buah negara kerana keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik Singapura.

Kebangkitan tersebut lebih mengukuhkan hubungan kedua-dua negara serta membolehkan pemimpin Singapura dan menteri-menteri berpeluang mengukuhkan persahabatan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

TYT menambah dalam bidang pertahanan, hubungan antara Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam telah berjalan lebih 30 tahun di mana Republik Singapura telah memandang tinggi Negara Brunei Darussalam sebagai rakan pertahanan penting dan anggota tentera Singapura gembira dengan hubungan yang cemerlang bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikah dan Yang Teramat Mulia berserta Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Hirubalan dan Isteri bersama-sama memotong kek sempena Hari Kebangsaan republik tersebut. - Gambar oleh Ramli Tengah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali berkesempatan menyaksikan Pameran Seminar Brunei Darussalam - Jepun di Perpustakaan UBD. - Gambar oleh Masri Osman.

Seminar Brunei Darussalam - Jepun jadi pendorong kerjasama lebih erat

TUNGKU, 11 Ogos. - Seminar Brunei Darussalam - Jepun yang mengandungi topik-topik yang menarik dan berfaedah dari semua pembentang kertas kerja, di samping sumbangan dari peserta-peserta akan menjadi pendorong kepada kerjasama yang lebih erat dan berkesan pada masa hadapan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Awang Mohd. Daud selaku tetamu kehormat di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Brunei Darussalam - Jepun yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Yang Dimuliakan menambah, hasil pengajian Brunei - Borneo itu nanti akan menjadi pendorong dan pelengkap kepada kerja-kerja yang diunggakayakan oleh pegawai-pegawai dalam menambatkan lagi hubungan serta perkongsian antara ASEAN - Jepun dan Brunei Darussalam - Jepun.

Manakala hasil daripada seminar itu, diharapkan dapat memberikan kepentingan masyarakat kedua-dua buah negara (dan ASEAN) kerana sudah sentunya boleh mengukuhkan lagi persefahaman dan menambah ilmu pengetahuan berhubung asal usul serta kebudayaan orang Brunei malah seluruh Borneo yang belum dapat diterokai seluruhnya.

Institusi-institusi pengajian tinggi seperti UBD dan di negara Jepun diseru agar mengambil kesempatan daripada seminar kerjasama seperti ini untuk mewujudkan usaha sama yang lebih proaktif, positif dan berwawasan bagi pengajian serta penyelidikan Brunei Darussalam (ASEAN) - Jepun

Oleh
Siti Aishah HS

dalam apa jua bidang bagi keuntungan dan kepentingan bersama kedua-dua buah negara.

Seminar berkenaan antara lain bertujuan untuk saling menerokai jaringan (network) keserjanaan antara UBD dan institusi pengajian tinggi di Jepun (dan ASEAN) dalam bidang pengajian Melayu dan Borneo secara amnya serta saling memperkenalkan tokoh-tokoh yang menceburi bidang tersebut.

Seramai 30 orang pembentang kertas kerja dari Malaysia, Jepun dan Negara Brunei Darussalam telah dijemput. Sementara UBD telah mendapat pengiktirafan dari negara Jepun selaku sebuah negara termaju dan termoden di Asia bagi mengadakan Seminar Brunei Darussalam - Jepun selama dua hari itu.

Seminar tersebut juga adalah salah satu daripada aktiviti Program Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun dengan tumpuan seminar menjurus kepada 'Kajian Brunei - Borneo' tajaan sepenuhnya Mitsubishi Corporation.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima cenderahati oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman. - Gambar oleh Masri Osman.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
BAHAGIAN PENGURUSAN (BAHAGIAN II)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Mengendalikan kerja-kerja yang berhubung dengan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah: Menyediakan senarai kadar harga bayaran perkhidmatan Pakej Haji termasuklah harga tambang syarikat yang telah dipersetujui bagi makluman orang ramai	2 hari
2.	Mengadakan perjumpaan antara syarikat-syarikat perkhidmatan Pakej Haji serta jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan Kementerian Kesihatan.	Bermula setelah mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sehingga tempoh pembayaran (3 bulan)
3.	Menyediakan minit-minit mesyuarat hasil daripada perjumpaan bersama syarikat-syarikat perkhidmatan pakej serta pihak-pihak yang terlibat dan seterusnya melaksanakan keputusan hasil daripada perjumpaan berkenaan.	2 minggu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada ketua pasukan Negara Brunei Darussalam yang menjuarai acara tarik kalat tiga tahun berturut-turut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan berangkat menyaksikan Malam Serumpun (atas).

BAGINDA ketika berkenan menganugerahkan penyampaian hadiah kepada ketua pasukan yang memenangi dalam Pertandingan Kenderaan Berhias sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-57 (bawah kiri).

BAGINDA ketika berkenan menerima junjung ziarah para peserta yang mengambil bahagian dalam acara Malam Serumpun (bawah kanan).



KEMENTERIAN Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempersembahkan kenderaan berhias alam flora (kiri).

SYARIKAT Minyak Brunei Shell mempersembahkan kenderaan berhias, seekor ikan raksasa (bawah kiri).

JABATAN Daerah Brunei dan Muara mempersembahkan kenderaan berhias Gegandong (atas).

PASUKAN Negara Brunei Darussalam yang menjuarai Perlawanan Akhir Tarik Kalat Seborneo Ke-4 ketika menunjukkan kehebatan mereka dalam perlawanan tersebut (bawah).



Malam Serumpun warna-warni

Liputan Aliddin HM dan Abu Bakar Gambar-gambar oleh Abdullah HA PDPHM dan Hamadi H

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berangkat ke Bandar Seri Begawan untuk menyaksikan Malam Serumpun iaitu Perlawanan Akhir Tarik Kalat yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Perayaan.

Keberangkatan tiba baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Taman Haji Saifuddin di ibu negara telah dijunjung oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Seri Setia Haji Saifuddin dan Menteri Besar, Yang Mulia Dato Paduka Seri Setia Haji Saifuddin.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Acara tersebut bermula dengan persembahan kebudayaan dan kesenian yang mempersembahkan tarian Menjunjung Duli serta diiringi persembahan bunga api yang beraneka corak yang dipersembahkan oleh Dewan Perniagaan Tionghoa. Selepas itu disusuli dengan perbarisan beraneka corak kebudayaan dan kesenian.

Perarakan beraneka corak kebudayaan yang kemudiannya diiringi dengan menarik minat yang menunggang awal lagi untuknya. Perarakan 11 buah pasukan kerajaan, sekumpulan persendirian.

Acara ini dengan persembahan gam oleh pasukan beruniform. Acara yang disaksikan oleh Akhbar Tarik yang menarai pasukan dari Darussalam, Wilayah Persekutuan dan Kalimantan. Persembahan dan kesenian.





BAGINDA menanyakan mengenai penempatan dan pelaksanaan tugas Pos Polis Kampung Baru Setia kepada Penguasa Polis Daerah Belait, Awang Majid.

Dari muka 4

persekitaran kawasan terutama longkang besar yang dikatakan menjadi punca berlakunya banjir di kawasan berkenaan apabila hujan lebat berlaku.

Dari sana baginda melawat Sekolah Menengah Chung Ching. Keberangkatan baginda dijunjung oleh Pengetua Sekolah, Awang Shim Jim Chiang. Pada ketika ini sekolah berkenaan mempunyai lebih 1,000 penuntut dan dari jumlah tersebut 20 peratus terdiri daripada pelajar Melayu dan lebih 73 tenaga pengajar. Baginda juga meninjau kemudahan yang terdapat di sekolah itu. Lawatan tersebut merupakan lawatan kedua. Baginda kali pertama berkenaan berangkat ke sekolah tersebut pada tahun 1984.

Destinasi lawatan baginda seterusnya ke

Kampung Baru. Lawatan baginda bermula di Pos Polis yang dikendalikan oleh seorang anggota polis dengan keramaian penduduk di situ lebih 600 orang. Lawatan ke Pos Polis tersebut menunjukkan keprihatinan baginda mengenai perlunya dikekalkan ketenteraman awam di mana jua rakyat baginda berada baik di bandar mahupun di luar bandar.

Baginda seterusnya meninjau keadaan-keadaan persekitaran kampung tersebut. Kampung tersebut terletak di pinggir Pekan Setia dengan keadaan jalan yang kurang memuaskan. Kampung tersebut dihuni oleh masyarakat berbilang kaum namun majoriti penduduk yang tinggal di situ terdiri daripada bangsa Cina.

Rumah setinggan di Kampung Jabang turut dilawati baginda dengan meninjau keadaan kawasan

di kampung itu dari dalam kenderaan baginda. Keadaan perumahan di kawasan itu kurang rapi dan tidak mencerminkan imej Setia sebagai kota minyak. Baginda juga meninjau keadaan rumah pangsa kerajaan di Jalan Pangsa yang masih di tahap baik pulih.

Baginda seterusnya melawat Pejabat Daerah Belait Cawangan Setia dan Klinik Kesihatan Setia. Pejabat tersebut mempunyai Dewan Serbaguna dan Pejabat Penghulu dan Ketua Kampung. Pejabat tersebut juga digunakan bagi penerima-penerima pencen tua di kawasan itu menerima pencen mereka setiap bulan.

Dari Pekan Setia baginda meneruskan lawatan ke kawasan pedalaman Daerah Belait. Lawatan baginda menggambarkan keprihatinan dan pemedulian baginda terhadap kehidupan rakyat walau di mana



RUMAH Pangsa di Jalan Pangsa Setia yang masih di tahap baik pulih menarik perhatian baginda untuk meninjau lebih dekat perkembangan kawasan tersebut.

mereka berada baik di kawasan bandar mahupun di kawasan pedalaman.

Jarak jauh bukanlah menjadi penghalang atau pemisah bagi baginda untuk memeduli kesejahteraan dan bergaul dengan rakyat baginda. Yang penting bagi baginda ingin melihat rakyat dan penduduk negara ini hidup dalam sejahtera dan maju jaya dalam segenap bidang yang mereka ceburi.

Destinasi pertama baginda ke Rumah Panjang Teraja yang terletak kira-kira 60 kilometer dari Pekan Setia. Di sana baginda meninjau keadaan persekitaran dan kehidupan penghuni rumah panjang tersebut.

Baginda seterusnya melawat ke Kampung Rampayoh. Selain mempunyai dua buah rumah panjang, kampung tersebut terkenal sebagai kawasan pelancongan dengan terdapatnya Wasai Wong Kadir yang sering menerima kunjungan pelancong asing dan tempatan bagi mereka yang ingin menyaksikan panorama keindahan alam semula jadi yang belum tercemar oleh pembangunan.

Lawatan terakhir baginda ke Sekolah Rendah Rampayoh. Di sana baginda meninjau keadaan sekolah dan pembelajaran murid-murid di sana. Meskipun terletak di kawasan pedalaman sekolah tersebut tidak ketinggalan menerima kemudahan asas bagi kesejahteraan murid-murid dan tenaga pengajar sekolah itu.



BAGINDA dilirungi Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Mohd. Ali bin Md. Yassin ketika melawat ke Kawasan Perindustrian Ringan Mumong.



BAGINDA meninjau lebih dekat keadaan Klinik Kesihatan Setia, sambil beramah mesra bersama Pegawai Perubatan dan kakitangan klinik tersebut.



BAGINDA berkenan menandatangani buku lawatan ketika berkenan berangkat ke Rumah Panjang Teraja.



TINJAU LEBIH DEKAT ... Baginda berkenan berangkat bercemar duli melawat keadaan kehidupan penghuni Rumah Panjang Rampayoh (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima junjung ziarah pegawai dan kakitangan Jabatan Daerah Belait sebelum berangkat pulang setelah melawat Sekolah Rendah Rampayoh (kanan).



DALAM siri-siri awal tulisan ini kita pernah menyentuh mengenai dengan Tambatan Kastam Diraja Brunei di Bandar Brunei (Bandar Seri Begawan) dan menyebut tentang beberapa perkhidmatan yang pernah disumbangkannya. Tidak setakat itu, peranannya sebagai sumber mata pencarian rakyat juga pernah kita sebutkan terutamanya bidang perniagaan kecil-kecilan seperti berjualan barang-barang makan, kuih-muih, sayur-mayur, ikan hidup dan ikan kering, berbagai produk percutangan dan kerajinan tangan dan lain-lain lagi.

Lebih utama daripada itu ialah tentang peranannya sebagai pelabuhan utama pada ketika itu dan juga satu-satunya pintu utama yang berperanan dalam mengawal kegiatan keluar masuk dari dan ke negara ini.

Selaku pelabuhan utama, kegiatannya bukan saja dianggap penting dalam berperanan untuk menyumbangkan khidmatnya dalam pelbagai bidang untuk memajukan pembangunan negara, bahkan yang tidak pernah terabai termasuklah bidang-bidang yang diperlukan oleh rakyat dan penduduk seperti bidang pembekalan keperluan harian rakyat yang dibawa masuk dari luar seperti beras, tepung, gula, kopi, teh, minyak, garam dan banyak lagi termasuk kain-mengain dan yang seumpamanya.

Ternyata, Tambatan Kastam Diraja Brunei ketika itu - sejak seawal sebelum 1940-an lagi - dikatakan sebagai pusat bagi kebanyakan kegiatan penting negara yang tidak terhad kepada yang berkaitan dengan perekonomian tetapi juga lain-lain perkara termasuklah acara-acara rasmi untuk satu-satu upacara kenegaraan.

Namun demikian, yang paling sibuk mengisikan peranan Tambatan Kastam itu ialah bertambatnya silih berganti sepanjang minggu, sepanjang bulan dan sepanjang tahun kapal-kapal kargo, kapal-kapal penumpang kecil dan besar yang kesemuanya ditangani olehnya semampu mungkin.

Oleh itu, tambatan tersebut jarang sekali sepi dari kesibukan. Ia terus dimanfaatkan dan khidmatnya ternyata sangat perlu. Kecepatan kerja punggah-memunggah adalah amat diperlukan kerana hampir setiap hari banyak kapal-kapal kargo yang terus mendatangi Kuala Brunei. Kapal-kapal yang belum boleh merapat itu akan kelihatan berlabuh di sekitar perairan Kampong Pintu Malim, malah ada waktu-waktunya yang paling sibuk yang menyebabkan kapal-kapal yang menanti giliran merapat itu terpaksa

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

PELABUHAN LAMA DENGAN CERITA LAMA

berlabuh sehingga di laut Kampong Datu Gandi.

Dalam semua kesibukan itu, satu hal yang patut benar dikenang ialah peranan yang dimainkan oleh petugas-petugas yang berkaitan baik pegawai-pegawai Kastam dan Imigresen mahupun Jabatan Laut. Ketiga-tiga rangkai jabatan memegang tanggungjawab yang berat dalam menentukan segala hal yang menjadi tanggungjawab mereka perlu dipastikan berjalan lancar, kalau tidak, maka segalanya akan turut menurut terjejas.

Perkataan "clearance" difahami benar oleh mereka yang terlibat biarpun mereka itu sebilangan besarnya tidak menduduki sekolah Inggeris. Demikian juga istilah-istilah lain yang keseluruhannya digunakan dalam Bahasa Inggeris baik alat-alat perkapalan, dokumen-dokumen Kastam dan Imigresen dan juga tidak terkecuali arahan-arahan tugas dan tanggungjawab yang dipikulkan kepada pegawai-pegawai Jabatan Laut. Namun, atas nama tugas, mereka dapat memenuhi semua keperluan itu.

Seperkara yang juga kita suka kenang ialah apabila melihat kapal-kapal yang berlabuh sama ada di Laut Datu Gandi, Pintu Malim ataupun berhampiran dengan Pulau Chermin, seolah-olah menjadikan pemandangan itu sebagai sesuatu yang tidak mudah dilupakan. Ia sangat indah, dan kadang-kadang timbul juga rasa bangga bila mengenangkan yang negara ini hanyalah sebuah negara kecil dengan penduduk yang tidak ramai, tetapi tetap selalu sibuk. Ketika kapal-kapal itu berlabuh menanti giliran merapat, akan selalu kelihatan para padian dan pedagang-pedagang lain menghampiri kapal-kapal tersebut sambil menawarkan dagangan masing-masing. Di pihak anak buah kapal-kapal itu pula di samping membeli barang-barang yang ditawarkan, mereka juga akan mengambil peluang untuk menawarkan barang-barang luar negeri untuk dijual kepada mereka yang berminat.

Sebab itu, apabila ada kapal berlabuh di laut, maka akan ramai orang mendatanginya untuk membeli barang-barang yang dibawa oleh anak buah kapal tersebut. Secara tidak langsung, ber-

lakulah tukar-menukar barang. Hasil dari kegiatan ini pula, semakin bertambah bilangan orang-orang kita menjadi peniaga sambilan. Dan ada pula yang berjaya menjadi pedagang yang mantap sebagai imbalan daripada usaha yang demikian itu. Ada yang berjaya menjadi pedagang barang-barang asing seperti barang-barang perhiasan, permainan budak-budak, pakaian dan macam-macam lagi. Malah ada yang menjadi penjual barang-barang untuk kegunaan pengantin seperti kedudukan dian, gangsa dan tipa sirih dan lain-lain lagi. Malah ada yang senang sahaja menyebut 'Arab Street' biarpun mereka tidak pernah menjejakkan kaki ke Singapura.

Apabila kapal-kapal itu mendapat kebenaran merapat, pegawai-pegawai Jabatan Laut yang biasa dengan tuhur-dalam Sungai Brunei akan turut sama berperanan untuk menunjuk arah tuju yang tepat. Selain itu, mereka juga memastikan agar segalanya berjalan dengan baik terutama keselamatan rumah-rumah di Kampong Ayer. Mereka itu dianggap sebagai orang-orang yang pakar pada ilmu mereka. Bak kata orang alah bisa kerana biasa.

Ini menambahkan lagi rasa bangga kita bila memperkatakan kebolehan orang-orang kita dahulu, biarpun tidak berpelajaran tinggi. Itulah ketepatan pada menempatkan tempatnya.



GAMBAR Jabatan Penerangan - dahulu Jabatan Penyiaran dan Penerangan (DBI) - menunjukkan suasana yang selalu berlaku di Tambatan Kastam Diraja Brunei di masa silam. Sementara pihak pentadbiran kerajaan senantiasa memantau akan keupayaan tambatan tersebut supaya berada di tahap yang selamat dan memuaskan).



Syarikat GHK sumbangkan 'Porta Cabin'

MUARA, 11 Ogos. - Kementerian Kesihatan hari ini menerima sumbangan 'Porta Cabin' pemeriksaan kesihatan oleh Goh Hock Kee Auto Assembly dalam majlis penyerahan berlangsung di Terminal Feri, Serasa di sini.

Pengerusi GHK Group Company, Pengiran Dato Mohd. Saifuddin menyerahkan kunci 'Porta Cabin' kepada Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal dan turut disaksikan pegawai-pegawai Kementerian Kesihatan dan pegawai-pegawai kerajaan

Oleh
Hj. Ahmad HS

serta syarikat berkenaan.

Menurut siaran akhbar syarikat GHK 'Porta Cabin' yang disumbangkan bernilai \$45,000.00 dilengkapi pelbagai peralatan

seperti kuasa elektrik, penghawa dingin dan kemudahan pencucian.

Sementara itu pegawai Perubatan Kanan, Dr. Lakshmi berkata alat tersebut akan digunakan untuk pemeriksaan lanjut bagi penumpang yang dijangkiti

SARS, di mana para penumpang akan melalui pemeriksaan kesihatan 'terminal scanner' bagi pemeriksaan suhu panas badan.

Selain itu 'Porta Cabin' ini juga akan berfungsi bagi mengawasi kebersihan di sekitar terminal.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Dato Paduka Awang Haji Zainal menerima kunci 'Porta Cabin' oleh Pengerusi GHK Group Company, Pengiran Dato Mohd. Saifuddin (kiri). Sementara gambar kanan, alat pemeriksaan kesihatan yang disumbangkan oleh Syarikat GHK kepada Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



Persoalan Mengenai Makanan Dalam Tin

SUKACITA merujuk surat pembaca tulisan Haji Nayan dalam Borneo Bulletin yang bertajuk 'What was the result of the Halal probe' (Borneo Bulletin 14 Jun 2003) dan 'Shed light on the Halal Canned Food' (Borneo Bulletin 12 Julai 2003).

Surat tersebut telah mempersoalkan perkara berikut iaitu 'Kenapa Jawatankuasa Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal mengambil masa yang lama untuk menjawab isu berhubung daging berproses dalam tin' dan 'Apakah hasil siasatan daging halal yang dijalankan berhubung dengan makanan dalam tin yang diimport dari negara jiran?' di mana penulis telah meminta Kementerian Hal Ehwal Ugama memberi jawapan sebagai penjelasan kepada orang ramai.

Ingin dijelaskan di sini bahawa pada masa ini Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal, Bahagian Halal Haram, Kementerian Hal Ehwal Ugama hanya diberikan kuasa ke atas daging mentah sahaja.

Dengan yang demikian, selain daging mentah adalah di luar bidang kuasa yang diamanahkan kepada Lembaga Mengeluarkan Permit Import Halal.

Unit Perhubungan Awam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam,
16 Jamadilawal 1424/16 Julai 2003



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah berangkat ke Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-38 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Seminar Brunei Darussalam - Jepun jadi pendorong kerjasama lebih erat

TUNGKU, 11 Ogos. - Seminar Brunei Darussalam - Jepun yang mengandungi topik-topik yang menarik dan berfaedah dari semua pembentang kertas kerja, di samping sumbangan dari peserta-peserta akan menjadi pendorong kepada kerjasama yang lebih erat dan berkesan pada masa hadapan.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali bin Haji Awang Mohd. Daud selaku tetamu kehormat di Majlis Pembukaan Rasmi Seminar Brunei Darussalam - Jepun yang diadakan di Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Yang Dimulikan menambahkan, hasil pengajian Brunei - Borneo itu nanti akan menjadi pendorong dan pelengkap kepada kerja-kerja yang diungkapkan oleh pegawai-pegawai dalam menambatkan lagi hubungan serta perkongsian antara ASEAN - Jepun dan Brunei Darussalam - Jepun.

Manakala hasil daripada seminar itu, diharapkan dapat menerbitkan kepentingan masyarakat kedua-dua buah negara (dan ASEAN) kerana sudah sentunya boleh mengukuhkan eratkan lagi persefahaman dan menambah ilmu pengetahuan berhubung asal usul serta kebudayaan orang Brunei malah seluruh Borneo yang belum dapat diterokai seluruhnya.

Institusi-institusi pengajian tinggi seperti UBD dan di negara Jepun diseru agar mengambil kesempatan daripada seminar kerjasama seperti ini untuk mewujudkan usaha sama yang lebih proaktif, positif dan berwawasan bagi pengajian serta penyelidikan Brunei Darussalam (ASEAN) - Jepun

Oleh
Siti Aishah HS

dalam apa jua bidang bagi keuntungan dan kepentingan bersama kedua-dua buah negara.

Seminar berkenaan antara lain bertujuan untuk saling menerokai jaringan (network) keseragaman antara UBD dan institusi pengajian tinggi di Jepun (dan ASEAN) dalam bidang pengajian Melayu dan Borneo secara amnya serta saling memperkenalkan tokoh-tokoh yang menceburi bidang tersebut.

Seramai 30 orang pembentang kertas kerja dari Malaysia, Jepun dan Negara Brunei Darussalam telah dijemput. Sementara UBD telah mendapat pengiktirafan dari negara Jepun selaku sebuah negara termaju dan termoden di Asia bagi mengadakan Seminar Brunei Darussalam - Jepun selama dua hari itu.

Seminar tersebut juga adalah salah satu daripada aktiviti Program Tahun Pertukaran ASEAN - Jepun dengan tumpuan seminar menjurus kepada 'Kajian Brunei - Borneo' tajaan sepenuhnya Mitsubishi Corporation.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri menerima cenderahati oleh Naib Canselor UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman. - Gambar oleh Masri Osman.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih dan Yang Teramat Mulia berserta Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Hirubalan dan isteri bersamasama memotong kek sempena Hari Kebangsaan republik tersebut. - Gambar oleh Ramli Tengah.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Setia Raja Dato Seri Paduka Haji Awang Mohd. Ali berkesempatan menyaksikan Pameran Seminar Brunei Darussalam - Jepun di Perpustakaan UBD. - Gambar oleh Masri Osman.

Kerjasama Brunei - S'pura lebih kukuh

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 9 Ogos. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersabda melahirkan rasa gembira kerana wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan masalah antarabangsa yang lain tidak menjejaskan kerjasama yang berterusan antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura sebagai jiran yang rapat dan rakan serantau.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda kerjasama kedua-dua negara lebih kukuh dan ini menunjukkan bahawa kedua-dua pihak mampu untuk menyesuaikan diri dengan baik terhadap perubahan keadaan dan menghargai usaha masing-masing.

Pada hakikatnya jelas Duli Yang Teramat Mulia kedua-dua pihak sudah melihat ke hadapan dan mendapat manfaat pengalaman-pengalaman yang dikongsi tahun lalu.

DYTM seterusnya bersabda seperti titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika melawat Republik Singapura awal tahun ini, rakyat kedua-dua negara merupakan sahabat paling rapat dan rakan yang baik.

DYTM bersabda demikian di Majlis Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Republik Singapura Ke-38 berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

DYTM menambah sabda, Negara Brunei Darussalam menghargai cara kerajaan dan rakyat Republik Singapura menangani wabak SARS di mana usaha mereka untuk mengawal wabak SARS haruslah mendapat ujian.

DYTM menambah sabda, ia merupakan contoh tanggungjawab kebangsaan yang baik dari setiap rakyat Singapura, di samping dedikasi pihak perubatan dan kakitangan mereka.

Berangkat sama di majlis itu ialah Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Hajah Zariah.

Terdahulu dari itu majlis bermula dengan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dikumandangkan.

Kemudian diikuti dengan ucapan Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura

ke negara ini, TYT Hirubalan yang antara lain menyentuh mengenai hubungan yang kukuh dalam pelbagai bidang termasuk bidang perdagangan, pertukaran lawatan peringkat tinggi dan pegawai-pegawai kanan, pendidikan dan pertahanan.

Antara bidang yang disentuh oleh TYT ialah bidang perdagangan, di mana hubungan kedua-dua buah negara dalam bidang ini adalah kukuh sehingga mencatatkan jumlah perdagangan kepada \$1.19 bilion tahun lepas dengan pertambahan sebanyak 12.7 peratus tahun sebelumnya.

TYT seterusnya berkata tahun ini adalah sangat bermakna bagi hubungan kedua-dua buah negara kerana keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ke Republik Singapura.

Keberangkatan tersebut lebih mengukuhkan hubungan kedua-dua negara serta membolehkan pemimpin Singapura dan menteri-menteri berpeluang mengukuhkan persahabatan bersama Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

TYT menambah dalam bidang pertahanan, hubungan antara Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam telah berjalan lebih 30 tahun di mana Republik Singapura telah memandang tinggi Negara Brunei Darussalam sebagai rakan pertahanan penting dan anggota tentera Singapura gembira dengan hubungan yang cemerlang bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN URUSAN HAJI, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
BAHAGIAN PENGURUSAN (BAHAGIAN II)

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Mengendalikan kerja-kerja yang berhubung dengan perkhidmatan Pakej Haji dan Pakej Umrah: Menyediakan senarai kadar harga bayaran perkhidmatan Pakej Haji termasuklah harga tambang syarikat yang telah dipersetujui bagi makluman orang ramai	2 hari
2.	Mengadakan perjumpaan antara syarikat-syarikat perkhidmatan Pakej Haji serta jabatan-jabatan yang berkenaan seperti Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Darussalam Holdings Sendirian Berhad dan Kementerian Kesihatan.	Bermula setelah mendapat titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sehingga tempoh pembayaran (3 bulan)
3.	Menyediakan minit-minit mesyuarat hasil daripada perjumpaan bersama syarikat-syarikat perkhidmatan pakej haji serta pihak-pihak yang terlibat dan seterusnya melaksanakan keputusan hasil daripada perjumpaan berkenaan.	2 minggu



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan hadiah kepada ketua pasukan Negara Brunei Darussalam yang menjuarai acara tarik kalat tiga tahun berturut-turut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan berangkat menyaksikan Malam Serumpun (atas).

BAGINDA ketika berkenan menganugerahkan penyampalan hadiah kepada ketua pasukan yang memenangi dalam Pertandingan Kenderaan Berhias sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-57 (bawah kiri).

BAGINDA ketika berkenan menerima junjung ziarah para peserta yang mengambil bahagian dalam acara Malam Serumpun (bawah kanan).



KEMENTERIAN Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama mempersembahkan kenderaan berhias alam flora (kiri).

SYARIKAT Minyak Brunei Shell mempersembahkan kenderaan berhias, seekor ikan raksasa (bawah kiri).

JABATAN Daerah Brunei dan Muara mempersembahkan kenderaan berhias Gegandong (atas).

PASUKAN Negara Brunei Darussalam yang menjuarai Perlawanan Akhir Tarik Kalat Seborneo Ke-4 ketika menunjukkan kehebatan mereka dalam perlawanan tersebut (bawah).



Malam Serumpun warna-warni

Liputan
Aliddin HM dan Abu Bakar
Gambar-gambar oleh Abdullah HAM
PDPHM dan Hamadi HM

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat menyaksikan Malam Serumpun iaitu Perlawanan Akhir Tarik Kalat Seborneo Ke-4 sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-57.

Keberangkatan tiba baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Taman Haji Saifuddin di ibu negara telah dijunjung oleh Tim Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka A. Selaku Penaung Jawatankuasa Tertinggi Perayaan.

Berangkat sama Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Suffri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Acara tersebut bermula dengan persembahan kebudayaan dan kesenian yang mempersembahkan tarian Menjunjung Duli serta diiringi persembahan bunga api yang beraneka corak yang dipersembahkan oleh Dewan Perniagaan Tionghoa.

Selepas itu disusuli dengan perbarisan berahli-ahli jawatankuasa kebudayaan dan kesenian. Perarakan berhias yang kemudiannya di hadapinya menarik minat yang menunggal awal lagi untuknya. Perarakan 11 buah pasukan kerajaan, sekumpulan persendirian.

Acara itu dengan persembahan gam oleh pasukan beruniform.

Acara yang disaksikan ialah Akhir Tarik Kalat yang menampilkan pasukan dari Darussalam, Sarawak, Wilayah Persekutuan dan Kalimantan.

Persembahan dan kesenian



n

Rafee

ing Maha
izzaddin
russalam
aja Isteri
n Malam
ke-4 dan
kenderaan
ha Mulia
bmar Ali
nteri Hal
Adanan
Ahli-ahli

oleh
peserta
tarik

deraan
warni
jalan
diraja
ramai
awal-
sikan-
oleh
agensi
dan

erikan
ncara-
sukan

enarik
wanan
orneo
enam
drunei
Sabah,
abuan

ayaan
pikan



BAGINDA berdua bersama anakanda-anakanda baginda ketika berangkat balik setelah menyaksikan Malam Serumpun.



BAGINDA ketika melambaikan tangan kepada para peserta yang mengambil bahagian dalam Malam Serumpun sempena ulang tahun Hari Keputeraan baginda ke-57.

artis-artis tempatan dan luar negeri yang mempersembahkan nyanyian untuk menghiburkan dan menyerikan lagi Malam Serumpun.

Baginda juga telah berkenan mengurniakan hadiah-hadiah bagi Perlawanan Akhir Tarik Kalat Seberno dan kenderaan berhias.

Sebelum berangkat balik, baginda dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menerima junjung ziarah para Ahli Jawatankuasa Perlawanan Akhir Tarik Kalat, perarakan kenderaan berhias, persembahan kebudayaan dan persembahan bunga api.

Suasana malam di ibu negara yang penuh gilang-gemilang bermandikan lampu-lampu neon bergemerlapan diserikan dan diterangi lagi dengan persembahan bunga api.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Mateen ketika berkenan berangkat menyaksikan Malam Serumpun.



ORANG ramai yang menyaksikan Malam Serumpun terpegun melihat persembahan bunga api (kiri).

KENDERAAN berhias yang dipersembahkan oleh Kementerian Pembangunan membawa tema Air Sumber Kehidupan telah menjadi juara dalam pertandingan tersebut (atas).

PERSEMBAHAN kebudayaan dan kesenian menampilkan artis-artis tempatan dan luar negeri yang mempersembahkan nyanyian dan tarian (kanan).



Perkhidmatan Awam penggerak program pembangunan

GADONG, 9 Ogos. - Perkhidmatan Awam merupakan jentera penggerak yang bukan sahaja melaksanakan program-program pembangunan negara, bahkan juga segala dasar dan peraturan kerajaan.

Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman berkata, ianya adalah instrumen untuk melaksanakan pimpinan dan pentadbiran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Katanya, sistem pentadbiran yang efektif dan efisien sudah sententunya

Oleh
Bolhassan HAB

akan menghasilkan keluaran yang positif yang sedikit sebanyak akan memakmurkan dan menjana kemajuan yang berkekalan kerana pengurusan berkesan adalah prasyarat ke arah memantapkan pertumbuhan dan kemajuan negara secara menyeluruh.

"Perkhidmatan Awam yang proaktif dan peka akan dapat menangani dengan berkesan cabaran-cabaran masa kini dan akan datang seperti kesan globalisasi dan ekspektasi, di samping kehendak orang ramai yang semakin me-

ingkat serta keperluan untuk meningkatkan lagi ketahanan daya saing," jelas Dato Paduka di Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Menurut Dato Paduka semua itu memerlukan pembaharuan dan pembaikan terhadap Perkhidmatan Awam itu sendiri dari masa ke semasa, di samping mewujudkan sokongan padu dan juga komitmen yang berterusan dari semua peringkat pegawai dan kakitangan di dalam Perkhidmatan Awam.

Pegawai Pentadbir

Kanan, Kementerian Kewangan, Awang Haji Ibrahim bin Haji Ismail menjelaskan bahawa pada tahun ini Majlis Konvensyen KKC Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya mempertandingkan lima buah kumpulan yang melibatkan penyertaan lebih 27 orang pegawai dan kakitangan.

Kumpulan-kumpulan yang bertanding ke peringkat akhir yang berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam terdiri daripada tiga buah kumpulan yang mewakili Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara iaitu Kumpulan WASPADA, Kumpulan Bintang Emas dan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kewangan, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman berucap di Majlis Konvensyen Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Kementerian Kewangan dan jabatan-jabatan di bawahnya. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Kumpulan WWW, OCTOGON.Com serta dua buah kumpulan mewakili Jabatan Kastam dan Eksais Diraja iaitu Kumpulan Khidmat 605 dan Kumpulan Belait Inovative Group (BIG).

Dua tangkapan dalam 'OPS Sepadu Bahagia 06'

Oleh
Siti Aishah HS

SENGKURONG, 11 Ogos. - Sebanyak dua tangkapan dibuat dalam Operasi Bersepadu 'Ops Sepadu Bahagia 06' yang dijalankan di kawasan Mukim Sengkuring dan Mukim Pengkalen Batu iaitu Kampung Kati-mahar, Kampung Masin dan Kampung Mulaut/Kilanas.

Menurut siaran akhbar yang dikeluarkan oleh Ibu Pejabat Daerah Polis Jerudong, semasa menjalankan pemeriksaan, seorang lelaki dan seorang perempuan warganegara asing ditangkap kerana gagal menunjukkan dokumen perjalanan yang sah dan kedua-dua mereka dibawa ke Balai Polis Sengkuring bagi siasatan lanjut.

Semasa tangkapan, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan juga telah mengeluarkan 'special pass' kepada dua orang perempuan bangsa Indonesia yang bekerja sebagai pelayan di sebuah kedai makan yang terlibat bagi siasatan lanjut.

Menurut siaran akhbar berkenaan, Jabatan Daerah Brunei dan Muara telah memberikan 'Surat Amaran Untuk Memberhentikan Kegiatan Karaoke' kepada pemilik-pemilik kedai makan yang terlibat agar memberhentikan kegiatan tersebut dengan serta-merta, manakala pemeriksaan lanjut akan dijalankan kemudian.

Operasi tersebut adalah

Operasi Bersepadu Daerah Polis Jerudong kali keenam bagi tahun 2003, antara lain bertujuan membuat pemeriksaan secara mengejut bagi kedai-kedai makan yang dipercayai menjalankan kegiatan karaoke atau tari-menari serta meminimum/menghindang minuman keras.

Langkah sedemikian adalah untuk mempertingkatkan pencegahan jenayah bagi tahun 2003 bahkan sebilangan besar kedai-kedai makan dipercayai tidak mempunyai lesen hiburan awam/perniagaan yang sah.

Selain Pasukan Polis Diraja Brunei, operasi itu juga melibatkan agensi-agensi penguat kuasa undang-undang iaitu Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Jabatan Buruh, Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Daerah Brunei-Muara dan Bahagian Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Syariah.

Operasi tersebut akan diteruskan, memandangkan masih terdapat enam buah kedai makan/karaoke daripada 22 buah tempat yang sudah dikenal pasti tidak menjalankan perniagaan pada malam tersebut.

KKC mampu bimbing organisasi selesaikan masalah kerja

RIMBA, 7 Ogos. - Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Md. Zain berkata Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) memiliki ciri-ciri positif yang mampu membimbing sesebuah organisasi dan individu dalam organisasi terutama dalam mengembang dan mempertingkatkan lagi keyakinan dan kemahiran dalam menyelesaikan masalah kerja.

Dalam bidang pengurusan terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan dan diluluskan dengan bantuan sesebuah organisasi termasuk melalui kaedah KKC, katanya semasa konvensyen kementerian berkenaan di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Konvensyen yang disertai oleh tiga buah pasukan dijuarai oleh Jabatan Pertanian melalui Kumpulan Brilliant Green menampilkan projek yang berhubung kait dengan prosedur data dan rekod-rekod program kesihatan haiwan di negara ini seperti tertakan ayam dan itik.

Sementara dua pasukan yang lainnya ialah Kumpulan 3K yang juga mewakili Jabatan Pertanian dan Kumpulan Ehsan dari Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA).

Antara manfaat yang diperolehi melalui Konvensyen KKC ini sekurang-kurangnya mewujudkan pentadbiran awam yang cekap, berkesan,

produktif dan inovatif melalui kaedah pengurusan yang berteraskan kerja berpasukan, di samping memupuk sikap budaya

kerja yang positif, bekerjasama, sefahaman, toleransi, dinamik dan pro-aktif.

Konvensyen tersebut

antara lain bertujuan untuk mendedahkan para pegawai dan kakitangan kepada kaedah penyelesaian masalah kerja yang sistematik.

Oleh
Abu Bakar HAR



PEMANGKU Setiausaha Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Awang Haji Mohd. Zain (empat dari kanan) hadir merasmikan Konvensyen KKC Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (kiri). Sementara gambar kanan, sebuah pasukan menampilkan projek yang mereka kendalikan di konvensyen itu. - Gambar oleh Hamadi HM.



Penduduk kampung berhak pilih calon Ketua Kampung

Oleh
Abu Bakar HAR

RIMBA, 7 Ogos. - Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun berkata, penduduk-

penduduk kampung mempunyai hak dan berkuasa untuk memilih calon Ketua Kampung mereka sendiri.

Ini jelasnya, kerana pilihan penduduk-penduduk kampung itu adalah tepat berbanding kepada tafsiran nauri

dan pengalaman pergaulan bersama orang yang dipilih.

Dato Paduka menyatakan perkara tersebut di Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Mukim Gadong di Dewan Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Dengan pemilihan sebegini, sententunya akan memberi peluang kepada penduduk kampung untuk membuat sebarang pilihan kerana mereka selaku penduduk di kampung berkenaan lebih kenal dengan orang yang dicalonkan, sama ada dari cara hidup mahupun latar belakangnya.

Sementara kepada orang

yang dicalonkan pula akan sanggup untuk memimpin kampung berkenaan ke arah kemajuan dan kesejahteraan tanpa mengira masa dan bersedia untuk berbasah be-kering.

Calon tunggal ialah Awang Mohammad bin Haji Kabon berusia 38 tahun bekerja sebagai Jobbing Clerk di Jabatan Kerja Raya.

Hampir 300 orang penduduk di sekitar kampung terbahagi yang layak mengundi di majlis itu tetapi hanya 123 orang saja yang hadir untuk membuat pengundian.

Dari jumlah tersebut seramai 111 orang telah bersetuju, manakala selebihnya 12 orang tidak bersetuju.



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun berucap di Majlis Pemilihan dan Pengundian Calon Ketua Kampung Kawasan 2 Rancangan Perumahan Negara Kampung Rimba, Mukim Gadong (kiri). Sementara gambar kanan, seorang penduduk kampung memasukkan kertas undi ke dalam peti undi. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Manuskrip lama merupakan warisan bangsa

BERAKAS, 12 Ogos. - Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, manuskrip lama sebagai warisan bangsa yang terhasil pada zaman

tertentu sepanjang kewujudan bangsa tidak seharusnya dilonggokkan sebagai artifak purba yang memuatkan pemikiran kolot dan ketinggalan zaman atau dibiarkan tersimpan kaku sebagai penunggu bilik penyelidikan.

Institusi-institusi ber-

kaitan juga patut mengusahakan website manuskrip lama supaya mudah diakses oleh generasi muda, pengkaji manuskrip lama dan golongan mahasiswa.

Katanya, memandangkan koleksi itu sangat signifikan dan relevan dengan arus pertumbuhan budaya

bangsa maka rangkaian kerja di antara institusi-institusi berkenaan perlu diwujudkan, di samping menjalankan program-program pengkajian dan penyelidikan.

"Masih terdapat manuskrip lama tempatan banyak yang belum ter-

Oleh
Abdullah Asgar

kumpul dan dikaji, masih ada yang tersimpan secara peribadi, institusi-institusi yang menampung bahagian-bahagian penyelidikan seperti Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Muzium Brunei dan Pusat Sejarah masing-masing menyimpan koleksi manuskrip lama yang sangat berharga," ujarnya.

Yang Berhormat menjelaskan manuskrip lama itu dapat mencerminkan segala pengalaman, pengetahuan dan pemikiran masyarakat silam.

"Dengan membaca dan mengkaji tulisan-tulisan dalam manuskrip lama sama ada tulisan itu mengenai bidang perubatan, keagamaan, perundangan dan sebagainya, kita akan dapat menyelami pemikiran dan sistem nilai masyarakat lama yang relevan pada zamannya dan dalam masa yang sama dapat dijadikan sukat-sukat pencarian kehidupan masa kini," tambahnya.

Yang Berhormat mencadangkan perkara itu ketika berucap di Pembukaan Rasmi Seminar Pengkajian Manuskrip Lama Melayu yang bertemakan 'Sig-

nifikan Manuskrip Dalam Pencernaan Ilmu' di Balai Sarmayuda, DBP di sini.

"Pada hemat saya, sebagai warisan bangsa yang mencerminkan pemikiran bangsa pada sesuatu zaman, manuskrip lama masih relevan dan berguna dalam upaya mengasuh serta menerapkan nilai-nilai murni dalam kehidupan masa kini," ujarnya.

Misalnya menurut Yang Berhormat, manuskrip lama yang memuatkan karya pantun, syair, gurindam dan pepatah tidak akan hilang ditelan zaman dan nilai pendidikannya tetap relevan sepanjang masa, walaupun kehidupan kita sekarang dijana oleh teknologi canggih dan ICT.

Katanya, sastera lama atau klasik yang tergolong dalam manuskrip lima masih dapat dimanfaatkan dalam kehidupan masa kini sebagai jambatan penghubung dalam proses pertumbuhan bangsa yang bertamadun.

Sebanyak 20 kertas kerja pelbagai tajuk dibentangkan pada seminar tiga hari itu termasuk beberapa kertas kerja dari luar negara yang disampaikan oleh pembentang antaranya dari Malaysia, Republik Indonesia, United Kingdom dan Republik Singapura.

Antara kertas kerja

yang menarik ialah oleh Dr. Liaw Yock Fang dari Republik Singapura yang bertajuk 'Dari Risalah Hukum Kanun Melaka Ke Hukum Kanun Brunei : Satu Kajian Teks'.

Juga menarik minat peserta seminar ialah kertas kerja yang ditulis oleh Dr. Annabel Teh Gallop dari London bertajuk 'Cap Mohor Diraja Negara Brunei Darussalam.'

Selain itu kertas kerja tulisan Datuk Profesor Emeritus Dr. Haji Mohd. Taib Osman bertajuk 'Pengkajian Manuskrip Lama Melayu : Tumpuan Khas Kepada Naskhah Abad Raja-raja.'

Tetamu kehormat juga melancarkan dua buah buku tulisan anak tempatan yang bertajuk Hukum Kanun dan Hikayat Dang Suasa I & II yang diterbitkan oleh DBP.

Tujuan seminar diadakan bagi mengkaji semula manuskrip lama Melayu yang ada selain dari merangsang minat dalam meningkatkan usaha menyelidik kesusasteraan tradisional khususnya manuskrip lama Melayu dan menemukan semula penyelidik dan pengkaji supaya dapat membina keyakinan dan kerjasama ke arah pemeliharaan dan pemuliharaan manuskrip lama Melayu.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyaksikan Pameran Manuskrip Lama Melayu yang dipamerkan sejurus merasmikan Seminar Pengkajian Manuskrip Lama Melayu. Majlis berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Hamadi HM.

Kerajaan sentiasa memantau kelancaran jentera pentadbiran

RIMBA, 5 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa meneliti dan memantau kelancaran jentera pentadbiran awam terutama sekali yang bersangkut-paut dengan perkhidmatan kepada orang ramai di negara ini.

Perkara itu ditekankan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar di Majlis Konvensyen Kebangsaan Kualiti Kerja Cemerlang Kementerian Pembangunan berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam di sini.

Beliau menjelaskan, pihak kerajaan tidak pernah mengabaikan tugas dan tanggungjawab kepada rakyat dan negara ini malah dari masa ke semasa sentiasa mencari pelbagai formula dan kaedah yang terbaik dalam menyelesaikan segala apa jua isu yang dikemukakan oleh orang ramai.

Kerajaan tambahnya, berusaha sedaya upaya memperkenalkan kaedah-kaedah pengurusan seperti Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) diperkukuhkan lagi dengan penerapan nilai-nilai murni Islam dalam pengurusan dan etika kerja kepada anggota

Oleh
Aliddin HM

Perkhidmatan Awam untuk memberi keseimbangan antara kemajuan dan tuntutan agama.

"Bagi merealisasikan wawasan kecemerlangan Perkhidmatan Awam, kerajaan juga memperkenalkan Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) secara formal kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan," jelasnya.

Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) katanya, memberi penekanan sebagai garis panduan bagi semua pegawai dan kakitangan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing ke arah kecemerlangan dan kecekapan.

"TPOR adalah merupakan janji atau tekad kita kepada pelanggan, mencerminkan sejauh mana pegawai dan kakitangan kerajaan dapat melaksanakan tugas dengan cepat, cekap, bersopan santun, menghargai masa dan meningkatkan produktiviti," ujarnya.

Kejayaan pelaksanaan kaedah ini banyak bergantung kepada perubahan sikap dan dedikasi setiap anggota daripada yang baik kepada yang lebih baik, di samping menerima teguran

dan perubahan ke arah peningkatan prestasi kerja demi memajukan bangsa dan negara.

Beliau menjelaskan semanjak kaedah KKC ini diperkenalkan jabatan-jabatan di bawah kementerian ini telah dapat memanfaatkan kaedah berkenaan, di mana masalah-masalah yang dihadapi dapat dikenal pasti dan langkah-langkah pembaikan telah dapat dibuat dan dilaksanakan.

Beliau berharap semua jabatan akan memberikan galakan kepada semua pegawai dan kakitangan di bawah jabatan masing-masing untuk menggunakan kaedah KKC ini kerana dapat melicinkan pengurusan dan dapat meningkatkan mutu kerja pegawai dan kakitangan berkenaan di mana kaedah pembaikan yang telah dikenal pasti dan berkesan yang dipergunakan di bahagian jabatan di kementerian ini akan dijadikan budaya kerja serta diselaraskan dan dikongsi bersama dengan jabatan lain.

"Dengan adanya penyelesaian dan perkongsian kaedah berkenaan sudah setentunya segala masalah akan dapat diatasi dan ini akan dapat memudahkan kerja kita dalam memberikan perkhidmatan kepada orang ramai," katanya.

Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang sedia ada perlulah dikaji dan diteliti untuk dipertingkatkan lagi dan yang amat penting lagi dipraktikkan, katanya.

Kumpulan Al-Wadi dari Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya menjuarai Pertandingan KKC Kementerian Pembangunan dengan tajuk projek 'Masalah Aduan Bekalan Air Lambat Diselesaikan' dan naib juara disandang oleh Kumpulan File.Com dari Jabatan Pentadbiran dan Kewangan, Jabatan Kerja Raya dengan tajuk projek 'Mempercepat Pemprosesan Per Surat Dengan Memperbaiki Sistem Peman-tauan, dan Pengesanan File'.

Sementara Kumpulan Spanar Jaya dari Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya menduduki tempat ketiga dengan tajuk projek 'Proses Pembaikan Kenderaan.'

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam Pertandingan KKC Kementerian Pembangunan telah disempurnakan oleh Pemangku Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail.



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), Kementerian Pembangunan, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar (kanan) hadir merasmikan Majlis Konvensyen Kebangsaan Kualiti Kerja Cemerlang Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN DAN PENCEN BALU BAGI BULAN OGOS 2003

KEMENTERIAN Kewangan memaklumkan kepada penerima-penerima Pencen Perkhidmatan dan Pencen-pencen Balu bagi bulan Ogos 2003 supaya akan dapat menerima pencen-pencen mereka di bangunan baru Kementerian Kewangan, Jalan Kebangsaan pada 30 Ogos 2003 sehingga 4 September 2003 dari jam 8.30 hingga 3.30 petang semasa waktu bekerja.

BERANGKAT KE PERTANDINGAN KEBERSIHAN, SENI LANDSKAP DAN PERTUNJUKAN BUNGA-BUNGA HIDUP

Liputan Bolhassan HAB
Gambar-gambar oleh
Ramli Tengah dan
Haji Masmaleh HMA

BERAKAS, 10 Ogos. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan berangkat ke Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup kelolaan bersama Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri di Pusat Persidangan Antarabangsa dijunjung oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur yang diketuai oleh Dayang Hajah Marhani binti Abdul Latif selaku Yang Dipertua WI.

Berangkat sama ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolqiah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam.

Di majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan ahli-ahli kerabat diraja berkenan menerima junjung ziarah Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur sejurus keberangkatan tiba di Pusat Persidangan Antarabangsa.

telah berkenan mengurniakan titah perasmian.

Dalam sembah alu-aluannya, Yang Dipertua WI antara lain menyebarkan bahawa pertandingan yang bertemakan 'Mewujudkan Persekitaran Yang Sihat' pada tahun ini dibahagikan kepada lima kategori.

Menurut Dayang Hajah Marhani dari tahun ke setahun mutu dan kreativiti landskap yang dipertandingkan semakin meningkat yang mana ianya mencerminkan kecenderungan dan kesedaran orang ramai di dalam membina persekitaran rumah sekali gus meningkatkan kebersihan alam sekitar.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah-hadiah bagi Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap dan Seni Gubahan Bunga Secara Spontan.

Bagi kategori Landskap, Kawasan Rumah Perseorangan Di Darat, tempat pertama disandang oleh Awang Haji Shahlan bin Hidup, sementara Landskap Kawasan Rumah Perseorangan Skim Perumahan Negara Di Darat dijuarai oleh Awang Azalan bin Haji Abdul Rahim dan johan bagi Landskap Kawasan Perseorangan Di Air ialah Awang Mohammad bin Haji Anak.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan ahli-ahli kerabat diraja kemudiannya berkenan berangkat menyaksikan Pa-

meran Fotografi bagi pemenang-pemenang Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta penjualan bahan-bahan tanaman hiasan dan alat kelengkapan ladang.

Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup kelolaan ber-

sama WI dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan adalah bersempena sambutan perayaan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan mengurniakan hadiah-hadiah bagi Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap (atas dan bawah).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menyaksikan Pameran Seni Landskap dan Penjualan Bahan-bahan Tanaman Hiasan dan Alat Kelengkapan Ladang.



PERTANDINGAN Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup kelolaan bersama Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan menarik perhatian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri (atas).

BAGINDA berkenan merasmikan Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup kelolaan bersama WI dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (kanan).

PERTANDINGAN Seni Gubahan Bunga Secara Spontan yang disertai oleh para isteri orang-orang kenamaan (bawah kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri ketika berkenan menyaksikan beraneka jenis bunga orkid di Pertandingan Kebersihan dan Seni Landskap serta Pertunjukan Bunga-bunga Hidup kelolaan bersama WI dan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.

Kemahiran pikat bakal majikan

SERIA, 7 Ogos. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin menyarankan para pelajar supaya sentiasa memperkaya diri dengan ilmu pengetahuan dan kelulusan yang bersesuaian dengan keperluan semasa.

Dengan adanya kelebihan dan kemahiran dalam bidang tertentu yang diperlukan oleh industri, Dato Paduka yakin graduan yang mempunyai kelulusan pasaran dan berpengalaman serta dari institusi ternasyihur akan berdaya memikat bakal majikan.

Menurut Dato Paduka, pasaran pekerjaan masa ini bukanlah seperti 20 tahun lalu, pekerjaan sentiasa menunggu dan menanti graduan malah graduan berpeluang memilih jenis pekerjaan yang ditawarkan di pasaran dan jenis jawatan serta tangga gaji juga boleh diberi jaminan. Namun sekarang semua itu telah berubah.

"Peredaran waktu, perubahan trend dan kehendak, ledakan pemodenan, persaingan dan pasaran terbuka, krisis yang melanda dunia seperti krisis politik dan ekonomi, peperangan, keganasan dan kepesatan perkembangan teknologi infokomunikasi adalah penyebab kepada perubahan tersebut," kata Dato Paduka sejurus sebelum melancarkan Pameran Hari Kerjaya Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) dan Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Dato Paduka menambak, sekarang ini kursus atau pelajaran yang bakal diikuti hendaklah berpadanan kepada kehendak semasa. Jika tidak, timbul pula satu senario di mana kelulusan dan kekosongan ada tetapi pasaran pekerjaan tidak dapat menerimanya (mis-match).

Berita dan gambar-gambar oleh Dayangku Hajah Saidah PHOA

Menurut Dato Paduka, bilangan pencari kerja di kalangan graduan dari institusi tertinggi tempatan dan luar negeri banyak bergantung kepada kesesuaian kelulusan dan kemahiran graduan itu sendiri.

Dalam kata lain, kata Dato Paduka, banyak terdapat 'mis-match' dari segi kelulusan dan kemahiran graduan dengan keperluan pekerjaan yang ditawarkan. Jumlah graduan dan lepasan HND yang mendaftar untuk mengikuti Skim Latihan Perantis di Jabatan Buruh sehingga 31 Julai lepas ialah 379 orang.

Jumlah tersebut sepatutnya mencukupi untuk menampung keperluan firma tempatan akan tetapi peluang pekerjaan yang sepatutnya diberikan kepada mereka ini tidak dapat dimanfaatkan kerana masalah ketidaksesuaian kelulusan dan pekerjaan tersebut.

Sehubungan itu, Dato Paduka menyeru ibu bapa, guru-guru dan pelajar yang baru membuat perancangan untuk memilih kerjaya masa depan akan

berfikir terbuka dan sentiasa mencari maklumat terutama mengenai keperluan dan trend industri masa kini dari segi pembangunan sumber tenaga manusia.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sentiasa memberikan tumpuan yang serius di dalam membantu anak tempatan memasuki pasaran pekerjaan dengan memperkenalkan Skim Latihan Graduan dan Lepas HND melalui Jabatan Buruh melalui usaha sama syarikat swasta.

Skim tersebut kata Dato Paduka bertujuan memberikan pendedahan serta pengalaman pekerjaan kepada graduan dan lepasan HND dan dalam masa yang sama memberikan peluang kepada majikan untuk menilai graduan dan lepasan HND sebelum mereka diambil berkhidmat secara tetap.

Dengan cara yang demikian diharapkan negara akan melahirkan sumber tenaga manusia tempatan

yang berkemahiran dan berkualiti agar dapat mengurangkan pergantungan kepada tenaga mahir dari luar secara beransur-ansur, kata Dato Paduka.

Dato Paduka menambak, latihan dalam industri hospitaliti dan pelancongan serta skim latihan dalam industri infokomunikasi yang diselenggarakan oleh Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi adalah di antara langkah yang juga diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk membantu pencari kerja memperlengkapkan diri untuk memasuki pasaran pekerjaan yang semakin hari semakin mencabar.

Dato Paduka menambak, dalam usaha membantu kerajaan menentukan arah tuju pembangunan dan bentuk keperluan pengurusan sumber tenaga manusia bagi jangka panjang dan sederhana, kerajaan melalui jabatan tersebut telah melantik konsultan untuk melaksanakan kajian mengenai keperluan pembangunan dan pengurusan sumber manusia.

Kajian tersebut juga kata Dato Paduka akan mencadangkan perubahan dasar dan strategi perancangan untuk mensejajarkannya dengan keperluan pembangunan negara.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin menyaksikan Pameran Hari Kerjaya BSP dan BLNG di OGDC.

KUALITI KERJA PENTING

SERIA, 7 Ogos. - Timbalan Pengarah Urusan dan Pengarah Sumber Tenaga Manusia dan Hal Ehwal Luar Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP), Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali berkata, penuntut atau sesiapa yang ingin bekerja dengan BSP haruslah mempunyai kelulusan akademik yang baik.

Katanya, BSP sentiasa memberi keutamaan atau peluang kepada anak tempatan untuk menjawab jawatan yang utama dan berkepentingan di syarikat tersebut sejajar dengan dasar pembruceian yang menitikberatkan anak tempatan untuk menguasai kemahiran dan pengetahuan terutama sekali di bidang teknikal atau kejuruteraan.

Menurutnya BSP menitikberatkan kualiti kemahiran pekerjaannya dan setaraf dengan kualiti pekerja Shell di luar negara. Dengan demikian peluang

mereka memajukan kerjaya tidak terbatas untuk BSP sahaja. Beliau berucap di Majlis Pelancaran Hari Kerjaya BSP dan BLNG yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC) di sini.

Beliau seterusnya berkata, dengan kemahiran dan kecekapan tersebut seorang pekerja boleh mengambil peluang untuk bertugas di Unit Operasi Shell di luar negara seperti Oman, Nigeria dan Amerika Syarikat.

"Kualiti kerja yang tinggi adalah penting untuk memastikan peningkatan tahap produksi pengeluaran sejajar dengan tuntutan era globalisasi yang kompetitif," kata beliau.

Pameran anjuran BSP melalui Jabatan Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia yang dilancarkan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji

Abdul Rahman bin Haji Mohiddin bertujuan bagi menarik lebih banyak minat terutama di kalangan penuntut yang mempunyai potensi yang tinggi membina kerjaya mereka dengan BSP.

Menurut perangkaan pada tahun lepas sebanyak 90 peratus kakitangan kanan di syarikat tersebut terdiri dari warga Negara Brunei Darussalam dan 68 peratus terdiri dari bangsa Melayu akan tetapi bilangan di bahagian teknikal atau kejuruteraan masih kecil dan dikuasai oleh tenaga kerja asing.

Antara ciri-ciri yang diambil kira di kalangan pemohon yang ingin berkhidmat dengan BSP seperti kebolehan berfikir atau menganalisa sesuatu hal dengan cepat dan tepat serta pencapaian dan motivasi iaitu pelaksanaan tugas dengan cemerlang dalam aspek kos dan keselamatan, alam sekitar dan kesihatan.



LANCARKAN ... Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohiddin melancarkan Pameran Hari Kerjaya BSP dan BLNG.

YSHHB terus hulurkan bantuan

SERIA, 7 Ogos. - Rakyat dan penduduk negara ini yang kurang bernasib baik terbelah dengan adanya sikap prihatin dan peme-medulan daripada pihak kerajaan dan swasta mengenai kebajikan dan masa depan mereka.

Sehubungan itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) sentiasa menghulurkan bantuan kepada mereka yang ditimpa kesusahan tanpa mengira bangsa, agama dan status

mereka sebagaimana hasrat dan matlamat penubuhan YSHHB untuk membantu meringankan beban yang mereka tanggung.

Dua keluarga mangsa kebakaran rumah di Kampong Badas telah menerima sumbangan wang tunai YSHHB yang diadakan di Pejabat Daerah di sini pagi tadi.

Penyampaian sumbangan berjumlah \$2,800.00 telah disempurnakan oleh

Pengarah Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani kepada ketua keluarga masing-masing dengan harapan akan dapat meringankan beban yang mereka tanggung.

Rumah dua tingkat milik adik-beradik, Lee Ted Sen, 50 tahun dan Lee Soo Chin, 68 tahun telah ranap dalam kebakaran yang berlaku pada 13 Jun lalu kira-kira jam 5.30 petang telah mengakibatkan dua beradik itu

bersama keluarga mereka seramai 12 orang kehilangan tempat tinggal dan harta benda bernilai lebih \$20,000.00. Ketika ini kedua-dua keluarga tinggal bersama keluarga terdekat.

Setiap pasangan suami isteri menerima \$500.00 seorang dan tanggungan \$100.00 seorang. Sumbangan tersebut merupakan aktiviti berterusan yang diungkayahkan oleh pihak YSHHB dari masa ke semasa.



PENGARAH Urusan YSHHB, Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani menyampaikan sumbangan derma kepada Awang Lee Ted Sen.

ARENA SUKAN

Pesta Lumba Perahu Hari Keputeraan

Oleh
Haji Ahmad HS

MUARA, 10 Ogos. - Pesta Lumba Perahu dan Motor Sangkut sehari sempena perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 bagi Daerah Brunei dan Muara berlangsung di Pantai Serasa di sini.

Sebanyak 26 acara dipertandingkan dalam pesta itu. Sebelah pagi 16 acara telah dilangsungkan iaitu 25, 15 dan 10 orang pekayuh, 60, 50, 40 dan 30 kuasa kuda bagi perahu bot laju, tambang dan perahu bidar, enjin bebas bagi perahu tambang 15 dan 6 pusingan, 800 - 1,200 cc 10 pusingan bagi jet ski dan acara berpasangan dan perseorangan bagi jarak 500 meter.

Sementara sebelah petang sebanyak 10 acara dilangsungkan iaitu acara 15, 20 dan 25 orang pekayuh yang terbuka bagi kementerian-kementerian dan jempunan kayak berpasangan dan perseorangan bagi jarak 500 meter, 800 - 1,200 cc 10

pusingan bagi bot laju dan jet ski dan enjin bebas 15 pusingan bagi boat laju.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan antara yang turut menyaksikan dan juga menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Acara Pesta Lumba Perahu dan Motor Sangkut adalah acara penutup bagi acara-acara sempena perayaan bagi Daerah Brunei dan Muara.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan menyampaikan hadiah kepada pasukan yang memenangi perlumbaan Pesta Lumba Perahu di Pantai Serasa. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



MENGERAH TENAGA ... Para pasukan bersaing sengit untuk mendahului lawan masing-masing dalam acara lumba perahu 10 orang pekayuh. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.

Tarik Kalat Seborneo:

BRUNEI DARUSSALAM PERTAHAN JUARA

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Ogos. - Brunei Darussalam yang mempertahankan kejuaraan Perlawanan Tarik Kalat Seborneo 2003 selepas menundukkan Sabah 'A' dalam pertarungan akhir di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin di sini.

Dalam pertarungan akhir itu, pasukan tuan rumah berjaya menyingkirkan pasukan negeri di bawah bayu dalam masa 1 minit 18 saat untuk memenangi kedua-dua tarikan tersebut.

Perlawanan sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-57 Tahun itu disaksikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha dan ahli kerabat diraja.

Kebawah Duli Yang

Oleh
Haji Ahat HI

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan mengurniakan hadiah.

Kemenangan itu sekali gus Brunei Darussalam merangkul piala rebutan yang dikurniakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran

Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berserta wang tunai \$6,000.00, manakala naib juara Sabah 'A' meraih hadiah wang tunai \$4,000.00.

Dalam pertarungan rebut tempat ketiga disandang oleh Pasukan Kalimantan Barat, Republik Indonesia yang berjaya menundukkan Sarawak dengan catatan masa 3 minit 40 saat.

Kemenangan itu meletakkan Pasukan Kalimantan Barat di tempat ketiga dengan meraih hadiah wang tunai \$2,000.00 dan Sarawak di tempat keempat menerima hadiah \$1,000.00.

Pasukan Wilayah Persekutuan Labuan menduduki tempat kelima dan Pasukan Sabah 'B' di tempat keenam dengan masing-masing menerima hadiah \$500.00.



MENYERLAH ... Skuad tarik kalat Brunei Darussalam berjaya mempertahankan kejuaraan Perlawanan Tarik Kalat Seborneo 2003 selepas menundukkan Sabah dalam kedua-dua tarikan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Peter dan Henry Lu juara Cabaran Harta Karun

Oleh
Abdullah Asgar

JERUDONG, 14 Ogos. - Tahap pemikiran dan fizikal pasangan Awang Peter dan Henry Lu ternyata membuahkan hasil buat mereka berdua kerana menjuarai Cabaran Harta Karun The Empire Hotel and Country Club - HSBC 2003 dengan menggondol wang tunai \$4,000.00 bersama \$2,000.00 hadiah berupa baucer kerana berjaya mengharungi lapan cabaran selepas mengutip markah tertinggi.

Di tempat kedua pasangan Michael Lee dan Fazillah Idris yang menerima hadiah wang tunai \$2,000.00 bersama \$1,000.00 hadiah berupa baucer, manakala tempat ketiga pasangan Muhd. Fakaruddin Zuraidi Haji Ramli dan Muhd. Rizal yang menerima wang tunai \$1,500.00 bersama hadiah baucer \$500.00.

Cabaran yang diadakan di kawasan Empire Hotel and Country Club menarik minat seramai 56 pasangan di mana setiap pasangan

dianggotai oleh dua orang yang dikehendaki menamatkan lapan cabaran yang memerlukan ketahanan fizikal dan mental serta menyelesaikan beberapa soalan berbentuk subjektif yang disediakan oleh penganjur dengan masa yang tertentu.

Jika masa yang diberikan oleh mana-mana pasangan potongan markah dan dibuat dan tiada mata bonus diberikan malahan penganjur boleh menolak mata dari mana-mana pasangan yang melanggar peraturan yang diberikan.

Apa yang menarik dalam cabaran ini telah disertai oleh beberapa pasangan wanita yang sanggup menempuh beberapa cabaran yang menggerunkan, meleihkan dan menyeronokkan.

Hadiah kepada juara disampaikan oleh tetamu ke-

hormat Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Mohidin, manakala hadiah tempat kedua disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Marcus Harvey dan hadiah tempat ketiga diberikan oleh Pengarah Eksekutif hotel berkenaan, Dayang Norhayati.

Cabaran tersebut merupakan pertama kali diadakan oleh hotel tersebut bersama HSBC sempena ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57.

Cabaran tersebut akan dijadikan acara tahunan sempena sambutan Hari Keputeraan dengan bentuk cabaran fizikal dan mental akan terus diubah supaya lebih mencabar kepada peserta yang mengambil bahagian.

R. Delprado juara Catur Hari Keputeraan Kebawah DYMM

Oleh Samle HJ

PEPERTA warga Filipina, R. Delprado menjuarai Pertandingan Catur Terbuka Perseorangan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 yang berakhir 8 Ogos lalu.

Beliau berjaya memenangi piala dan wang tunai selepas mengalahkan 32 peserta yang lain pada tujuh hari kejohanan itu berlangsung di Rumah Persinggahan Kerajaan.

Kejohanan aktiviti tahunan anjuran Persekutuan Catur Brunei Darussalam itu juga menyaksikan Haji Abu Nipah dan Ariel S. masing-masing menjadi naib johan dan tempat ketiga.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menjadi tetamu kehormat bagi menyampaikan hadiah kepada pemenang.

Sementara itu bagi pertandingan kumpulan umur bagi penuntut-penuntut sekolah pula menyaksikan kemunculan pemain yang berbakat untuk diasuh dan diketengahkan.

Ameer Aziz Hakim bin Haji Abdul Lani mengungguli bagi kategori bawah umur 12 tahun, sementara Andrew Koay

Jijie di tempat kedua dan Ak. Hafiza Pg. Mohd. Omar di tempat ketiga.

Kategori di bawah umur 14 tahun pula menyaksikan kemenangan Ak. Iqbal Pg. Mohd. Omar, Mohd. Nizam Morni, kedua dan Tin Tung Lian, ketiga.

Ak. Ahmad Pg. Haji

Baharuddin pula juara kategori 16 tahun, Dk. Qalila Pg. Omar di tempat kedua dan Haji Mohd. Arif Miamat pula di tempat ketiga.

Sementara, bagi kategori di bawah 18 tahun Ak. Qadri Pg. Mohd. Omar menang mudah menjadi juara, manakala Mohd. Shawal Noralifkan Shari Khan di tempat kedua dan Dk. Nadia Pg. Khaisien di tempat ketiga.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Catur Terbuka Perseorangan sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia (atas). - Gambar oleh Samle HJ.

AMEER Aziz Hakim bin Haji Abdul Lani menjuarai kategori umur 12 tahun ke bawah (kiri).

ARENA SUKAN

ABDB
tubuh
Kelab
Memanah

BERAKAS, 1 Ogos. - Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) telah menubuhkan Kelab Memanah ABDB, yang dirasmikan pelancarannya oleh Pemerintah ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi di Padang ETR, Berakas Garrison.

Kelab Memanah itu membukakan keahliannya kepada semua anggota dan kakitangan awam ABDB dan akan memulakan aktiviti melalui



PEMERINTAH ABDB, Yang Dimulikan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi merasmikan penubuhan Kelab Memanah ABDB baru-baru ini. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

pengenalan sukan memanah dan perlawanan.

Semasa perasmian itu juga kelab tersebut telah mengadakan pameran dan

dalam kesempatan itu memberikan peluang kepada setiap individu untuk mendekati atau mengenali sukan tersebut.

Hadir sama di majlis pelancaran kelab itu ialah Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol dan pegawai-pegawai kanan ABDB.

Skuad Sepak Takraw sertai Piala Isa

BERAKAS, 13 Ogos. - Pasukan Sepak Takraw Kebangsaan Brunei berlepas ke Malaysia bagi menyertai Kejohanan Sepak Takraw Piala Isa yang bermula 14 Ogos, di Negeri Sembilan.

Sejurus sebelum berlepas, pasukan yang terdiri empat pemain dan dua pegawai telah menerima Bendera Kebangsaan dalam majlis ringkas di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei di sini yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Sepak Takraw Brunei Darussalam (PESTA BARU), Pengiran Haji Ali Hassan bin Pengiran Dato Seri Laifa Jaja Haji Abas kepada ketua rombongan, Awang Haji Mokti bin Abdul Ghani.

Kejohanan lima hari itu merupakan salah satu kejohanan bertaraf dunia yang disertai oleh negara-negara Asia dan Eropah yang menganggotai Persatuan Sepak Takraw Antarabangsa (ISTAF).

Ketika ditemui sebelum berlepas, Awang Haji Mokti menyatakan penyertaan pasukan negara di kejohanan itu akan cuba memberikan saingan sengit kepada setiap pasukan yang ditemui selain memperbaiki kedudukan ke tahap yang terbaik.

Bagaimanapun katanya, untuk mencapai matlamat itu tertakluk kepada kedudukan undian yang akan menentukan kumpulan bagi setiap pasukan.

Mengulas mengenai pencabar yang akan ditemui beliau menyatakan dua negara yang sering mendominasi sukan tersebut iaitu Malaysia dan Thailand merupakan

Oleh
Abu Bakar HAR

pasukan pilihan untuk menjuarai kejohanan. Bagaimanapun berdasarkan pengalaman dalam beberapa pertemuan dengan dua pasukan itu para

pemain akan cuba memberikan tentangan yang terbaik.

Dari segi persiapan pula beliau yang juga Setiausaha Agung PESTA BARU meneslaskan bahawa pasukan negara telah menjalani latihan yang panjang bermula bu-

lan Februari lalu bagi persiapan Sukan SEA Ke-22 di Viet Nam dan penyertaan di Kejohanan Sepak Takraw Piala Isa ini serta Kejohanan Piala Raja-raja Thai yang lalu merupakan salah satu persiapan menguji kemampuan para pemain.



SKUAD Sepak Takraw menerima Bendera Kebangsaan dari Presiden PESTA BARU, Pg. Haji Ali Hassan bin Pengiran DSLJ Haji Abas sejurus sebelum berlepas ke Malaysia. - Gambar oleh Mohd. Zul-Hzzi HD.



PASUKAN Bola Sepak Jabatan Percetakan Kerajaan telah mengadakan Perlawanan Bola Sepak Persahabatan dengan Pasukan Pusat Latihan Polis di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong. Perlawanan itu juga turut disertai oleh Komandan Pusat Latihan Polis, Pg. Haji Rakit bin Pg. Haji Othman. Kejohanan julung kali itu bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara kedua-dua pasukan selain bertukar-tukar pengalaman di kalangan para pemain. - Gambar Ihsan Pusat Latihan Polis.

Belia Kebangsaan Piala NISSAN :

KOTA RANGER
TEMUI SKIM JBS
PERINGKAT AKHIR

BERAKAS, 17 Ogos. - Kelab Bola Sepak Kota Ranger dan Skim Bola Sepak Jabatan Belia dan Sukan (JBS) akan berentap di Perlawanan Akhir Kejohanan Bola Sepak Belia Kebangsaan bawah 20 tahun merebut Piala NISSAN Jumaat depan.

Kota Ranger melayakkan diri ke peringkat akhir selepas menang tipis 3 - 2 menumpaskan Perka di pertarungan separuh akhir. Jaringan kemenangan itu mereka perolehi pada minit-minit terakhir melalui sepakan penalti yang dilakukan oleh Amin Matnoor.

Sebelum itu pada permainan separuh masa pertama Perka mendahului 1 - 0 melalui jaringan Chua Kok Meng, kemudian pemain tengah Kota Ranger, Lim Aik Hoek berjaya menyamakan kedudukan 1 - 1.

Pada kedudukan itu kedua-dua pasukan sering berbalas-balas serangan hingga Kota Ranger berjaya menambahkan jaringan kedua melalui Abdul Hidayati Hadi Haji Ahmad untuk menjadikan kedudukan 2 - 1.

Menyadari ketinggalan 1 - 2, Perka cuba memperkemas permainan dengan memasukkan dua pemain gantian Mohd. Izar Amali yang menggantikan Adefazalani Puasa, sementara Haji Alimin Haji Hassan digantikan oleh Mohd. Rapi Haji Nassir.

Kemasukan dua pemain gantian itu nyata memberikan kesan di bahagian serangan memudahkan Perka banyak melakukan percubaan ke

Oleh Hj. Ahat HI

pintu gol Kota Ranger. Bagaimanapun kecemerlangan penjaga gol Ak. Md. Faizul Pg. Tajuddin yang bertindak cemerlang berjaya menggagalkan kesemua percubaan.

Dalam keadaan yang semakin terdesak Perka akhirnya berjaya menyamakan kedudukan 2 - 2 apabila gerakan solo Laman Ahmad dari kiri tidak disedari oleh pertahanan Kota Ranger dan beliau dengan mudah merembat bola masuk menjadikan kedudukan 2 - 2.

Suasana permainan semakin sengit kedua-dua pasukan cuba mendapatkan jaringan kemenangan namun Kota Ranger lebih bernasib baik apabila

minit-minit terakhir mereka dihadiahkan dengan sepakan penalti untuk menjadikan kedudukan berakhir 3 - 2.

Sementara Pasukan Polis Diraja Brunei pula terpaksa akur dengan kekalahan tipis 1 - 0 kepada pasukan pilihan Skim JBS pada perlawanan separuh akhir kedua. Jaringan kemenangan Skim JBS dilakukan hasil sepakan bebas Ak. Kamarul Nizam Pg. Hj. Ismail dan ditanduk masuk oleh Hassan Fadly.

Terdahulu di separuh masa pertama kedua-dua pasukan gagal menjaringkan sebarang gol meskipun beberapa percubaan dilakukan oleh kedua-dua pasukan dekat pintu gol, namun kesemuanya gagal menembusi gawang gol.



DUA pemain Skim JBS mengejar bola tinggi diekori oleh pemain Pasukan Polis Diraja Brunei dalam Perlawanan Separuh Akhir Kejohanan Bola Sepak Belia Kebangsaan merebut Piala NISSAN. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Kursus Bola Tampar
anjaran BAVA

PERSATUAN Bola Tampar Amatir Negara Brunei Darussalam (BAVA) dengan kerjasama Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei dan Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) akan menganjurkan Kursus Volley Ball Teacher bagi Personal Sport Aid 2003 yang akan berlangsung pada 10 hingga 15 September, di Dewan Kuliah Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Orang ramai dan peminat-peminat sukan bola tampar yang berhasrat menyertai kursus tersebut dikehendaki mendapatkan borang pendaftaran dari Awang Haji Zulkifli bin Haji Laidin melalui nombor telefon 8787232 atau Awang Zaini bin Haji Maidin di Jabatan Perkhidmatan Bomba.

Kebawah DYMM utus tahniah

BANDAR SERI BEGAWAN, 15 Ogos.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Roh Moo Hyun, Presiden Republik Korea bersempena ulang tahun Hari Pembebasan Republik Korea.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Korea. Baginda

seterusnya percaya keaduan sedemikian akan berkekalan dan diperluaskan lagi di masa-masa yang akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan baginda, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap semoga Tuan Yang Terutama Roh Moo Hyun, Presiden Republik Korea sentiasa sihat sejahtera dan semoga rakyat Republik Korea akan sentiasa menikmati kemakmuran dan kesejahteraan yang berterusan.

Persefahaman Brunei - Indonesia erat

BANDAR SERI BEGAWAN, 17 Ogos.- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar perutusan tahniah kepada Puan Yang Terutama Presiden Megawati Sukarnoputri, Presiden Republik Indonesia bersempena ulang tahun Hari Kemerdekaan Republik Indonesia Ke-58 Tahun.

Dalam perutusan itu, baginda merakamkan perasaan gembira di atas hubungan mesra dan persefahaman yang erat yang sentiasa terjalin sejak sekian lamanya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Indonesia. Baginda seterusnya berdoa semoga keadaan sedemikian akan berkekalan dan dipertingkatkan lagi di masa-masa akan datang demi kepentingan kedua-dua buah negara serta rakyat masing-masing.

Seterusnya dalam perutusan itu, baginda menyampaikan salam sejahtera kepada PYT Presiden Megawati Sukarnoputri, Presiden Republik Indonesia serta seluruh rakyat Republik Indonesia dengan iringan doa semoga Allah Subhanahu Wataala akan sentiasa mengurniakan rahmat-Nya agar PYT akan sentiasa berada dalam keadaan sihat walafiat dan bagi rakyat Republik Indonesia berterusan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berbual mesra sambil menitahkan sesuatu kepada seorang pelajar ketika berkenan melawat Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei di Kampong Sungai Akar.

Dari muka 1

Doa selamat dibacakan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Daerah Brunei dan Muara, Awang Haji Johar bin Haji Mohammad. Selepas majlis penganugerahan itu baginda juga berkenan melawat ke Sekolah Rendah Rimba I dengan dijunjung dan disembahkan taklimat oleh Guru Besar, Pengiran Zaitun binti Pengiran Salleh.

Dalam lawatan ke sekolah tersebut baginda berkenan menanam pokok palma, melawat kelas prasekolah dan persembakan seni silat oleh pelajar-pelajar darjah empat dan lima.

Setelah itu baginda

berkenan pula berangkat ke beberapa buah rumah penerima anak-anak kunci di bawah RPN Kampong Rimba dan seterusnya ke beberapa buah rumah penerima anak kunci Rumah Kembar di bawah STKRJ Kampong Rimba.

Dari Kampong Rimba baginda meneruskan lawatan ke rumah Penghulu Mukim Berakas 'A', Awang Haji Ahmad bin Hussein di Kampong Burong Pingai, Perpindahan Berakas sebelum berangkat ke Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) di Kampong Sungai Akar.

Di Sekolah PGGMB baginda berkenan melawat ke bilik-bilik darjah, menyaksikan secara lebih dekat kegiatan-kegiatan pembelajaran dan beramah mesra bersama pelajar-pelajar di sekolah tersebut.

Kemudian baginda meneruskan lawatan Kompleks Perdagangan Kampong Anggerik Desa di Jalan Kebangsaan (di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan) yang menempatkan 45 buah kedai, 14 buah gerai makan, sebuah pasar menempatkan 26 petak, Pejabat Pos dan surau untuk kemudahan beribadat.

Selepas itu baginda juga berkenan singgah ke rumah Awang Haji Tengah bin Haji Ibrahim, Ketua Kampong Pancha Delima/Anggerik Desa di Mukim Berakas 'B' sebelum mengakhiri lawatan ke beberapa buah rumah penerima lot-lot tanah di bawah RPN Kampong Lambak Kanan.

Sepanjang keberangkatan ke Mukim Gadong, Mukim Berakas 'A' bersama Mukim Berakas 'B' baginda telah berkenan menerima junjung ziarah dan beramah mesra bersama rakyat dan penduduk di mukim tersebut.

DPMM berkenan menerima mengadap ahli AFF Council

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Ogos.- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, telah berkenan untuk menerima mengadap ahli-ahli ASEAN Football Federation Council (AFF Council) yang sedang mengadakan mesyuarat selama dua hari di Negara Brunei Darussalam.

Rombongan seramai 13 orang diketuai oleh Yang Mulia Tengku Tan Seri Dato' Dr. Ahmad Rithaudeen Al-Haj selaku Presiden majlis berke-

naan.

Turut hadir di Majlis Mengadap tersebut Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela-

Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Dato Paduka Awang Haji Dani bin Haji Ibrahim, Setia-

usaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Majlis Mengadap tersebut diadakan di Istana Nurul Iman di sini.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah berkenan bergambar ramai bersama ahli-ahli ASEAN Football Federation Council (AFF Council) sejeurus menerima mengadap. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

Ambassador-at-Large lawat Great Wall dan Shanghai

BEIJING, 11 Ogos. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, meneruskan atur cara lawatan rasmi hari kedua ke Republik Rakyat China dengan membuat lawatan ke Summer Palace dan Huawei Research Institute. Institut ini telah ditubuhkan pada tahun 1988 dan merupakan sebuah syarikat teknologi tinggi yang terkenal di Republik Rakyat China khusus di dalam penyelidikan dan pembangunan serta peng-

hasilan dan pemasaran alat perkasas perhubungan.

Pada sebelah petang di hari yang sama, Yang Teramat Mulia telah melawat Great Wall di Badaling. Great Wall yang panjangnya kira-kira 4,000 batu merupakan struktur terpanjang yang pernah dibuat.

Sementara itu pada 15 Ogos, Yang Teramat Mulia meneruskan atur cara lawatan rasmi ke Republik Rakyat China dengan membuat kunjungan muhibah kepada Timbalan Datuk Bandar

Shanghai, Tuan Jiang Sixian.

Semasa kunjungan tersebut, Yang Teramat Mulia dan Timbalan Datuk Bandar Shanghai bertukar-tukar pandangan mengenai peluang untuk bekerjasama di dalam bidang-bidang pembangunan infrastruktur, perkapalan dan pelancongan di antara Negara Brunei Darussalam dan Shanghai. Sejurus selepas kunjungan tersebut, Yang Teramat Mulia diraikan dalam Majlis Santap Malam yang diberikan oleh Timbalan Datuk Bandar Shanghai.

Terdahulu sebelum itu Yang Teramat Mulia telah membuat lawatan ke daerah Kawasan Baru Pudong, Pudong Oriental Pearl T.V. Tower, Pusat Pameran Perancangan Bandar Shanghai dan Muzium Shanghai.

Semasa lawatan ke daerah Kawasan Baru, sembah taklimat telah diberikan oleh Tuan Shao Yu Dong, Naib Presiden, China People Political Consultative Conference mengenai pembangunan di Kawasan Pudong. Kawasan Pudong telah ditubuhkan pada tahun 1990 dan bertu-

juan untuk menjadi satu kawasan yang mempunyai pelbagai fungsi dan berorientasikan pengeksporan. Ketika ini, Pudong adalah satu kawasan pelaburan asing yang besar di China dan telah menarik pelaburan asing berjumlah AS\$32 bilion.

Manakala pada 16 Ogos Yang Teramat Mulia berangkat meninggalkan Shanghai menandakan berakhirnya lawatan rasmi tujuh hari ke Republik Rakyat China.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Pu-


dong ialah Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Haji Abdul Hamid dan pegawai-pegawai kanan China dari Pejabat Hal Ehwal Luar Shanghai serta pegawai-pegawai Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Beijing.

Berangkat sama sepanjang lawatan tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria, Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

فرسكيتارن يغ تربايك انتوق كانك ۲ PERSEKITARAN YANG TERBAIK UNTUK KANAK-KANAK

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.



Perkahwinan berbentuk monogami lebih afdal dari poligami

Oleh Siti Aishah HS



PENSYARAH Akademi Pengajian Brunel, Datin Dr. Hajah Saadiah binti Datu Derma Wijaya Haji Tamit menjelaskan, perkahwinan dalam Islam mempunyai tujuan yang luas. – Gambar oleh Masri Osman.

Majlis diakhiri dengan lawatan Yang Berhormat di persekitaran pejabat baru DHSB dan menyaksikan Pameran DHSB.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENGENALAN

CERPEN merupakan wadah bagi para penulis dalam mengungkap dan menyelenggarakan mengenai suatu realiti kehidupan sosial dan ragam kehidupan manusia. Cerpen juga merupakan suatu genre sastera yang mempunyai ciri-ciri dan bentuk yang unik yang hampir menyerupai sebuah novel.

Cerpen atau akronim dari frasa 'cerita pendek' mempunyai banyak penafsiran yang berbeza-beza. Menurut Ellery Sadgwick yang dipetik dari latihan ilmiah Nur Nazrah Huwaina Abdullah (1989/90:11):

"Cerpen adalah cerita pendek yang penyajian sesuatu keadaan yang tersendiri atau suatu kelompok keadaan yang memberikan kesan yang tunggal pada jiwa pembaca dan ia tidak boleh dipenuhi dengan hal-hal yang tidak perlu 'must not be cluttered up with irrelevance'."

Sementara itu, Hashim Awang pula telah mentakrifkan cerpen sebagai cereka yang pendek yang membawakan suatu persoalan bagi menghasilkan satu kesan tertentu yang indah. Tegasnya, cerpen merupakan suatu karya yang mana para penulis dapat melahirkan perasaan atau idea akibat kekepaannya akan suatu senario yang berlaku di persekitaran dengan suatu gaya persembahan yang menarik.

Sebagaimana hasil prosa moden yang lain, cerpen merupakan sejenis cerita rekaan yang menggambarkan pertentangan jiwa atau konflik perasaan yang pada kebiasaannya bersifat menjurus yakni berpusat kepada satu senario yang wujud pada sesuatu karya itu. Dalam kata lain, peristiwa atau senario yang ditonjolkan secara langsung akan menjadi pokok persoalan yang dinyatakan oleh penulis. Seseorang penulis akan mencoraki karyanya melalui perkataan-perkataan yang dijadikan ayat yang indah dan menarik serta memberi kesan kepada pembaca.

CERPEN PILIHAN

Sebagaimana yang dinyatakan tadi bahawa cerpen mempunyai bentuk dan ciri-ciri yang tersendiri. Salah satu bentuk dan ciri-ciri cerpen adalah cerpen tidak memerlukan halaman atau lembaran yang banyak untuk dimuatkan dalam pelbagai media cetak mahupun media elektronik. Ini berbeza sekali dengan genre novel atau drama. Pada kebiasaannya cerpen yang dipaparkan hanya disiarkan dalam dua atau tiga halaman sahaja, maka pembaca sudah dapat menikmati sebuah karya cerpen.

Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa sebuah cerpen itu kita dapat peroleh atau baca dari ruangan-ruangan akhbar atau majalah sama ada dari luar atau dalam negeri. Selain itu, karya cerpen dapat dibaca seminggu sekali. Umamannya, karya cerpen di negara ini boleh sahaja kita dapati di akhbar tempatan seperti PELITA BRUNEI dan Media Permata. Begitu juga kita boleh dapati dalam majalah-majalah terbitan tempatan seperti Mekar, Juara dan Bahana.

Jika kita mengikut perkembangan cerpen tanah air, kita dapati cerpen-cerpen yang dimuatkan dalam akhbar atau majalah tempatan tidak kurang hebatnya. Malahan ada segelintir dari cerpenis-cerpenis tanah air seperti A. Mohammad Hj. Timbang, P. Binchun, Rosli Abidin Yahya, Chong Ah Fok, Pg. Omar bin Pg. Hj Othman dan lain-lain lagi diminati oleh peminat-peminat cerpen tanah air. Ini kerana karya-karya mereka sahaja telah dimuatkan di akhbar-akhbar dan majalah-majalah tempatan tetapi sering membawa tema yang menarik dengan mengemukakan persoalan-persoalan sosial atau isu-isu baru yang secara langsung memberi pengajaran kepada pembaca.

Rencana ini akan membicarakan cerpen 'Wang Tiga Ribu Ringgit' karya A. Mohammad Hj. Timbang yang disiarkan dalam ruangan Aneka, PELITA BRUNEI, bertarikh 6 Ogos 1997. A. Mohammad Hj. Timbang adalah seorang cerpenis tanah air yang begitu gemar menulis cerpen yang berdasarkan dan bertematik kehidupan sosial dan isu-isu semasa. Karya-karya beliau mudah diperolehi melalui akhbar PELITA BRUNEI.

Rencana cuba memperlihatkan unsur-unsur intrinsik yang terdapat dalam cerpen itu. Di antara unsur-unsur intrinsik itu ialah tema, plot, watak dan perwatakan, latar, sudut pandangan dan gaya bahasa.

SINOPSIS CERITA

Kisah bermula ketika Lamin berjaya mendapat tempat pertama dalam peraduan lukisan. Lamin tidak menyangka akan memenangi peraduan itu yang disertainya atas galakan dan cabaran dari temannya, Salehudin. Salehudin menyedari Lamin mempunyai bakat besar dalam bidang melukis. Oleh kerana itu, Salehudin telah memberikan borang peraduan kepada Lamin dan menggalakkan Lamin menyertai peraduan tersebut.

Pada mulanya, borang peraduan itu tidak diendahkan oleh Lamin sehinggalah pada suatu hari, anak bongsunya telah mengajak Lamin ke ibu kota untuk mengikuti peraduan melukis. Secara tidak langsung, di tempat peraduan melukis, Lamin telah turut sama memberi tunjuk ajar dan bimbingan kepada anaknya setelah melihat gelagat ibu bapa rakan-rakan anaknya melakukan hal yang sama.

Setelah balik dari ibu kota, minat Lamin

mula berkembang dan mengambil keputusan untuk menyertai peraduan itu. Lamin mula melukis dan selepas tiga hari lukisan itu pun siap dilukisnya. Lamin menghantar lukisan itu ke pihak penganjur peraduan. Lukisan itu telah berjaya mendapat tempat pertama dan memenangi wang tunai sebanyak tiga ribu ringgit. Lamin terkejut apabila berita kemenangan disampaikan oleh Salehudin. Lamin bingung bagaimana hendak menggunakan wang sebanyak itu.

Berita kemenangan itu pula disampaikan kepada isterinya. Isteri Lamin yang tumpang gembira memujuk suaminya beberapa kali untuk berbelanja atau 'shopping' di luar negeri. Isterinya mula berangan-angan untuk membeli barang kemas, manakala anak-anaknya ada yang ingin membeli video games, perkakas melukis dan CD. Sementara itu, Lamin pula berangan-angan dan merancang untuk memiliki sebuah mesin pemotong rumput bagi kegunaannya di masa lapang atau menghilangkan 'stress' selepas bertugas. Rancangannya ini dinyatakan kepada isterinya. Isteri Lamin memujuk Lamin supaya membeli mesin itu di luar negeri kerana harganya jauh lagi murah berbanding di tempat mereka. Akhirnya, Lamin bersetuju untuk berbelanja (shopping) di negara jiran dengan menggunakan kereta.

Sampai di tempat tujuan, Lamin pun meletakkan keretanya di tempat penaruhan kereta berhampiran dengan sebuah kereta. Dekat dengan kereta itu, ada sepasang teruna dara yang sedang kemaruk bercinta. Semasa Lamin mengunci keretanya, Lamin tidak menghiraukan pasangan tersebut. Selepas mengunci keretanya, Lamin pun pergi ke sebuah plaza baru. Lamin sekeluarga singgah untuk menghilangkan dahaga dan anaknya pula pergi ke tandas dan balik semula menemui bapanya untuk mendapatkan wang kecil. Lamin ingin memberikan wang kecil itu dan menyedari beg duitnya tidak ada di kedua-dua saku belakang seluaranya.

Lamin terkejut apabila mendapati beg duitnya telah hilang. Isterinya menganjurkan Lamin mencari beg duitnya di kereta mungkin sahaja tertinggal di sana. Malangnya Lamin tidak menjumpai beg duitnya. Malahan Lamin juga menyedari pasangan teruna dara dan kereta yang berhampiran dengan tempat keretanya sudah tidak ada lagi. Lamin merasa sangat kesal, kecewa dan hampa kerana beg duit yang mengandungi sebahagian wang tiga ribu ringgit telah ditukarnya dengan nilai mata wang asing dan kad pengenalannya telah hilang.

TEMA

Dalam menganalisa sebuah karya khususnya dalam bentuk prosa, menganalisis tema akan menjadi suatu perkara yang penting. Menurut Hashim Awang yang dipetik dalam latihan ilmiah Hjh. Jilina Hj. Awang Tengah (1989/90:43) tema adalah gagasan fikiran, atau persoalan utama yang mendasari sebuah karya sastera dan ia terungkap secara eksplisit (langsung) atau secara implisit (tidak langsung). Sementara itu, Lutfi Abas (1995), mentakrifkan, tema adalah sesuatu yang terbuksi di hati penulis yang dibencinya atau yang tidak disukainya sedang berlaku dalam masyarakat.

Bersumberkan pendapat dua orang pengkritik sastera ini, secara umumnya dapitlah kita simpulkan bahawa tema itu adalah suatu yang menunjang sebuah karya prosa yang berobjektifkan sebagai didaktik kepada

UNSUR-UNSUR INTRINSIK DALAM CERPEN 'WANG TIGA RIBU RINGGIT'

OLEH NANI MOHD. BAKIR

khalayak atau pembaca. Pembaca secara tidak langsung atau sebaliknya dapat memperoleh sesuatu iktibar atau teladan melalui penonjolan atau penggarapan peristiwa, kejadian atau senario.

Sebagaimana yang kita yakini setiap karya yang dihasilkan atau dipaparkan melalui genre ini bukan sahaja sebagai hiburan semata-mata, tetapi memberi sumbangan yang penting dalam membina kesedaran serta kepekaan akan peranan dan tanggungjawab khususnya dalam menjalani kehidupan kita.

Dalam mencari tema sesebuah cerpen yang dipaparkan kepada khalayak atau pembaca, salah satu cara dapat dilihat melalui ketelusan (transparency) tajuk atau judul cerpen. Pada hakikatnya penulis secara tidak langsung ingin menarik hati pembaca untuk mengetahui persoalan-persoalan yang terkandung melalui gambaran tajuk atau judul.

Dalam cerpen, 'Wang Tiga Ribu Ringgit', tema yang ingin diketengahkan oleh penulis adalah tema yang berdasarkan kehidupan masyarakat dan sosial kita. Temanya ialah 'pengaruh wang'. Tema ini dipilih atas dasar persoalan-persoalan yang hendak dikecualikan oleh penulis. Pengaruh wang memperlihatkan persoalan utama dalam cerpen ini. Namun demikian, seperkara yang harus dilihat, persoalan pengaruh wang ini timbul setelah Lamin berjaya memenangi peraduan melukis dan berjaya mendapat hadiah berupa wang sejumlah tiga ribu ringgit. Bertitik-tolak dengan kejayaan tersebut, maka kita dapat melihat beberapa persoalan atau situasi yang menjangkit tema. Di antaranya ialah:

I. Jumlah wang sebanyak itu menyebabkan Lamin terlalu gembira dan tidak menyangka dapat memegang wang sejumlah itu.

II. Isterinya mula merangka rancangan untuk membeli-belah (shopping).

III. Kawan-kawan sepejabat Lamin juga meminta belanja setelah mendengar berita kejayaan Lamin.

IV. Disebabkan merasa adanya (pengaruh) wang juga Lamin ingin berbelanja membeli mesin pemotong rumput untuk kegunaannya semasa hujung minggu.

V. Disebabkan (pengaruh) wang, akhirnya Lamin dan keluarganya pergi ke luar negeri untuk berbelanja barang-barang yang dihasratkan mereka.

VI. Disebabkan (pengaruh) wang, sepasang teruna dara yang berpura-pura hangat bercinta sanggup menjadi pencopet.

VII. Disebabkan (pengaruh) wang, Lamin menyedari beg duitnya hilang, ketika anaknya ingin membayar semasa masuk ke tandas.

VIII. Disebabkan wang bersama dengan kad pengenalan Lamin menyebabkan Lamin terpaksa berurusan kemudian menggantikan kad pengenalan.

Oleh yang demikian, wang amat penting dan berpengaruh dalam kehidupan manusia. Secara praktisnya tiada manusia yang menolak jika diberikan wang. Malahan dalam realiti kehidupan kebanyakan manusia pada masa ini memandang material atau wang sebagai ukuran kekayaan, kemuliaan atau kebencian dan seumpamanya. Realitinya, pengaruh wang begitu besar. Fenomena ini menyebabkan manusia mempunyai kelas sosial

yang berbeza. Seseorang manusia sanggup bekerja keras kerana wang dan ada seseorang manusia pula sanggup menjadi penipu, hilang pertimbangan, memeras ugut, perompak, pencuri dan sebagainya. Tegasnya, tema cerpen ini iaitu 'pengaruh wang' atau 'pengaruh wang dalam kehidupan manusia' dirasakan amat bersesuaian.


PLOT

Shahnon Ahmad menyatakan plot adalah urutan keseluruhan peristiwa dalam sebuah cereka. Plot termasuk rangkaian peristiwa yang bersebab akibat yang secara langsung atau tidak langsung terjadi kerana peristiwa yang lain. Selain itu plot juga merupakan satu rangkaian peristiwa yang ada, tidak semestinya kejadian bentuk fizikal seperti percakapan atau satu aksi tetapi termasuk perubahan sikap para watak atau keputusan. Situasi ini adalah berbeza dengan fabula, dalam menganalisa cereka moden agak jarang sekali menggunakan penilaian fabula memandangkan fabula adalah salah satu gaya penceritaan yang rentetan peristiwa mengikut urutan waktu semata-mata dan amat sesuai digunakan dalam mengkaji genre klasik.

Sementara itu, plot adalah sebaliknya kerana plot adalah berkaitan di antara satu sama lain dan memperlihatkan satu kesatuan dan keragaman. Dalam teori keindahan sebuah karya sastera, suatu karya itu dianggap indah jika ada unsur-unsur keharmonian, kesatuan dan keseragaman yang memperlihatkan konflik luaran dan dalaman serta ditambah dengan unsur-unsur suspen dan kejutan.

Oleh yang demikian, plot bolehlah digambarkan sebagai satu adunan penggarapan jalan cerita. Jika plot dilihat sebagai suatu struktur maka struktur plot boleh dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu bahagian permulaan atau eksposisi, bahagian puncak dan bahagian terakhir adalah bahagian pemerlainan.

Pada dasarnya pada bahagian eksposisi, berlaku pendakian yang mana secara tidak langsung penulis akan mengemukakan persoalan-persoalan atau konflik. Semasa persoalan-persoalan dikemukakan biasanya penulis akan menggunakan pelbagai teknik bagi merangsang pembaca terus mengikuti sehingga akhirnya akan membawa kepada pemerlainan. Oleh yang demikian, kebanyakan plot akan dapat digambarkan sebagai rajah di bawah ini.



Dalam cerpen pilihan ini, plotnya adalah sebagai struktur yang konvensional sahaja. Secara ringkasnya, plot cerpen ini adalah seperti berikut.

Eksposisi - Lamin diperkenalkan sebagai seorang yang sangat gembira kerana berjaya mendapat tempat pertama seterusnya memenangi hadiah tiga ribu ringgit.

Pendakian - Dalam pendakian cerpen ini penulis menimbulkan pelbagai konflik atau persoalan bagi menunjang plot cerpen ini. Semasa konflik atau persoalan diperkenalkan penulis menggunakan teknik penceritaan, imbas kembali, interior monolog dan dialog. Persoalan yang dinyatakan oleh penulis semasa pendakian adalah seperti berikut.

I. Isteri Lamin mula merancang-rancang, memujuk Lamin hendak menggunakan wang kemenangan itu untuk membeli-belah di luar negara. Hasrat isterinya itu hanya dijawab dengan mendiamkan diri sahaja.

II. Usaha isterinya tidak berakhir pada hari itu, selepas dua hari berikutnya isteri mula menimbulkan lagi persoalan itu.

III. Seterusnya, rakan-rakan sepejabatnya juga meminta belanja.

IV. Semasa pendakian selanjutnya, Lamin mengimbas kembali bagaimana dia telah berjaya memenangi peraduan itu adalah atas galakan dan desakan sahabatnya Salehudin. Namun demikian, pada awalnya Lamin tidak mengendahkan borang peraduan yang diberikan kepadanya.

V. Lamin berubah fikiran setelah menemani anaknya yang telah menyertai peraduan melukis di ibu kota lalu mengisri borang yang diberikan oleh Salehudin.

VI. Lamin berjaya dalam peraduan melukis dan memenangi hadiah pertama berupa tiga ribu ringgit.

VII. Setelah dipujuk oleh isterinya dan Lamin sendiri berniat hendak membeli mesin pemotong rumput yang diperikannya adalah lebih murah harganya jika dibeli di luar negeri berbanding harga di dalam negeri. Akhirnya Lamin bersetuju memenuhi permintaan dan kehendak isteri serta anak-anaknya hendak ke luar negara.

VIII. Semasa berada di luar negara, Lamin meletakkan keretanya bersebelahan dengan sebuah kereta yang lain dan sepasang teruna dara yang sedang hangat bercinta. Lamin tidak mendedahkan mereka dan terus ke Plaza baru.

Puncak - Lamin merasa sangat resah dan bimbang menyedari beg duitnya sudah hilang semasa anaknya meminta wang kecil (syiling) daripadanya untuk membayar masuk ke tandas.

Penyelesaian - Lamin cuba mencari beg duitnya di keretanya dan menyedari bahawa beg duitnya telah diambil oleh penyeluk saku atau pencopet semasa dia mengunci keretanya. Pada awal sangkaan Lamin, penyeluk saku itu adalah remaja yang sedang kemaruk bercinta tetapi sangkaan itu melesat.

Pelerainan - Lamin merasa sangat kesal dan sebagai manusia biasa penyelesaian biasanya akan datang terlambat. Pada kebiasaannya kekesalan timbul setelah sesuatu yang buruk berlaku. Lamin menyesal kerana telah menurut kata isterinya dan dia beranggapan jika dia tidak pergi ke luar negeri, pasti sahaja duitnya tidak hilang.

Bersambung

Bersabar hadapi kesusahan

SERUAN
SUCI

diajarkan oleh Al-Quran yang semestinya dimiliki oleh setiap orang Islam. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Sabar itu adalah cahaya yang gilang-gemilang."

Tidak dinafikan bahawa sabar itu adalah satu sifat yang bukan mudah untuk dipraktikkan khususnya apa kala kita menghadapi musibah yang melibatkan kematian, kehilangan harta benda dan segala yang diingini dan disayangi. Maka di dalam menghadapi kesukaran untuk bersabar Allah Subhanahu Wataala telah mengajarkan dalam Al-Quran beberapa perkara yang boleh membantu kita supaya

berlaku sabar iaitu dengan menjadikan apa-apa yang berlaku di dunia ini sebagai ikhtibar dan pengajaran. Wahai kaum Muslimin ingatlah bahawa dunia ini bukanlah Syurga tetapi adalah tempat yang penuh dengan ujian dan tempat bagi menyediakan bekal untuk menuju kehidupan yang kekal abadi di akhirat kelak.

Antara lain pengajaran yang diajarkan oleh Al-Quran kepada kita yang boleh membantu kita untuk bersabar ialah dengan mengenal diri sendiri iaitu diri kita ini adalah milik Allah Subhanahu Wataala. Segala nikmat yang ada di dunia ini adalah merupakan pinjaman daripada Allah Subhanahu Wataala yang pada bila-bila masa boleh ditarik kem-

bali apabila dikehendaki-Nya.

Orang yang bersifat sabar tidak akan rugi tetapi akan mendapat keuntungan daripada Allah Subhanahu Wataala. Oleh itu yakinlah bahawa Allah Subhanahu Wataala akan memberi balasan kebaikan dan kemenangan di kemudian nanti. Di samping itu kita jangan lupa untuk memohon pertolongan dan perlindungan kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sabar kerana Allah Subhanahu Wataala yang menurunkan ujian itu dan Dia juga yang mengangkatnya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-A'raaf ayat 128 yang tafsirnya:

"Musa berkata kepada kaumnya: Mohonlah pertolongan kepada Allah dan bersabarlah: Sesungguhnya bumi ini kepunyaan Allah: Dipusakakannya kepada setiap yang dikehendaki-Nya dari hamba-hamba-Nya. Dan kesudahan baik adalah bagi orang-orang yang bertaqwa."

Ketahuilah wahai kaum Muslimin, baha-

wa ujian-ujian Allah Subhanahu Wataala yang ditujukan kepada orang mukmin itu yang disertai dengan sifat sabar adalah satu petanda kemaian iman bagi orang mukmin sejati di mana ujian tersebut akan mendidik keyakinan mereka bagi meningkatkan ketaqwaan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wataala. Oleh yang demikian didiklah dan asuhlah diri kita dengan sifat-sifat sabar.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 22 yang tafsirnya:

"Dan orang-orang yang sabar kerana mengharap keredaan Tuhan mereka semata-mata dan mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara bersembunyi atau secara terang-terang dan mereka pula menolak kejahatan dengan cara yang baik. Mereka itu semuanya disediakan baginya balasan yang sebaik-baiknya pada Hari Akhirat."

MARILAH kita bertaqwa kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar taqwa dengan menunaikan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan bertaqwa kita akan mendapat perlindungan dan inayah Allah Subhanahu Wataala.

Sudah menjadi lumrah alam kita hidup di dunia ini tidak terlepas daripada cubaan dan dugaan yang merupakan ujian daripada Allah Subhanahu Wataala. Ini jelas dilihat apabila seseorang itu ditimpa musibah seperti kesakitan, kecelakaan, kehilangan orang yang disayangi, kemusnahan harta benda dan bermacam-macam lagi musibah. Perkara ini jelas digambarkan oleh Allah Subhanahu Wataala

dalam Surah Al-Baqarah ayat 155 hingga 156 yang tafsirnya:

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut kepada musuh dan dengan merasai kelaparan dan dengan berlakunya kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman dan berikanlah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila mereka ditimpa oleh sesuatu kesusahan, mereka berkata: Sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada Allah jualah kami kembali."

Sebagai orang Islam yang beriman kita hendaklah bersabar apabila ditimpa oleh musibah. Di dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang memerintahkan kita supaya bersifat sabar dan juga penjelasan terhadap ganjaran yang akan diterima di akhirat kelak oleh

orang-orang yang bersabar. Di antaranya firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 200 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Bersabarlah kamu menghadapi segala kesukaran dalam mengerjakan perkara-perkara yang berkebaikan dan kuatkanlah kesabaran kamu lebih daripada kesabaran musuh di medan perjuangan dan bersedialah dengan kekuatan pertahanan daerah-daerah sempadan serta bertaqwalah kamu kepada Allah, supaya kamu berjaya mencapai kemenangan."

Perkataan sabar sering disebut-sebut dan menjadi permainan mulut. Boleh dikatakan setiap lapisan masyarakat menggunakannya tetapi adakah kita mengetahui makna sabar itu yang sebenar-benarnya? Sabar merupakan akhlak yang mulia yang

ANTARA lain pengajaran yang diajarkan oleh Al-Quran kepada kita yang boleh membantu kita untuk bersabar ialah dengan mengenal diri sendiri iaitu diri kita ini adalah milik Allah Subhanahu Wataala. Segala nikmat yang ada di dunia ini adalah merupakan pinjaman daripada Allah Subhanahu Wataala yang pada bila-bila masa boleh ditarik kembali apabila dikehendaki-Nya.

وقت سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحی باكي دائره بروني دان مولارا مولاي دري هاري رايو، 22 جمادى الآخر، 1424 برسمان دغن 20 اوگوس، 2003 هيغك كهاري ثلاث، 28 جمادى الآخر، 1424 برسمان دغن 26 اوگوس، 2003 اداله سمرت دباوه اين:-

هجره	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحی	مسيحي
جمادى الآخر									لوگوس
22	12.25	3.39	6.32	7.43	4.47	4.57	6.15	6.39	20
23	12.25	3.38	6.32	7.43	4.47	4.57	6.15	6.39	21
24	12.25	3.38	6.31	7.42	4.47	4.57	6.15	6.39	22
25	12.25	3.37	6.31	7.42	4.47	4.57	6.15	6.39	23
26	12.24	3.36	6.31	7.41	4.47	4.57	6.15	6.39	24
27	12.24	3.35	6.30	7.41	4.47	4.57	6.15	6.38	25
28	12.24	3.35	6.30	7.40	4.47	4.57	6.15	6.38	26

وقت ۲ سبهيخ باكي دائره توتوغ دعبه ساتو مينيت دان دائره بلايت دعبه تيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوكل 12.45 تهابري.

BISMILLAH, WALHAMDULILLAH WAS-SALATU WASSALAMU 'ALA RASULILLAH, WA'ALAA ALIHIE WASAHBIHIE WAMAN WALAH.

7. MENGADU DOMBA (MENYE- BARKAN FITNAH HASUTAN):

MENGADU domba atau di dalam bahasa Arabnya disebut sebagai *an-namimah* ialah memindahkan ucapan dari seorang ke seorang dengan maksud untuk merosakkannya.

Menurut Al-Imam Al-Ghazali Rahimahullah Taala, pada kebiasaannya *an-namimah* adalah diistilahkan bagi perbuatan orang yang menceritakan percakapan orang lain kepada orang yang diceritakan mengenai, umpamanya dia berkata: "Si anu mengatakan tentang kamu begitu begini." Sebenarnya *an-namimah* itu tidak terhad kepada yang demikian itu, bahkan ianya lebih umum, iaitu mendedahkan segala perkara yang tidak patut disebarkan, sama ada ianya tidak disukai oleh orang yang diceritakan mengenai, ataupun tidak disukai oleh orang

Bilangan 161 Bahagian Keenam

yang diceritakan kepadanya, ataupun tidak disukai oleh orang ketiga. Tidak kira sama ada cara mendedahkan itu dengan percakapan, tulisan, isyarat, gerak-geri atau seumpamanya, dan sama ada yang didedahkan itu berupa percakapan ataupun perbuatan, dan sama ada ia sememangnya suatu keaiban ataupun bukan.

Jelasnya, hakikat *an-namimah* (mengadu domba) itu ialah membo-corkan rahsia orang lain dan melanggar kehormatan dengan mendedahkan rahsia yang dia tidak ingin orang lain mengetahuinya.

Hukumnya adalah haram. Ini adalah berdasarkan dalil-dalil yang bersumber daripada Al-Quran, Sunnah dan ijmak. Firman Allah Taala yang tafsirnya:

"Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah-belahkan orang ramai)." (Surah Al-Qalam, ayat 11).

VARIASI AKHLAK YANG MEMBINA KEKUATAN DAN MEROSAK PERSAUDARAAN DALAM ISLAM

Diriwayatkan daripada Hudzaifah Radiallahuanhu, beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya:

"Tidak masuk Syurga orang yang suka mengadu domba." (Hadis riwayat Muslim).

Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas Radiallahuanhuma yang maksudnya:

"Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam (suatu hari) melintasi dua buah kubur, lalu bersabda: Sesungguhnya kedua-dua mereka sedang diseksa, kedua-dua mereka tidak diseksa kerana dosa besar (menurut anggapan mereka)." Kemudian Baginda bersabda lagi: "Bahkan (itu adalah dosa besar), adapun salah seorang daripada mereka ialah orang yang suka ke sana ke mari mengadu domba dan yang seorang lagi ialah orang yang tidak bersuci daripada air kencingnya." (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Muslim).

APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN JIKA SESEORANG DISAMPAIKAN KEPADANYA CERITA

YANG BERBAU FIT- NAH HASUTAN?

Al-Imam Al-Ghazali menegaskan, setiap orang yang diceritakan kepadanya mengenai sesuatu dengan maksud menyebarkan fitnah hasutan, umpamanya diceritakan kepadanya: "Si anu mengatakan kamu begini begini," maka hendaklah dia mengambil enam tindakan di bawah ini:

1) Tidak membenarkan atau mempercayai apa yang disampaikan kepadanya, kerana pengadu domba itu adalah orang fasiq, dan orang fasiq itu berita yang dibawanya tidak dapat dipercayai.

2) Melarang perbuatan itu dan memberinya nasihat serta menerangkan kepadanya bahawa perbuatannya itu adalah tidak baik.

3) Membencinya kerana Allah, sebab Allah Taala amat membenci pengadu domba, dan membenci kerana Allah ketika itu adalah suatu kewajipan.

4) Jangan sekali-kali berpesan buruk mengenai apa yang disampaikan itu, kerana Allah

لَا يُرْسِلُ إِلَّا خَيْرًا

IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

akan memeriksa ceritanya itu. Jika ternyata kamu berdusta, kamu termasuk salah seorang dari mereka yang disebutkan dalam ayat ini yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasiq membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya." (Surah Al-Hujuraat, ayat 6).

Jika kamu benar dalam menyampaikan cerita ini, kamu termasuk salah seorang dari mereka yang disebutkan dalam ayat ini yang tafsirnya:

"Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah-belahkan orang ramai)." (Surah Al-Qalam, ayat 11).

"Jika kamu mahu minta maaf, kami sedia memaafkan kamu." Lelaki itu pun berkata: "Wahai Amirul Mukminin! Aku tidak akan mengulangi perbuatanku ini selama-lamanya."

Bersambung

Berpada dengan yang ada, bersederhana dalam kehidupan dan tidak meminta-minta

SIAPAKAH manusia di dunia ini yang tidak menginginkan kekayaan dan kemewahan hidup, mengumpul harta adalah menjadi hasrat dan cita-cita semua manusia.

Islam tidak melarang umatnya mencari kekayaan tetapi janganlah kita melampaui batas dalam segala hal, akan tetapi yang paling baik adalah bersederhana di dalam kehidupan sama ada dari segi berbelanja dan sebagainya. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Furqan ayat 67 yang tafsirnya: "Dan juga mereka yang (diredai Allah itu ialah) yang apabila membelanjakan hartanya, tidaklah melampaui batas dan tiada bakhil kedekut; dan (sebaliknya) perbelanjaan mereka betul sederhana antara kedua-dua cara (boros dan bakhil) itu." Ayat tersebut menjelaskan agar jangan membelanjakan harta melampaui had yang sepatutnya menurut kehendak hawa nafsu tanpa berfikir panjang agar jangan bakhil atau kedekut membantu orang-orang yang memerlukan bantuan.

Setiap apa jua rezeki yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala, haruslah kita syukuri dengan mengingati dan menyembah-Nya, firman-Nya di dalam Surah Adz-Dzaariyat ayat 56-57 yang tafsirnya: "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku. Aku tidak sekali-kali menghendaki sebarang rezeki pemberian dari mereka, dan Aku tidak menghendaki supaya mereka memberi makan kepada-Ku." Ayat ini menjelaskan bahawa tujuan Allah Subhanahu Wataala menciptakan jin dan manusia adalah semata-mata untuk menyembah dan beribadat kepada-Nya, bererti apa jua yang kita usahakan atau cari dalam dunia ini adalah diharuskan dengan syarat janganlah kita lalai atau alpa dari menunaikan tanggungjawab kita sebagai hamba-Nya. Bahkan perlu dibuat bahawa setiap kejayaan yang kita kecapi dalam hidup ini adalah kurnia dari-Nya jua, oleh itu wajarlah kita sentiasa mensyukuri nikmat yang dianugerahkan-Nya.

Islam melarang umatnya daripada bersifat tamak haloba terhadap harta benda dunia akan tetapi menekankan supaya

من وجو ك ر ي ض ا ن الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

bersifat sederhana dengan apa yang ada, bahkan kaya yang dituntut dalam agama Islam ialah kekayaan jiwa. Itulah kekayaan yang diiktiraf oleh Allah Subhanahu Wataala, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Al-Imam Muslim daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu bahawa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Bukanlah kekayaan itu dengan sebab banyak harta benda tetapi kekayaan itu ialah kerana kaya jiwa." Kaya jiwa yang dimaksudkan adalah seperti orang yang banyak mempunyai ilmu yang diredai Allah Subhanahu Wataala dan beramal dengan ilmu yang dimiliki. Mereka yang benar-benar beramal dengan ajaran Islam, dengan sendirinya Allah Subhanahu Wataala akan mewujudkan dalam hati orang tersebut sifat 'qanaah' iaitu rasa mencukupi dengan apa yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala kepadanya.

Sebagaimana dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim daripada Abdullah bin Amru Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Sesungguhnya berbahagialah orang yang memeluk Islam dan diberi rezeki yang secukupnya serta Allah jadinya bersifat qanaah (berpada) dengan apa yang dikurniakan kepadanya."

Di samping itu Islam juga melarang keras umatnya bersifat suka meminta-minta, kerana rezeki yang paling afdal itu adalah hasil dari usaha dan tenaga sendiri, sebagaimana

dalam hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Al-Imam Muslim dari Hakim bin Hazam Radiallahuanhu bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Tangan yang di atas (yang memberi) adalah lebih baik daripada tangan yang di bawah (yang meminta) dan mulakan pemberian itu kepada orang yang di bawah tanggunganmu. Sebaik-baik sedekah ialah yang lebih daripada keperluan. Sesiapa yang tidak meminta nescaya Allah akan memberikan rasa cukup kepadanya dan sesiapa yang mengagihkan kekayaan nescaya Allah akan memberi kekayaan kepadanya."

Hadis di atas menjelaskan bahawa taraf orang yang memberi itu lebih mulia daripada orang yang meminta. Oleh kerana itulah hadis ini menggalakkan supaya setiap orang berusaha dengan bersungguh-sungguh. Hadis ini juga memberi peringatan kepada umat Islam bahawa sebelum seseorang itu bersedekah kepada orang lain hendaklah diutamakan kepada ahli keluarga terlebih dahulu dan hendaklah memastikan bahawa yang diberikan itu melebihi keperluan

sendiri. Allah Subhanahu Wataala telah menjanjikan kepada setiap hamba-Nya bahawa sesiapa yang tidak suka meminta-minta dan merasa cukup dengan rezeki yang ada nescaya Allah akan memberi kemudahan kepadanya untuk mendapatkan rezeki yang lain.

Orang-orang Islam digalakkan supaya berusaha sendiri terlebih dahulu untuk mengatasi kemiskinan sebelum terpaksa meminta bantuan kepada orang lain. Islam amat memandang rendah dan orang yang suka meminta-minta daripada orang lain dan orang yang suka meminta-minta daripada orang lain akan menemui Allah Subhanahu Wataala pada Hari Kiamat kelak dalam keadaan hina, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Bukhari dan Al-Imam Muslim daripada Ibnu Umar Radiallahuanhu bahawasanya Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Tabiat suka meminta-minta itu sememangnya ada pada setiap orang sehingga ia menemui Allah (mati) dalam keadaan mukanya tidak mempunyai daging (hina)."

KAYA jiwa yang dimaksudkan adalah seperti orang yang banyak mempunyai ilmu yang diredai Allah Subhanahu Wataala dan beramal dengan ilmu yang dimiliki. Mereka yang benar-benar beramal dengan ajaran Islam, dengan sendirinya Allah Subhanahu Wataala akan mewujudkan dalam hati orang tersebut sifat 'qanaah' iaitu rasa mencukupi dengan apa yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala kepadanya.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika merasmikan Pasar Tani Serbaguna dan Pasar Borong dan Gelanggang Gasing (SATE-NAGA) bertempat di Kampong Selayun, Sengkuring. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Perpustakaan UBD boleh dimanfaatkan masyarakat luar

TUNGKU, 5 Ogos. - Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) bukan sahaja untuk keperluan mahasiswa/mahasiswi bahkan pengunjung-pengunjung luar juga boleh mendapatkan khidmat bagi mendapatkan maklumat yang bersangkutan-paut dengan kajian atau ilmu yang terdapat di perpustakaan berkenaan.

Sehubungan itu, pihak Perpustakaan UBD mengambil inisiatif dengan mengukuhkan pelbagai projek aktiviti bermaklumat antaranya ialah dengan mempamerkan hasil lukisan Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ahmad, bertempat di lobi perpustakaan universiti berkenaan di sini.

Pemangku Ketua Perpustakaan, Dr. Haji Suhaimi bin Haji Abdul Karim dalam ucapannya menyatakan projek itu antara lain bertujuan untuk memberigakan pencapaian-pencapaian atau daya usaha yang dibuat oleh anak bangsa Brunei sendiri dalam bidang tertentu, bukan saja dalam bidang seni lukis malah perkara-perkara yang berbentuk sosial, sastera, kemanusiaan dan inovasi teknologi.

Di samping itu juga, ia bertujuan untuk menyebarkan maklumat-maklumat penting mengenai Negara Brunei Darussalam dengan pelbagai perkara-perkara sejarah dan hal yang bersangkutan-paut dengannya ataupun perkara-perkara lain yang boleh menarik perhatian pengguna-pengguna perpustakaan.

Hadir merasmikan Pameran Seni Lukis berkenaan ialah Naib Canselor

Oleh Siti Aishah HS

UBD, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman selaku tetamu kehormat di majlis tersebut.

Brunei - Thailand bersetuju luaskan kerjasama di bidang penerangan, penyiaran

Oleh Siti Aishah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 Ogos. - Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Teknikal Bersama Bagi Kerjasama Bidang Penerangan dan Penyiaran telah bersetuju dalam pertukaran bahan-bahan terbitan, pertukaran pegawai-pegawai penerangan bermula pada tahun hadapan, pertukaran bahan-bahan berita melalui internet dan pertukaran ahli wartawan terutamanya jurugambar.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair bin Haji Abdullah menyatakan demikian di Majlis Penutup Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Teknikal Bersama Bagi Kerjasama Bidang Penerangan dan Penyiaran antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand berlangsung di Centrepoint, Gadong.

Sementara itu, dalam bidang penyiaran, kedua-dua belah pihak bersetuju untuk mengadakan aneka pertunjukan muzikal kali pertama diadakan pada tahun hadapan yang akan ditonton secara langsung



YANG Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan menyaksikan beraneka jenis jualan buah-buahan sempena pembukaan rasmi Pasar Tani Serbaguna dan Pasar Borong dan Gelanggang Gasing (SATENAGA). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

di kedua-dua buah negara bahkan bersetuju untuk menambahkan program stesen radio berkembar, yang bukan sahaja liputan bagi siaran perayaan sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetapi meliputi siaran lainnya.

Persetujuan juga telah dicapai untuk bekerjasama dalam liputan sukan terutama sekali bagi Sukan SEA yang akan datang dan usaha sama dalam bidang latihan yang dikendalikan oleh Negara Brunei Darussalam dalam menerima pegawai-pegawai Kerajaan Thailand.

Dato Paduka Haji Hazair menambah, mesyuarat itu telah memperkukuhkan kerjasama di bidang penerangan dan penyiaran selepas perundingan dan perbincangan yang teratur dijalankan dalam suasana yang mesra.

Manakala kejayaan

Belia diseru bergiat di bidang perniagaan

Oleh Siti Aishah HS

akan menambahkan lagi bilangan 'entrepreneur' atau ahli-ahli peniaga tempatan, di samping dapat meningkatkan lagi taraf hidup dan pendapatan masing-masing tanpa bersandarkan semata-mata kepada pihak kerajaan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Pasar Tani Serbaguna dan Pasar Borong dan Gelanggang Gasing (SATE-NAGA) bertempat di Kampong Selayun, Sengkuring di sini.

Tambah Dato Paduka, banyak kegiatan pereko-

nomian dan perusahaan yang dapat diterokai dan dimajukan hasil produk-produk tempatan di kampung itu serta persekitarannya yang terkenal dari dulu lagi sebagai pengeluar buah-buahan tempatan.

Begitu juga dengan hasil-hasil kerja tangan seperti bakul, tekiding, pemarang, candung dan bermacam-macam jenis gasing yang boleh dijadikan sebagai produk kraf tangan unik dan boleh dijadikan sebagai cenderahati.

Yang Mulia percaya, jika barang sedemikian dihasilkan dengan lebih kreatif dalam bentuk, saiz yang menarik dan berseesuaian, ia boleh dijadikan sebagai hasil pendapatan yang bersifat komersial dan menguntungkan.

Beliau juga berharap agar perekonomian ahli-ahli SATENAGA dapat dikukuhkan lagi sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, yang ingin melihat setiap rakyat dan penduduk berdaya maju dan berdaya.

Bagi memberkati majlis, bacaan doa selamat dibacakan oleh Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmood diselenggarakan dengan acara menanam pokok oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Projek Pasar Tani Serbaguna itu adalah cawangan keenam dari pelbagai projek Koperasi Syarikat Kerjasama Kampong Tanjong Nangka Dengan Tanggungan Berhad iaitu stesen menjual minyak, bas sekolah, perkhidmatan bas awam, ternakan ayam, tanker dan harta benda milik SATENAGA.

Pasar Tani berkenaan juga merupakan sebuah pasar yang lengkap menjual secara runcit dan borong seperti sayur-sayuran, buah-buahan termasuk pasar basah menjual ikan, ayam pedaging, daging segar dan lain-lain keperluan harian di samping barang-barang lama dan antik.

mesyuarat itu juga bukan sahaja merupakan manifestasi keikhlasan semangat dan komitmen serta keazaman kedua-dua buah negara dalam meningkatkan skop kerjasama dalam bidang penerangan dan penyiaran bahkan juga merupakan langkah permulaan untuk mengukuhkan ikatan perhubungan, persefahaman dan jalinan mesra di antara kerajaan dan rakyat kedua-dua buah negara.

Terdahulu Dato Paduka

dan Tuan Yang Terutama Police Major Profesor Dr. Yongyuth Sarasombath telah menandatangani Surat Penghantaran Laporan Mesyuarat (Signing Letter of Transmittal) Jawatankuasa Teknikal tersebut.

Di majlis itu, Dato Paduka berkata kesemua perkara-perkara yang dipersetujui secara komprehensif itu akan dapat digunakan sebagai asas meluaskan lagi perhubungan di masa hadapan.

Hadir di majlis tersebut

ialah Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail bin Pengiran Haji Mohammad; Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan pegawai-pegawai kanan Negara Brunei Darussalam, sementara perwakilan Thailand diketuai oleh Tuan Yang Terutama Police Major Profesor Dr. Yongyuth Sarasombath, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Thailand bersama ahli rombongan mesyuarat.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Tuan Yang Terutama Police Major Profesor Dr. Yongyuth Sarasombath menandatangani Surat Penghantaran Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Hidup bermuafakat membawa berkat

MUAFAKAT sememangnya membawa berkat bak kata pepatah 'bulat air kerana pembentuk, bulat manusia kerana muafakat'. Perumpamaan itu begitu sinonim dan sering disebut oleh masyarakat Melayu. Ia menjadi perangsang dan anjuran untuk sentiasa hidup bermuafakat, tolong-menolong dan bantu-membantu sesama keluarga, jiran dan masyarakat umum.

Memang diakui bahawa hidup bermuafakat menjadi amalan orang-orang Brunei sejak turun-temurun dan biasa disebut 'berunding atau bermuafakat' untuk mencari kesepakatan mengenai sesuatu perkara atau menyelesaikan sebarang masalah. Dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau projek pula masyarakat kita sering menggunakan istilah 'memucang-mucang' yang sehingga kini masih lagi menjadi cara hidup sebahagian besar masyarakat kita.

Amalan bermuafakat

dan tolong-menolong menjurus kepada 'yang berat sama dipikul dan yang ringan sama dijinjing'. Setentunya kerja yang berat menjadi ringan, perkara yang susah menjadi mudah dengan bantuan dan pertolongan dari orang ramai berbanding melakukannya secara persendirian.

Satu perkara lagi dalam menyelesaikan sesuatu masalah atau kekusutan, kita perlu bermuafakat untuk mendapatkan pendapat dan pandangan dari orang lain kerana dengan adanya percampuran pemikiran itu kita akan dapat memecahkan kebuntuan tersebut dan mencari keputusan yang bijak.

Dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan atau projek pula setentunya kerja-kerja tersebut akan menjadi mudah, cepat disiapkan dan sempurna pembuatannya. Contoh mudah yang boleh kita lihat ialah dalam melaksanakan kempen member-

kawasan persekitaran atau membina jambatan dan sebagainya. Kerja-kerja tersebut dapat disiapkan dalam tempoh beberapa jam sahaja kerana dilakukan secara beramai-ramai.

Dalam konteks kehidupan berbangsa dan bernegara pula amalan bermuafakat ini adalah sangat penting dalam usaha mengekalkan perpaduan, keamanan, kesejahteraan dan kemajuan bangsa dan negara. Amalan tersebut juga merupakan sebahagian dari semangat patriotisme yang harus dimiliki oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Telah terbukti melalui permuafakatan kita mampu mengangkat acara-acara kenegaraan yang berprestij dan taraf antarabangsa dengan cemerlang. Contoh yang sangat membanggakan ialah kejayaan negara mengendalikan Sukan SEA, Sidang Kenuncak Ketua Negara APEC, Sidang Kemuncak ASEAN dan banyak lagi.

Negara kita juga dapat

mengungkapkan acara-acara kebangsaan dengan jayanya seperti sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, acara-acara keagamaan, adat beristiadat dan acara-acara keraian yang lain.

Selain itu amalan bermuafakat ini juga dianjurkan dalam ajaran agama Islam dengan mengajak umat Islam agar sentiasa membantu di antara se-

sama ummah malah sesama jiran tetangga dan masyarakat umum tanpa mengira bangsa dan agama.

Rakyat dan penduduk negara ini haruslah mengekalkan semangat bermuafakat tanpa mengira kaum dan agama untuk menjadikan negara ini bertambah aman, makmur, harmoni, maju dan mampu bersaing di segenap bidang dalam era globalisasi.

Ke arah itu para pemimpin masyarakat, ibu bapa, persatuan-persatuan,

Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing

SUASANA hidup yang harmoni dan ceria merupakan idaman setiap keluarga dan masyarakat. Hidup yang penuh dengan permuafakatan dan perpaduan sudah setentunya dapat menjana usaha ke arah mewujudkan kebahagiaan, keselamatan dan kesejahteraan. Namun semua itu tidak akan menjadi kenyataan tanpa adanya usaha, kesedaran peranan dan tanggungjawab serta pengorbanan selain doa untuk mewujudkannya.

Hidup bermuafakat pastinya membawa berkat kerana adanya rasa tanggungjawab dan sumbangan yang perlu dihulurkan. Peribahasa berat sama dipikul, ringan sama dijinjing sendiri menggambarkan saranan yang baik dan

berkebakikan untuk dapat diterapkan dalam kehidupan. Ini dapat dilihat dan dirasakan sekiranya aspek-aspek jalinan perhubungan yang akrab, mesra dan penuh kasih sayang tumbuh dan bersemi di kalangan ahli keluarga dan masyarakat.

Sumbangan-sumbangan dalam bentuk tenaga, kebendaan dan pengorbanan akan mudah diperolehi dan akan menjadi amalan hidup yang perlu dilaksanakan. Dan semua ini dapat dilaksanakan melalui pendekatan yang tertentu dan mendapat keberhasilan. Keikhlasan melaksanakannya berasaskan kepada ajaran agama Islam yang suci pastinya menghasilkan kenikmatan dan keberkatan yang dicari.

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hidup Bermuafakat Membawa Berkat'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

pihak swasta dan orang ramai umumnya hendaklah menanamkan amalan bermuafakat ini kepada anak-anak dan generasi muda supaya ia akan terus dikekalkan di masa hadapan. Dalam hal ini kita seharusnya menjadi 'role model' dan contoh

terbaik kepada golongan remaja di negara ini.

Asma Atiyah binti Haji Sani,
No. 12 Simpang 378/50,
Jalan Putat, Kampong Putat, BJ 1324.
No. k/p: 00-320861

Dalam suasana hidup berjiran dan bermasyarakat, hidup bermuafakat akan membawa berkat kerana adanya semangat kekeluargaan, persaudaraan dan persahabatan serta perpaduan. Dengan adanya permuafakatan akan melahirkan persefahaman dan semangat bertolong bantu, berpemudulan dan hormat-menghormati sesama ahli masyarakat. Pandangan dan nasihat juga akan mudah diperolehi, dinilai dan diterapkan untuk pelaksanaan pelbagai rancangan, aktiviti dan keputusan yang hendak diambil.

Hidup bermuafakat akan membawa berkat kerana setiap pihak memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Hasil-hasil dari perundingan mengenai aspek-aspek sosial dan ekonomi yang berlaku dalam masyarakat akan dapat ditangani mengikut pendekatan tertentu, selain bagi keperluan dan kepentingan bersama. Di samping itu pelbagai adat budaya dan pegangan serta perbezaan status dalam masyarakat dapat difahami dan disepadukan. Keamanan dan keselamatan akan dapat dicapai kerana semua ahli masyarakat menghargai dan menghormati tata-susila masing-masing yang perlu bersatu padu dan bermuafakat.

Adanya keberkatan hasil permuafakatan adalah juga kerana pelaksanaan sesuatu aktiviti dan usaha dilaksanakan dengan baik, teratur dan sempurna dan bukannya bagi tujuan dan kepentingan persendirian. Peranan Majlis Perundingan Mukim dan Kampong yang turut menjaga keselamatan, keamanan dan kesejahteraan adalah contoh terbaik bentuk kesejahteraan adalah contoh terbaik membentuk kesejahteraan dan keberkatan yang akan dinikmati ber-

Abdul Wahab bin Haji Abdullah,
No. 21 G, Kampong Burong Pingai Ayer, BM 1126.
No. k/p: 00-058132

Amalkan semangat muafakat tanpa mengira bangsa, agama

DALAM kehidupan seharian ini, kita tidak dapat mengelakkan diri dari berhadapan dengan masyarakat sekeliling. Oleh yang demikian, kita perlu mengamalkan cara hidup bermuafakat dan bermasyarakat atau dalam kata lain bersatu padu dalam kehidupan kita seharian.

Apa yang dimaksudkan dengan bermuafakat ialah bergabung dan bersatu padu atau bersatu hati. Hati yang baik mudah untuk bersatu, manakala hati yang keji akan mencetuskan perpecahan. Amalan hidup bermuafakat ini sangat penting diwujudkan untuk melahirkan masyarakat yang kuat dan mantap. Dalam pada itu ianya juga akan dapat membentuk satu kesatuan, kerjasama, bertolong bantu di peringkat pembangunan negara dan untuk kemaslahatan umat sejagat. Seterusnya akan lahir masyarakat yang penyayang dan pemedulian.

Perpaduan hanya akan terbentuk dengan jayanya

jika semua pihak atau masyarakat bekerjasama serta memberi komitmen yang bersungguh-sungguh supaya cita-cita agar kemakmuran sejagat dapat dinikmati bersama. Pennyertaannya tidak hanya terbatas di kalangan umat Islam sahaja bahkan juga di kalangan umat bukan Islam.

Pada hakikatnya kita boleh bersatu padu dengan tidak mengira apa bangsa sekalipun, warna kulit, keturunan, pangkat mahupun agama. Ini kerana konsep Islam itu sendiri yang menyarankan kita cara bertolak ansur, saling hormat-menghormati dan saling bantu-membantu sesama kita.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hujuraat ayat 13 yang tafsirnya:

"Wahai umat manusia sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu pelbagai bangsa dan suku puak supaya kamu berkenalan-kenalan (beramah mesra antara satu dengan yang lain)."

Boleh kita katakan bahawa sesungguhnya perbezaan agama sesuatu umat dengan umat yang lain bukanlah penghalang untuk kita bersatu padu. Perpaduan bukan hanya dikhususkan untuk kita umat Islam sahaja bahkan untuk semua. Kerana itu untuk mencapai perpaduan sejagat maka Islam tidak memaksa umat lain untuk memilih Islam sebagai pegangan.

Dalam pada itu amalan hidup bersatu padu atau bermuafakat ini boleh membawa berkat dalam kehidupan kita seharian supaya saling hormat-menghormati sesama insan, tolong-menolong dan dapat melahirkan kehidupan yang harmoni. Amalan sebegini perlu diteruskan bagi mewujudkan sebuah negara yang aman dan damai perkara yang boleh mengganggu-gugat kestabilan negara.

Salbiah binti Awang Ahmad,
No. 662, Simpang 660,
Kampong Lumapas 'B', BJ 3524.
No. k/p: 00-286748

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Memajukan Industri Kampung'. Tarikh tutup 21 Ogos 2003.
2. 'Hormati Jiran Tetangga'. Tarikh tutup 28 Ogos 2003.
3. 'Berikan Perhatian Terhadap Kepentingan Kanak-kanak'. Tarikh tutup 4 September 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada:

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

REMAJA

Kemajuan atau kemunduran

OLEH H. A. MANAP

SEMASA Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasan Peringkat Kebangsaan yang baru lalu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bertitah mengingatkan kepada kita semua supaya tidak akan mudah terkeliru mengenai erti kemajuan, tamadun perubahan dan kemunduran. Titah baginda ini amat berharga untuk kita renungkan bersama, sehubungan dengan serbuan yang dilakukan oleh pihak-pihak berkuasa terhadap beberapa tempat yang mengadakan hiburan-hiburan yang boleh mewujudkan gejala sosial yang sangat berbahaya.

Meskipun keadaan ini kadangkala ia lebih berselututut suasana nyanyian dan hiburan semata akan tetapi kesan dari suasana ini selalunya banyak mengheret kepada perkara-perkara negatif yang boleh mengancam kehidupan sosial masyarakat. Justeru belia remaja akan merupakan kelompok yang lebih banyak bilangannya menjawai suasana sedemikian. Kita perlu melihat perkara-perkara keseronokan yang dianggap sebagai kemajuan atau perubahan ini adalah merupakan selutut kemunduran. Faktor ini selalunya bertembung dalam suasana gelombang kemajuan dan arus yang melanda semakin rancak mewarnai sesebuah masyarakat. Memang kita tidak dapat lari dari pengaruh sedemikian ini dan fahaman salah terhadap pengertian kemajuan selalunya dikaitkan dengan kemunduran apabila sosio masyarakat itu menjurus kepada pencemaran yang negatif. Gejala-gejala hiburan haram, tidak pernah mendatangkan keberuntungan. Namun tarikannya terlalu mengasyikkan hinggalah merupakan salah satu punca berlaku peningkatan masalah sosial belia remaja dalam sesebuah masyarakat.

Keprihatinan raja dan pemimpin yang kita

kasihi ternyata begitu mendalam apabila baginda sendiri tidak pernah lalai dalam memisi-misi pergolakan sosial sekeliling kita. Pengamatan baginda sepatutnya kita jadikan sebagai pengajaran dan tanggungjawab yang perlu kita tanai dalam sama-sama membina kehidupan dan suasananya yang lebih baik dan berguna. Kita perlu belajar menilai terutama sekali bagi belia remaja sekalian mengenai risiko dan natijah dari keterlibatan kita terhadap gejala sedemikian. Kelalaian kita dalam memeduli dan menyantuni hal-hal sedemikian ini bukan sahaja akan menjadikan kita sebagai anggota masyarakat yang rugi akan tetapi lebih jauh dari itu kita akan menjadi masyarakat yang gagal dalam melahirkan generasi penyambung yang berkualiti tinggi. Tidak ada siapa yang dapat menidakkan betapa pentingnya kualiti masyarakat itu kita wujudkan dalam suasana keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran negara yang dikurniakan Allah ini kita lalui.

Kesempatan yang baik dalam keadaan yang sangat mudah ini sudah tentu tidak akan dapat kita lalui jikalau kita yang tidak mahu menggunakannya. Segala nikmat yang dikurniakan Allah kepada kita semua di negara ini, dalam menikmati keseronokan, kemakmuran, keamanan dan banyak lagi mungkin akan hilang perlahan-lahan jika kita warnai dengan gejala sosial yang ada tidak dibanteras. Banyak mungkin beranggapan ia hanyalah merupakan hiburan ringan kalau setakat berkaraok dan seumpamanya. Bukankah perkara sedemikian ini jika bergabung dengan kesempatan bergaul ramai dengan pelbagai kebebasan akan berubah menjadi suatu hiburan yang menjurus kepada perbuatan mak-

Perasaan agresif dan kemahuan yang lebih akan sentiasa bergelora dengan keadaan yang dianggap menyeronokkan. Bermula dari sini akan wujudlah pembawaan salah yang justeru membuahkan perkara-perkara yang menjadi larangan dan tegahan agama. Selalunya kelalai banyak berlaku dalam kealpaan dengan pelbagai keseronokan. Kealpaan ini pula selalu diseliputi oleh keindahan-keindahan tingkah laku

dalam pergaulan yang merosakkan diri dan pengunjunnya. Barangkali belum terlambat untuk kita semua apatah lagi di kalangan belia remaja untuk menilai semula terhadap kesan-kesan negatif dari kemelut ini. Kita perlu belajar mewujudkan rasa lebih bertanggungjawab terhadap agama, bangsa dan negara.

Kita tidak perlu jadi 'pak turut' terhadap keseronokan yang merosakkan dan memusnahkan kehidupan. Kita tidak perlu membiarkan suasana yang ada ini menjadi karat yang akan menjerumuskan diri dan masyarakat kita kepada suatu perubahan sosial yang tidak menguntungkan. Di saat-saat pihak berkuasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab membasmi gejala sedemikian ini, kita sepatutnya bersama-sama berperanan untuk menghentikan sekali gus menghapuskan kecenderungan supaya ia bukan onar dalam masyarakat kita. Tidak ada orang yang akan membantu kita dalam menyelamatkan keadaan sosio masyarakat jika kita sendiri tidak mahu berperanan menjadi benteng dan utap untuk mencegahnya.

Semoga keprihatinan raja yang kita kasihi yang sentiasa mengingatkan kita mengenai ancaman sosial terhadap gejala hiburan yang merugikan ini akan terus menjadi pemangkin untuk belia remaja mengukuhkan kehidupan beragama dan bernegara yang berasaskan kepada keredaan Allah dengan lebih kukuh lagi. Belia remaja yang memiliki nilai-nilai diri yang sensitif terhadap perubahan sosial negatif akan dapat membantu merealisasikan niat baik dan aspirasi baginda. Sama-sama kita tanai titah baginda dan berperanan dengan lebih bertanggungjawab mewujudkan suasana kehidupan yang aman, makmur dan diredai Allah dan menjauhi perbuatan gejala sosial yang merosakkan kehidupan di bumi tercinta Brunei Darussalam ini.



KETIBAAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Police Major Profesor Dr. Yongyuth Sarasombath dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan pegawai-pegawai kanan Jabatan Penerangan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



Thailand kagum inisiatif Jabatan Penerangan

Oleh Siti Aishah HS

BERAKAS, 7 Ogos. - Thailand begitu kagum dengan inisiatif yang diungkapkan oleh Jabatan Penerangan dalam mengadakan Hari Penerangan dan Pertunjukan Pentarama dalam usahanya menyebarkan maklumat dan mendidik masyarakat di negara ini.

Perkara itu dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri

Thailand, Tuan Yang Terutama Police Major Profesor Dr. Yongyuth Sarasombath semasa lawatan Tuan Yang Terutama bersama rombongan ke Jabatan Penerangan di sini.

Tuan Yang Terutama menambah, beliau merasa kagum dengan keindahan Negara Brunei Darussalam dan memandangnya sebagai tempat penyalur mak-

lumat kepada negara serantau.

Sementara itu, Tuan Yang Terutama juga berhasrat akan dapat bertukar maklumat di bidang penerangan dan penyiaran melalui perhubungan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

Ketibaan Tuan Yang Terutama dan rombongan petang ini dialu-alukan oleh Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut dan pegawai-pegawai kanan jabatan berkenaan.

Sejurus selepas itu, rombongan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Thailand diberi maklumat mengenai struktur, visi, misi dan matlamat Jabatan Penerangan yang disampaikan oleh Pengarah Penerangan.

Rombongan juga berkesempatan melawat ke Bahagian Fotografi dan Pameran Jubli Emas Jabatan Penerangan.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri Thailand beserta rombongan berada di negara ini bagi menghadiri Mesyuarat Kedua Jawatankuasa Teknikal Bersama Bagi Kerjasama Bidang Penerangan dan Penyiaran di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan Thailand.



PEMANGKU Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Hairani ketika berucap merasmikan Peraduan Membaca Rawi dan Dikir Syarafil Anam Sekolah-sekolah Agama, Arab dan Rintis Peringkat Akhir Negara 2003. Majlis berlangsung di Sekolah Ugama Beribi. - Gambar oleh Hamadi HM.

Pembacaan Rawi dan Dikir perlu dikembangkan

GADONG, 11 Ogos. - Pemangku Ketua Pengarah Pendidikan, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Hairani berkata, pembacaan Rawi dan Dikir Syarafil Anam boleh dikembangkan dari peringkat awal kanak-kanak yang dimulakan dengan menuhkan Kumpulan-kumpulan Membaca Rawi dan Dikir di sekolah-sekolah.

Pelajar-pelajar yang masih di bangku sekolah memang diajar membaca Rawi dan Dikir Syarafil Anam dengan harapan bahawa ilmu yang diperolehi akan dapat dimanfaatkan bukan saja untuk diri mereka tetapi juga untuk masyarakat.

"Apabila mereka sudah dapat membaca, mem-

Oleh Abdullah Asgar

bawakan serta dapat pula mengajarkan kepada orang lain, pembacaan Rawi dan Dikir Syarafil Anam akan dapat dilestarikan agar akan kekal menjadi satu budaya dalam masyarakat Islam di negara ini," ujarnya.

Tambahnya, sebagai satu langkah untuk menepatkan budaya ini secara meluas kepada masyarakat ialah melalui penubuhan Kumpulan Rawi dan Dikir di sekolah-sekolah.

Beliau berucap demikian di Majlis Peraduan Membaca Rawi dan Dikir Syarafil Anam Sekolah-

sekolah Agama, Arab dan Rintis Peringkat Akhir Negara 2003 di Sekolah Ugama Beribi di sini.

Menurutnya, dengan bilangan yang mencukupi, kumpulan-kumpulan tersebut akan dapat memberikan perkhidmatan membaca Rawi dan Dikir dalam majlis-majlis tertentu yang diadakan di peringkat kampung, mukim atau oleh persatuan-persatuan belia.

"Selain mendapat ganjaran pahala dalam membacakan cerita-cerita atau peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan kehidupan dan perjuangan junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, umat Islam akan dapat mengambil iktibar daripada ayat-ayat dan

menikmati lagu-lagu yang disampaikan sebagai halwa telinga dan santapan rohani," katanya.

Menurutnya, peraduan seumpama itu akan dapat melatih para pelajar untuk mengamalkan budaya membaca Rawi dan ber-dikir supaya akan sentiasa memuji keagungan Allah serta memuliakan Allah dan Rasul-Nya sambil mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah.

"Melalui program asuhan dan bimbingan bakat yang terancang dan teratur yang disediakan oleh pihak sekolah, saya percaya sekolah-sekolah akan berjaya menampilkan dan mengetengahkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar berbakat dalam bidang-bidang tertentu yang mampu men-

capai tahap cemerlang," tambahnya.

Johan Peraduan Dikir Syarafil Anam ialah Sekolah Ugama Pengiran Bendahara Lama; kedua, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain dan ketiga, Sekolah Ugama Tungku.

Sementara johan bagi Peraduan Membaca Rawi ialah Sekolah Ugama Persediaan Arab Temburong; kedua, Sekolah Utama Telisai, Tutong dan ketiga, Sekolah Menengah Serasa.

Sebanyak tujuh pasukan menyertai Peraduan Dikir Syarafil Anam dan tujuh pasukan Peraduan Membaca Rawi anjuran Bahagian Rohani Jabatan Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan.

Kerajaan sedaya upaya ungkayahkan setiap perkhidmatan mengikut peruntukan



WAKIL agensi kerajaan di Majlis Taklimat Jabatan-jabatan Kerajaan dengan Penghulu dan Ketua Kampung Daerah Tutong.

TUTONG. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengadakan Taklimat Jabatan-jabatan Kerajaan di daerah-daerah untuk memudahkan penduduk-penduduk setempat mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan.

Malah usaha perkhidmatan di Daerah Tutong itu juga untuk membangun bersama masyarakat di mana para Penghulu dan Ketua Kampung adalah dihasratkan sebagai mata dan lidah orang ramai kepada kerajaan.

Perkara itu dijelaskan Pegawai Daerah Tutong, Awang Hepnie bin OKPSD Abang Haji Abu Hanafiah di Majlis Taklimat Jabatan-jabatan Kerajaan dengan Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong di Dewan Kemasyarakatan Tutong, pada 9 Ogos lalu.

Beliau berkata perjumpaan tersebut dihasratkan untuk menerapkan pengetahuan kepada Penghulu dan Ketua Kampung di samping bagi membincangkan masalah-masalah orang ramai untuk sama-sama ditangani oleh pihak kerajaan.

"Kita perlu memahami bahawa kehendak-kehendak orang ramai itu banyak, bagaimanapun kemampuan kerajaan untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan adalah terhad dan bergantung kepada peruntukan-peruntukan," ujarnya.

Bagaimanapun, beliau menjelaskan pihak kerajaan melalui keseluruhan agensi kerajaan akan cuba sedaya upaya untuk mengungkaykannya mengikut peruntukan, tatacara dan peraturan yang telah digariskan.

Beliau berharap taklimat yang diberikan oleh agensi kerajaan yang terlibat akan memberikan ruang pengetahuan mengenai perkhidmatan yang

berikan, malah cara atau kaedah untuk menyalurkan perkhidmatan mereka.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya, Haji Abdul Rashid bin Abdul Rahman dalam taklimatnya menjelaskan beberapa perkembangan infrastruktur dan keperluan asasi Daerah Tutong.

Menurutnya, Jabatan Kerja Raya (JKR) aktif memainkan peranan dan sumbangan dalam memperbaiki kualiti kehidupan rakyat dan alam sekitar di daerah itu seperti merancang projek jalan raya seterusnya memelihara infrastruktur rangkaian jalan raya di seluruh negara.

Dalam memantapkan rangkaian dan mutu keselamatan dan keselesaan, beberapa projek sedang rancang dan akan dilaksanakan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 dalam peruntukan-peruntukan jabatan.

Projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 termasuklah pembaikan Jalan Tutong - Telisai yang sedang berjalan dan akan siap digunakan pada awal tahun depan dengan menelan belanja hampir \$2.8 juta.

Pembinaan jambatan melintasi Sungai Tutong yang berharga lebih \$14 juta kini hampir 65 peratus siap sementara pembinaan jalan Lamunin - Rambai yang menelan belanja kira-kira \$11 juta akan dapat digunakan pada tahun depan.

Dalam mengambil kira peranan saliran dan pembentungan, JKR juga giat berusaha memperbaiki sistem saliran di jalan Kampung Lamunin mengikut fasa manakala kerja-kerja memasang tembok laut di Pantai Sengkarai terus giat dilaksanakan.

Sementara itu projek perlaksanaan muatan loji penapisan air di Bukit Barun yang menelan \$1.8 juta akan berakhir tahun depan manakala pembejalan air ke pedalaman di Mukim Rambai sedang

berjalan dengan rancang dan akan dilaksanakan penghujung tahun ini.

JKR juga memberi perhatian bagi menyediakan satu projek membekal dan memasang paip besi di sepanjang jalan Batang Mitus bagi memberi tekanan air.

Ketika JKR berusaha menangani masalah atau kerumitan orang ramai dengan seberapa segera, Timbalan Ketua Pengarah JKR juga memohon agar orang ramai bersifat sabar dan positif di samping meminta mereka supaya berhati-hati apabila melintasi kawasan-kawasan yang terjejas oleh proses pembinaan.

Beliau juga berharap agar Penghulu dan Ketua Kampung sama-sama mematai dan menjaga aset-aset kerajaan seperti papan tanda, bangunan-bangunan serta kemudahan asas yang lain yang telah disediakan dari dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Juruukur Agung, Pengiran Haji Metussin bin Pengiran Haji Metasan berkata Jabatan Ukur telah menjalankan kewajipannya bagi menyahut kehendak negara dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan pengukuran tanah, penyediaan dan pengeluaran peta-peta dan secara konsisten mengemas kini Teknologi Maklumat Tanah ke arah kemajuan negara dan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara.

Bahagian Pemetaan Jabatan Ukur dengan giatnya menuju kepada hasratnya bagi penyediaan dan pengeluaran peta-peta rupabumi (topografi) yang berterusan pada skala 1:10,000 dan 1:50,000 meliputi seluruh Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, Jabatan Ukur juga menyediakan dan mengemaskinikan peta-peta rupabumi (topografi) pada skala 1:1,000 dan 1:2,500 yang meliputi kawasan-kawasan mem-

bangun, menghasilkan dan memelihara pengkalan data (database) digital rupabumi serta mengemaskinikan peta-peta rupabumi pada skala sederhana dan menjayakan projek-projek dengan menggunakan cara penderiaan jauh serta mengasas penomboran rumah-rumah yang bersistem dan teratur.

Sementara itu, perkembangan maritim di daerah itu juga turut disentuh oleh pengarah Perikanan, Pengiran Dato Paduka Sarifuddin yang menjelaskan fungsi jabatan bagi mendukung hasrat negara dari bergantung kepada minyak dan gas dan sumber perikanan secara berterusan.

Katanya, misi jabatan itu ialah untuk merealisasikan penghasilan perikanan ke tahap ekonomi yang maksima secara berterusan di samping mempunyai wawasan bagi mencapai usaha tangkapan kepada penghasilan ekonomi di mana kawasan-kawasan perusahaan perikanan akan dibina sepenuhnya secara optima sehingga menjadikan pasaran perikanan akan lebih kompetitif.

"Langkah itu sudah

tentu bakal menyumbang industri perikanan kepada keluaran dalam negeri kasar (GDP) bagaimanapun sejauh ini Jabatan Perikanan hanya mencaipai 67 juta daripada 200 juta yang disasarkan," jelasnya.

Katanya, Jabatan Perikanan mempunyai tugas yang besar untuk mengemajorkan sasaran berkenaan. Bagaimanapun hasil perikanan telah meningkat dari tahun ke setahun dan akan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa.

Beliau juga menjelaskan kawasan penangkapan ikan di Negara Brunei Darussalam sehingga 200 batu ke luar pantai dan secara pentadbiran telah dibahagikan kepada empat zon yang tergantung kepada saiz dan kuasa enjin kapal-kapal perikanan yang diusahakan.

Bagi Daerah Tutong, terdapat seramai 147 orang nelayan yang berdaftar. Bagaimanapun Jabatan Perikanan terus mengingatkan kepada semua pengusaha atau nelayan perlu mempunyai lesen mengikut undang-undang perikanan.

Menyentuh potensi maritim di daerah itu, beliau menjelaskan kawasan akuakultur di Daerah Tutong tertumpu kepada kawasan Telisai dan Tunggulian dan daerah itu merupakan kawasan yang paling besar mempunyai ternakan udang sekali gus pengeluaran utama penghasilan udang di negara ini.

Jabatan Perikanan juga menyediakan kemudahan

Berita dan gambar-gambar oleh Samle Haji Jait

tempat penurunan perahu di Kuala Tutong dan Kampong Danau dalam memberi kemudahan kepada nelayan untuk ke laut dalam keadaan selamat dan selesa.

Dalam usaha untuk memajukan dan memberi perhatian kepada nelayan secara kecil-kecilan, jabatan itu juga mengadakan takat-takat tiruan di sepanjang perairan Daerah Tutong dan fasa pertama sudah hampir selesai sementara fasa seterusnya akan diusahakan nanti.

Sebanyak 16 agensi kerajaan yang berkaitan telah hadir menyampaikan taklimat mengenai peranan dan fungsi masing-masing di samping menjawab persoalan yang ditimbulkan oleh para Penghulu dan Ketua Kampung yang hadir.

Majlis pertemuan itu dilihat menjadi batu loncatan kepada satu usaha ke arah kesepakatan di antara pihak kerajaan dan masyarakat dalam sama-sama membangun dan memajukan daerah berkenaan.



SEBAHAGIAN Penghulu dan Ketua Kampung yang menghadiri Majlis Taklimat tersebut (atas dan bawah).



Persidangan Antarabangsa ASEAN - EC bincang ICT

GADONG, 2 Ogos. - Persidangan Antarabangsa ASEAN-EC yang akan diadakan pada 7 hingga 9 Oktober depan akan membangkitkan isu-isu mengenai teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), E-Kerajaan, pembangunan sumber tenaga manusia dan perusahaan kecil dan sederhana (SME).

Oleh Aliddin HM

Persidangan antarabangsa itu akan menarik lebih 300 peserta tempatan dan delegasi asing.

Sehubungan dengan itu, Majlis Jerayawara pertama dari persidangan tersebut diadakan di Pusat

Pengurusan ASEAN-EC di sini.

Lebih 100 pegawai dari pelbagai sektor kerajaan menghadiri Majlis Jerayawara dalam usaha mempromosikan Persidangan Antarabangsa ASEAN-EC itu.

Jerayawara dianjurkan oleh Jawatankuasa Persidangan Strategi Pemasaran Agresif bagi mewujudkan kesedaran dan pada masa yang sama menarik penyertaan para pegawai kerajaan.

Dalam ucapan alu-aluan Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin menggariskan pentingnya kerajaan iaitu sektor awam tampil meningkatkan ekonomi negara kepada E-Ekonomi.

Inisiatif E-Kerajaan katanya, perlu selaras dengan pencapaian teknologi yang berterusan bagi mencapai keberkesanan dari arus peningkatan yang cepat dalam impak dan keutamaan E-Eropah 2002

pentadbiran am sering dikongkong oleh cara tradisi dalam bekerja yang perlu diubah untuk mendapatkan keuntungan dari teknologi.

Lebih banyak jerayawara dijadualkan berlangsung pada minggu-minggu seterusnya yang menumpukan sasaran kepada sektor swasta, institusi-institusi pendidikan dan para penyiarah serta pelajar Universiti Brunei Darussalam dan Institut Teknologi Brunei.

Ahli jawatankuasa penganjur akan bertolak ke Manila, Republik Singapura, Thailand, Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching bagi jerayawara antarabangsa pada minggu-minggu akan datang bagi mempromosikan persidangan tersebut dan menarik penyertaan delegasi asing.

Sebelum ini, pusat berkenaan telah menandatangani perjanjian penajaan bersama beberapa buah syarikat dan perbankan di negara ini.



SEORANG pegawai dari sektor kerajaan mengemukakan soalan di Majlis Jerayawara Persidangan Antarabangsa ASEAN-EC. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abd. Ghani Pg. Hj. Metusin (tengah) ketika memberikan ucapan alu-aluan di Majlis Jerayawara mempromosikan Persidangan Antarabangsa ASEAN-EC. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Buat perbandingan mutu karya penulisan

Oleh Hj. Ahmad HS

BERAKAS, 6 Ogos. - Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Awang Haji Abdul Hakim mengingatkan para penulis tanah air agar memanfaatkan hadiah kreatif Bahana sebagai sejauh mana mutu karya yang berjaya berbanding dengan karya terpilih tahun lalu dan karya penulis luar negeri yang ditulis dalam bahasa Melayu.

Dalam hubungan itu tambahnya, kita tidak semestinya bergantung semata-mata kepada laporan

panel hakim, malahan kita perlu membaca hasil karya yang berkenaan untuk membuat kesimpulan persendirian secara objektif dan tepat.

"Bagi mempermudah penelaah, Dewan Bahasa dan Pustaka merancang untuk menerbitkan karya yang berjaya bagi jangka waktu beberapa tahun kebelakangan dalam bentuk antologi bersama," jelasnya ketika merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Kreatif Bahasa 2002 berlangsung di DBP di

sini.

Di majlis itu beliau juga menggariskan aktiviti-aktiviti yang akan diunggakayakan beberapa bulan akan datang oleh DBP antaranya Seminar Pengkajian Manuskrip Lama Melayu, mengumpul penulis dan peminat sastera dalam Pertemuan Sasterawan Brunei Ke-2 dan menyelenggarakan Consal XII iaitu Kongres Pustakawan Asia Tenggara Ke-12.

Tetamu kehormat kemudian melancarkan lama web Bahana iaitu editorbahana@brunei.bn dan dua buah buku baru bertajuk 'Syair Ristaan' hasil tulisan Pengiran Haji Mohd. Noor bin Pengiran Sarbain dan 'Kaca Kota' tulisan Haji Mar.

Beliau juga menyampaikan hadiah kepada para pemenang Kreatif Bahana Lelaki iaitu Awang Haji Lamat bin Haji Jaafar, Awang Haji Kassim bin Haji Omar, Awang Haji Mohammad bin Haji Timbang, Sheikh Mansor bin Sheikh Mohammad, Awang Haji Moksin bin Haji Abdul Kadir, Awang Zakaria bin Haji Mustapa, Awang Haji Mariat bin Haji Abdullah, Pengiran Haji Aji bin Pengiran Haji Mohd. Tahir, Awang Hidar bin Haji Mohammad Zin, Awang Haji Shahri bin Haji Awang dan Awang Nurulhikmah bin Haji Matdin.

Kreatif Bahana Wanita ialah Dayang Latifah binti Haji Latip, Dayang Hajah Sariani binti Haji Ishak, Dayangku Nurul Azimah binti Pengiran Haji Mohd. Abd. Aziz, Dayang Laila Sari binti Haji Bakar dan Pengiran Hajah Sabariah binti Pengiran Haji Tajuddin.

Menyerikan lagi majlis tersebut beberapa deklamasi puisi dipersembahkan oleh penulis dan peminat tanah air.



PENGARAH DBP, Awang Haji Abdul Hakim menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Kreatif Bahana. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Sekolah, maktab diseru berikan pendidikan seimbang

RIMBA, 7 Ogos. - Sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab digesa supaya akan dapat memberikan pendidikan yang seimbang agar para pelajar mempunyai keseimbangan antara perkembangan mental dengan sosial, jasmani dan rohani.

"Para pelajar mempunyai minat dan bakat boleh dimajukan sekiranya ada usaha dilakukan ke arah itu," jelas Penolong Pengarah (Menengah) Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Jamal bin Haji Kahar di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil-sijil Aktiviti Ko-Kurikulum (CCA) kepada penuntut Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) di sini pagi tadi.

Katanya, perancangan pendidikan yang telah disediakan adalah menitikberatkan keperluan negara, merupakan kurikulum yang mencerminkan kehendak sesebuah negara, justeru sekolah berfungsi sebagai sebuah institusi yang menyediakan aktiviti dan pengalaman pengajaran dan pembelajaran.

Beliau menambah aktiviti dan pengalaman itu dilakukan sama ada di dalam atau di luar bilik darjah dan dua konsep yang sentiasa dikaitkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran ialah kurikulum dan ko-kurikulum.

Oleh Samle HJ

"Kurikulum ialah proses pembelajaran dan aktiviti pendidikan yang berlaku dalam bilik darjah seperti mata pelajaran akademik, sementara kurikulum merupakan teras dalam sistem pendidikan yang diamalkan di negara kita," ujarnya.

Beliau juga menjelaskan setiap sekolah dihasratkan supaya menyediakan keperluan khas bagi aktiviti-aktiviti ko-kurikulum yang boleh diceburi oleh para pelajar.

Menurutnya penglibatan itu bertujuan agar bakat setiap pelajar dapat dicungkil dan diasuh serta dipupuk bagi melahirkan para pemain dan atlet untuk kejohanan sekolah-sekolah sama ada di peringkat kebangsaan mahupun ASEAN sekali gus bagi mengasuh bakat kepimpinan di kalangan pelajar.

Di majlis itu, guru-guru dan penuntut-penuntut yang telah terlibat dalam kegiatan-kegiatan CCA sepanjang tahun 2003 telah menerima sijil masing-masing sebagai penghargaan dari sumbangan mereka yang mengharumkan nama maktab berkenaan.

Antara aktiviti CCA yang disertai oleh penuntut berkenaan termasuk Bahasa

gian Akli (Recreational), Jasmani dan Rohani.

Sepanjang tahun ini, MSPSBS telah banyak memperolehi kejayaan dari penyertaan aktiviti ko-kurikulum termasuk menjuarai Pertandingan Prisma anjuran RTB dan di tempat pertama Pertandingan EXPLOMATHS 2003 di samping cemerlang dalam beberapa pertandingan sukan.

Sementara itu, para pelajar maktab juga giat melibatkan diri dalam memberi sumbangan kepada masyarakat seperti mengadakan larian amal, 'toys collections' dan mengumpul 'recycled papers' dan 'cans' yang

merupakan satu projek 'environment awareness' di kalangan warga maktab.

Maktab tersebut juga berbangga dengan kejayaan lima penuntutnya yang menyertai kegiatan di peringkat antarabangsa seperti ASEAN Regional Workshop In HIV/AIDS di Melaka, Malaysia; ASEAN School Ten Pin Bowling di Pulau Pinang; The 4th Korea-ASEAN Future-Oriented Cooperation Project Youth Exchange Programme, SEA-MEO Regional Schools Internet Project dan Titian Minda yang merupakan projek bersama Negara Brunei Darussalam dan Republik Singapura pada 22 - 28 Ogos ini.



PENOLONG Pengarah (Menengah) Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Jamal bin Haji Kahar (kiri sekali) ketika hadir di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil-sijil Aktiviti Ko-Kurikulum (CCA) kepada penuntut MSPSBS. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi ketika menuang simen sebagai memulakan perletakan batu asas. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sebuah lagi sekolah menengah dibina di kawasan Berakas

Oleh
Samle HJ

BERAKAS, 6 Ogos. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah meluluskan bagi pembinaan sebuah sekolah menengah kawasan Berakas melalui Rancangan Kemajuan Negara Ke-7.

Sekolah itu mula dibina pada bulan September tahun lalu dan dijangka siap dalam tempoh 20 bulan dengan menelan belanja lebih 12

juta ringgit.

Majlis Perletakan Batu Asas sekolah menengah itu telah disempurnakan oleh Pemangku Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi di majlis yang berlangsung di tapak sekolah berkenaan, pagi tadi.

Sekolah yang dibina di tapak seluas 4.4 ekar itu direka oleh anak tem-

patan, Awang Haji Roslan, Arkitek Jabatan Perkhidmatan Teknikal, Jabatan Kerja Raya (JKR) semantara Syarikat Galfar Pembinaan dan Perusahaan (B) Sendirian Berhad sebagai

syarikat pemborong.

Antara kemudahan yang terdapat di sekolah menengah baru itu termasuk blok pentadbiran, blok bilik darjah, kantin dan makmal.

Lebih 1,000 penuntut yang akan ditempatkan di sekolah berkenaan akan menikmati suasana pembelajaran yang lebih selesa melalui kondisi bangunan yang menarik dan terkini.



PEMANGKU Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi mendengar taklimat ringkas mengenai konsep dan reka bentuk sekolah berkenaan oleh Arkitek JKR, Awang Roslan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Pelajar IPISHOAS perlu buktikan ketrampilan

TUNGKU, 4 ogos. - Pelajar Institut Pengajian Islam Sultan Haji Omar Ali Saifuddin (IPI-SHOAS) perlu tampil ke hadapan untuk membuktikan bahawa kelulusan kertas tidak seratus peratus menjadi refleksi atau gambaran bahawa seseorang itu hanya mengetahui bidang yang dibayangkan oleh program.

Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Dr. Haji Ismail bin Haji Duraman menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran Sistem Hafiz Al-Quran bagi pelajar-pelajar IPISHOAS berlangsung di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Katanya perkara itu adalah sebagai usaha yang perlu dilakukan untuk memahami masyarakat, mengenai tanggapan bahawa program Pengajian Islam tidak mendapat sambutan positif majikan dan kurang memahami kemampuan pelajar-pelajar yang mengikuti pro-

Oleh
Haji Ahmad HS

gram tersebut.

Menurut beliau pihaknya sebenarnya memberikan perspektif yang lebih luas dan fleksible kepada pelajar, bukan melalui kurikulum yang dirancang tapi lebih dari itu terdapat beberapa program yang tidak tersurat bagi membentuk sahsiah dan ketrampilan pelajar.

"Dalam banyak hal saya nampak pelajar dari Pengajian Islam juga aktif dan banyak berpartisipasi dalam kegiatan non-akademik. Mereka ini sebenarnya lebih dinamik dan mempunyai kelebihan dari segi kebolehan," tegasnya.

Di majlis itu beliau meyakinkan para majikan bahawa dari segi kegigihan, ketaatan dan kemampuan menghasilkan produk mereka (pelajar IPISHOAS) tidak kurang,



DEKAN IPISHOAS, Dr. Awang Haji Sarbini Haji Mohd. Tahir memberikan penerangan mengenai Sistem Hafiz Al-Quran yang melibatkan para penuntut dari tahun I hingga IV. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

mungkin lebih baik kerana mereka ini akan lebih tekun dan beriman serta akan menjadi tenaga kerja yang taat setia dan tidak melakukan sebarang salah laku.

Sebelum mengakhiri ucapan, beliau menasihatkan lepasan institut harus peka dan melihat kepada perkembangan semasa bagi menyediakan diri agar tidak dipandang serong atau tidak relevan, di samping mengetahui

kehendak semasa terutama pasaran buruh yang semakin menghendaki mereka yang berkebolehan dan berketrampilan.

Sistem Hafiz Al-Quran adalah antara lain bertujuan sebagai sistem 'pedagogi pengajaran' khususnya bagi pelajar IPISHOAS, sebagai 'market value' bagi melahirkan pelajar-pelajar yang berkemahiran dalam bidang menghafaz Al-Quran dan sebagai menyahut seruan Kebawah DYMM, di mana baginda pernah bertitah bahawa kita tidak mahu sepuluh tahun akan datang tiba-tiba kedengaran suara bahawa beliau-belia Brunei tidak pandai membaca Al-Quran.

Sistem Hafiz Al-Quran adalah didasarkan kepada semua pelajar IPISHOAS dari tahun I hingga tahun IV kerana berhubung kait dengan Kursus Hifz Al-Quran yang ditawarkan kepada pelajar dan akan dibukakan kepada pelajar-pelajar UBD yang berminat.

Pembantu Makmal berperanan bagi keberkesanan pengajian sains

Oleh
Abdullah Asgar

JALAN MUARA, 9 Ogos. - Pemangku Pengarah Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Pengiran Hajah Mastoli berkata tugas dan peranan Pembantu Makmal di sekolah-sekolah menengah diakui sangat penting bagi perancangan dan keberkesanan pengajaran sains oleh guru-guru sains.

Beliau berkata, kebudayaan etika kerja Pembantu Makmal di sekolah menengah kerajaan di negara ini perlu dipertingkatkan, sebagai contoh setiap Pembantu Makmal sentiasa bersiaga apabila praktikal amali sains akan diadakan di mana pemakaian baju dan kaca mata keselamatan diwajibkan.

"Dengan membudayakan usaha tersebut ia boleh meningkatkan lagi tahap keselamatan pembelajaran sains. Ia juga sebagai salah satu usaha bagi menjadikan makmal sains sebagai tempat yang selamat, selesa dan kondusif bagi pembelajaran sains dan dapat memupuk para

penuntut belajar mata pelajaran sains," tambahnya.

Pengiran Hajah Mastoli berucap demikian di Majlis Penyampaian Sijil Bagi Seminar Pembantu Makmal Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan petang tadi di Long House Restaurant, Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal (MTSSR).

Jelasnya, para Pembantu Makmal juga dipertanggungjawabkan menyediakan dan menyimpan bahan kimia dan juga alat-alat sains, berijmat cermat dalam penggunaan kimia dan berwaspada dalam pemakaian peralatan sains misalnya alat-alat yang sensitif kerana semua itu menggunakan perbelanjaan yang sangat besar.

"Pembantu Makmal juga mengendalikan pemeliharaan peralatan sains dan alat-alat yang lain, justeru itu gaya dan daya kreatif para Pembantu

Makmal amat disanjung tinggi dalam penggunaan semula peralatan yang lama dan masih berfungsi dengan baik," tegasnya.

Para Pembantu Makmal di negara ini perlu mewujudkan persatuan yang berdaftar bagi tujuan meningkatkan tahap profesional dan mengawal kesejahteraan, di samping para Pembantu Makmal akan dapat terus berhubung dan berkongsi pengetahuan, kepakaran dan bersilaturahim antara satu sama lain.

Seminar lima hari itu dihadiri oleh seramai 22 orang Pembantu Makmal dari sekolah-sekolah menengah di seluruh negara manakala seorang lagi adalah Pembantu Makmal di Kementerian Pertahanan.

Ini merupakan seminar kedua yang dianjurkan oleh Jabatan Sains MTSSR dengan tujuan supaya para peserta memperoleh kemahiran baru dan dapat meningkatkan pengetahuan masing-masing.



SEBAHAGIAN jemputan yang terdiri para pensyarah hadir di Majlis Pelancaran Sistem Hafiz Al-Quran bagi penuntut-penuntut IPISHOAS. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal ketika menyaksikan beraneka jenis Jualan Bazar anjuran BISTARI sejourus merasmikannya.

BISTARI anjurkan jualan Bazar

BANDAR SERI BEGAWAN, 1 Ogos. - Keprihatinan terhadap perkembangan masyarakat sama ada di dalam atau di luar negara adalah tugas semua lapisan masyarakat tidak kira bangsa atau rupa keadaannya.

Justeru itu, sebagai sebuah badan kebajikan sukarela, Badan Kebajikan Isteri-isteri Pegawai, Pegawai-pegawai dan Kakitangan Wanita Kerajaan (BISTARI) menganjurkan Jualan Bazar selama tiga hari bermula pada 1 hingga 3 Ogos di Blok C, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanali Bolikah di sini.

Jualan antara lain bertujuan untuk mendapatkan sumber kewangan bagi melaksanakan tugas badan berkenaan di samping

Oleh Siti Aishah HS

menghulurkan bantuan bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Iraq.

BISTARI juga ingin membuka peluang kepada pengusaha-pengusaha tempatan untuk mengembangkan perusahaan mereka dan menolong para pengusaha mendapat faedah dari setiap hasil jualan meja-meja gerai yang disertai.

Terdahulu dari itu, Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal selaku tetamu kehormat di majlis itu menyampaikan sivil penghargaan kepada

para peserta yang menyertai Jualan Bazar berkenaan dan seterusnya menerima sumbangan bernilai \$2,500.00 oleh Yang Dipertua BISTARI, Datin Hajah Edah binti Haji Mohd. Noor untuk tabung berkenaan.

28 petak gerai jualan disediakan oleh BISTARI yang disertai oleh Kedutaan Besar Republik Filipina dan Republik Singapura, syarikat-syarikat tempatan dan tidak ketinggalan orang perseorangan.

Jualan Bazar itu antara lain bertujuan untuk membantu masyarakat yang memerlukan dengan mendapatkan sumber-sumber kewangan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab badan berkenaan.

Hadapi cabaran milenium tanpa melupakan sifat kewanitaan sejati

Oleh Siti Aishah HS

masuk bidang perniagaan yang penuh persaingan, bahkan tidak dinafikan penglibatan kaum wanita telah bermula sejak zaman dahulu lagi, iaitu dari paduan sehinggalah menjadi pengusaha dan ahli korporat yang berjaya.

Di majlis itu Datin Hajah Zaliha menyatakan bahawa Tabung Kemanusiaan Rakyat Iraq yang ditubuhkan pada bulan April 2003 telah berjaya mengumpul lebih dari \$43,468.19.

Lebih 25 petak jualan dan pameran menyertai

mini ekspo satu hari itu mengetengahkan jualan tempatan seperti kuih Melayu, keropok, busana, kraf tangan dan sebagainya anjuran Persatuan Peniagaan Brunei (PPB) dan juga disertai oleh Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

Wakil PELITA BRUNEI sempat menemui bual Pengerusi Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia, Cik Hajah Ghazirah binti Hashim yang menyatakan bahawa menyertai mini ekspo berkenaan antara lain bertujuan untuk menjana hubungan dua hala antara usahawan wanita Negara Brunei Da-

russalam dengan usahawan wanita Malaysia di bidang perdagangan.

Menurutnya lagi, perdagangan tersebut dapat menyatupadukan tenaga usahawan wanita Malaysia dengan usahawan wanita Negara Brunei Darussalam dalam mengembangkan perniagaan di antara kedua-dua negara agar usaha berkenaan lebih berdaya saing dan maju di peringkat negara mahupun antarabangsa.

Seramai 40 orang ahli Persatuan Usahawan Wanita Bumiputera Malaysia Cawangan Negeri Sembilan membuat lawatan selama lima hari ke negara ini.



PENGARAH Pembangunan Masyarakat, Datin Hajah Zaliha binti Haji Mohiddin menyaksikan pelbagai jualan di Pameran dan Jualan Mini Ekspo Amal.

Salurkan kemahiran yang diperolehi kepada pelajar

JALAN MUARA, 5 Ogos, Pemangku Pengetua Maktab Teknik Sultan Saiful Rizal (MTSSR), Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar berharap, peserta kursus akan dapat menerima seberapa banyak ilmu kemahiran dan pengalaman dalam Seminar Kakitangan Makmal Sekolah-sekolah Menengah Seluruh Negara yang berlangsung selama empat hari.

Justeru itu tambahnya, segala kemahiran dan pengalaman yang diperolehi hasil seminar tersebut akan dapat dipergunakan untuk memperbaiki dan meningkatkan kualiti dalam pekerjaan dan akan dapat disalurkan kepada pelajar-pelajar di sekolah masing-masing.

Oleh Ahmad HS

Di majlis itu, beliau mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan kerana memberikan kepercayaan kepada pihak MTSSR untuk mengendalikan seminar berkenaan dan kepercayaan itu menunjukkan MTSSR adalah sebuah maktab yang mampu bukan sahaja mengasuh para penuntut, malahan pegawai dan kakitangan yang sudah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khususnya dalam Kementerian Pendidikan.

Seramai 23 orang kakitangan makmal dari sekolah-sekolah menengah se-

luruh negara, menghadiri seminar empat hari bermula hari ini dan berakhir pada 9 Ogos.

Sepanjang empat hari, peserta seminar diberikan beberapa penerangan dan tunjuk ajar mengenai keselamatan di dalam makmal sains, asas pertolongan kecemasan, cara menggunakan dan memelihara peralatan elektrik, penggunaan scanner microsoft, penjagaan serta penyimpanan peralatan dan bahan kimia.

Seminar tersebut bertujuan untuk meluaskan ilmu pengetahuan para peserta perkara-perkara yang penting khusus mengenai keselamatan dalam makmal, asas pertolongan kecemasan serta pengurusan makmal, di samping bertujuan

meningkatkan kemahiran dalam menggunakan

komputer bagi menyelesaikan kerja-kerja rutin dan

asas pemeliharaan elektrik serta persediaan bahan-

bahan kimia bagi kerja praktikal.



"MAKTAB Teknik Sultan Saiful Rizal (MTSSR) adalah sebuah maktab yang bukan sahaja mampu mengasuh para penuntut, malahan juga pegawai dan kakitangan yang sudah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia khususnya dalam Kementerian Pendidikan," ... Pemangku Pengetua MTSSR, Pengiran Suhaimi bin Pengiran Haji Bakar (empat dari kanan) ketika hadir di Majlis Perasmian Seminar Kakitangan Makmal Sekolah-sekolah Menengah Seluruh Negara.

PUISI

PUTERA AGUNG
(Buat Kebawah DYMM Sultan
Haji Hassanal Bolkiah)

Mereka bertanya kepadaku :
adakah engkau meninggalkan Sungai Nil?
kerana mencari segumpal mendung?
aku tersenyum dan berkata :
kembaraku demi mata
dan hati yang terpesona
oleh cahaya dan pelita
Sultan Haji Hassanal Bolkiah
Mu'izzaddin Waddaulah
raja bijaksana semasa
khalifah yang melimpahkan
kemurahannya
kepada sungai dan sang mega
mengurniakan cenderahati
kepada tetamu senyum sejati
siapa yang di kepalanya mahkota
bagai bulan purnama
siapa yang kebajikannya nyata
pada wajah dan nama
pada tingkah dan bicaranya.

Kebesaran dan kesederhanaan
keberanian dan keimanan
kepetahan dan keikhlasan
demi Al-Quran dan Sunnah Junjungan.

Segala harapan dan impian
terpahat di dada watan bangsanya
diangkatnya bumi Darussalam
menjadi sebutir permata
yang berharga
menjadi bunga kembang di Syurga
tiada duanya dalam zaman, tiada
sultan Melayu Islam
saksama dan harum
bijaksana menghukum.

Ya Tuhan
lindunginya sepanjang hayat
demi generasinya dan agama
demi ilmu dan sentosa
demi rantau dan dunia.

KENANGAN
(Buat Al-Marhum Sultan
Haji Omar 'Ali Saifuddin)

Sepertimu hanya segelintir
Sultan Haji Omar Ali Saifuddin
bertakhta di mata warganya
dalam hati dan rohaniah
dalam memori bersemedi
setelah pergilu meski
kerana kau telah mengabadikan
sebuah warisan yang tinggi
setinggi gunung laut.

Pabila mereka ziarah
ke masjid berdiri indah
di tepian sungai
laksana piramid Egypt
mereka mengengangmu dalam salat
mengenangmu berkhutbah
menaburkan mutiara madah
seorang bapa yang penyayang
mereka mengenangmu sebagai Omar
mencurahkan bakti kepada ummah
mereka mengenang bijaksanamu
demi kemerdekaan tanah air
engkau berdiri dengan gagah
di tengah taufan melanda
bagai hero legenda.

Dengan kepercayaan kepada Tuhan
dan muniat keyakinan
demi kerana bangsamu
jadilah engkau raja saksama
cintamu dan cinta mereka berpadu
dalam senyumu menceritakan
rasa bangga dan kepuasan
kau lihat kemakmuran
di tangan puteramu Hassanal Bolkiah
seindah nama Darussalam
suatu hakikat kini
segelintir sepertimu
bersemayam untuk selamanya
di mata bangsanya
di hati bangsanya
di jiwa bangsanya.

MUTIARA KOTA

Bandar Seri Begawan
menara agama
dan Vanice Asia
bagai bulan cahayanya indah
bagai matahari, cahayanya melimpah
persahabatan dan keamanan
bagai mutiara, gemerlap cantik
dalam tenang taqwa
di bawah payung
Hassanal Bolkiah
raja rabbani
tersohor pemurah.

Mutiara kota
bertakhta di hati dan jiwa
Tuhan melindungimu, wahai raja
dan Negara Brunei Darussalam
demi penghuninya demi Islam.

DARUSSALAM

Dalam subuh
berjalan sendirian
di lorong
Bandar Seri Begawan
yang lena
dikejutkan seruan
bersalat
dalam kehijauan
burung hijau
terbang
menembusi celahan
bagai salji
menara tinggi
Masjid Omar 'Ali Saifuddin
lalu udara
memenuhi ruang
begitu pantas merasapnya
haruman taqwa
dan
kedamaian rasa.

Karya Dr. Arif Karkhi Abukhudairi
Terjemahan Pg. Mohammad Abd.
Rahman

TANGAN YANG MENGGAPAI

Bila waktu menakluk diri
seraut kehidupan
telah runtuh
detik usia semakin susut
ke mana hala tuju?

Bila diri kuasai masa
sedetik pun penuh erti
setiap langkah adalah
perjuangan yang bermakna
mengubah tuah diri
kerana tangan yang menggapai
perlu menanti.

Seperjuanganku
kita manipulasi masa dan detik
yang tersedia
kita berpegang, berkejar-kejaran
menarik temali yang takkan putus
walau ada rebut datang melanda
benteng kukuh kupertahankan jua
mari bersama ke medan jaya.

Tun Fatimah

MERONTA HATI

Kita mudah lupa dan merasa
segala apa yang dilihat berupa saja
kemegahan sikap kemenangan pandangan
ketika kegelapan memenuhi malam.

Serasa penipuan tegak-tegak mendatang
bayang-bayang istana indah kosong
di awan
sebab mata hati tertawan
yang busuk jadi indah kelihatan.

Apa yang dirasa cuma angin
satu pun tiada kenyataan
membentak meronta hati
tangan bergerak mahu mencapai
walau susah untuk dimengerti.

Rahim M. S.

Dari muka 12

"Saya mahu mendidik orang kita agar bersikap jujur,
amanah seperti yang disarankan oleh agama."

"Kau masih muda. Belum luas pengalaman. Di pejabat ayah, ada kawan-kawan yang menjual kuih-muih dan diletak di satu tempat. Harapannya setiap pembeli akan jujur dan meletakkan wang harga mengikut harga makanan yang dibeli. Tetapi ada yang sanggup makan tanpa membayar harga makanan yang mereka makan meskipun harganya cuma satu ringgit! Malah ada pula yang mengambil wang yang diletakkan di dalam bakul jualan."

"Di pejabat saya juga begitu ayah. Sudahnya si penjual terpaksa berhenti menjual dagangannya."

"Manusia sekarang ramai yang mementingkan wang daripada dosa dan pahala."

"Biarlah. Saya akan teruskan juga idola saya. Kalau ada yang tidak jujur, saya serahkan kepada Allah untuk membalas perbuatan mereka yang membelakangi ajaran agama."

Wahabi nekad. Dengan bantuan seorang rakan, dia mendapat orang yang sanggup menjual makanan dan nasi lemak dengan harga yang murah agar Wahabi dapat mengambil sedikit keuntungan dari jualannya.

Majalah dan surat khabar dia sudah dapat berlanggan dari kedai dan mereka pun memberinya potongan harga.

Wahabi meletakkan kereta hitamnya di satu jalan yang memang menjadi laluan orang ramai yang masing-masing menuju destinasi yang berlainan.

Kereta itu diletak berhampiran dengan sebuah kedai minum. Sayangnya di kedai itu tidak menyediakan kuih-muih yang menjadi kesukaan orang ramai. Menyanya hanya makanan berat seperti mi goreng, nasi goreng, soto dan lain-lain.

Wahabi sudah lama memerhati tempat itu dan dia nekad menjalankan idola dan rancangannya yang berpunca dari satu cerita yang dibacanya di dada majalah. Dia ingin merealisasikan rancangannya.

Mulanya orang seakan terperanjat melihat kereta hitam yang tidak ada tuannya sedangkan kuih-muih dan surat khabar ditinggalkan di dalam kereta. Hanya beberapa poster kecil yang memberitahu kuih-muih serta majalah dan akhbar yang dijual di kereta itu. Juga mengenai meletakkan wang harga makanan dan majalah serta surat khabar.

Wahabi sendiri memesan minuman dan mengambil kuih dari kereta hitamnya dan membayar harga jualannya. Dia juga mengambil surat khabar dan bersantai di sudut kedai.

Orang ramai mencari-cari siapa tuan punya kereta hitam itu namun dalam terdara-cari itu mereka membeli kuih-muih dan surat khabar yang ada di dalam kereta hitam.



DALAM mencari-cari jalan bagaimana mengatasi perbuatan curang, tidak jujur, tidak amanah pembeli itu, Wahabi tidak lupa bermohon ke hadrat Ilahi agar pelanggan yang memang sengaja menipu itu akan dibukakan hati mereka supaya menyedari akan perbuatan salah mereka itu.

Mulanya memang kekok perniagaan itu kerana masyarakat sekarang terbiasa dengan sistem jualan dilayan penjual. Sistem jualan layan sendiri memang belum popular tetapi selang seminggu, pelanggannya makin bertambah. Apa lagi bila mereka merasakan kuih-muih yang dijual cukup menyelerakan.

Kesempatan minum dan makan kuih dapat diisi pula dengan membaca berita dari surat khabar. Perniagaan Wahabi mendapat sambutan meskipun ada juga wang yang susut. Mungkin dari perbuatan yang disengaja atau tidak sengaja. Maksudnya tersalah ambil wang songsong. Atau ada yang berhutang kerana mungkin tiada wang kecil.

"Mereka sengaja tak membayarnya Wahabi. Bukan berhutang."

"Benar Wahabi. Kalau mereka berhutang, tentu ada masanya mereka membayar."

"Kalau tersalah songsong, tentu mereka menyedarinya."

"Kami dah nasihatkan kau, idola gilamu itu pasti mengundang kerugian."

Memang akibat perbuatan beberapa orang pelanggan yang tidak membayar harga makanan atau majalah, wang pusingan perniagaan pelik Wahabi berkurangan.

Wahabi bimbang jika ia berterusan, pasti perniagaannya akan gulung tikar. Paling ditakutinya, semua ahli keluarganya pasti akan memulangkan paku buah keras. Ke mana nak diletak mukanya yang memang tak berapa handsome itu.

Dalam mencari-cari jalan bagaimana mengatasi perbuatan curang, tidak jujur, tidak amanah pembeli itu, Wahabi tidak lupa bermohon ke hadrat Ilahi agar pelanggan yang memang sengaja menipu itu akan dibukakan hati mereka supaya menyedari akan perbuatan salah mereka itu.

Biarlah mereka kembali ke pangkal jalan. Bertaubat kepada Allah.

Wahabi yakin permohonanannya akan diperkenankan Allah. Apa lagi dia memang tahu di negara-negara Barat, perniagaan layan sendiri dengan meletakkan wang di tempat yang dikhaskan bukanlah perkara baru.

Jika mereka (orang-orang bukan Islam) dapat melakukan urusan niaga sebegini dengan tidak ada penipuan, apa lagi bagi orang seagama dan sebangsa dengan diri Wahabi.

Dia yakin kejujuran akan berada di dalam diri dan sanubari mereka. Idolanya akan tercapai. Keluarganya tidak akan memandang remeh apa lagi memperlekeh usahanya.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentias Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 20 OGOS	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI -	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.32	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - PICAYAKAH
				Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR :	6.45	SIRAH NABAWIYAH		INDA?
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU							9.25	MERENTAS KENANGAN
		KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT		<i>The Adventure Of Marco</i>			10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN				<i>Gina'</i>			10.30	PHUA CHU KANG
	6.12	RAMPAI PAGI -			5.00	JUARA - Siaran Langsung	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.00	THE INVESTIGATOR
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.20	SKOP SR. 2	11.50	GILLETTE WORLD OF
							7.43	AZAN ISYAK		SPORT
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	HIDDEN EUROPE	8.00	BERITA NASIONAL	12.35	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 21 OGOS	PAGI		9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	FIQHUL MIRATS	8.50	AN-NUUR - Siaran Langsung
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR: THE MAGICIAN/ YOKIES	MALAM		10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		5.00	ON THE BALL	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	10.30	DRAMA - 'Melarik Kasih'
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.30	HOLLYWOOD OF THE 30	7.25	WARTA ISLAM	11.00	WAYANG PILIHAN - 'The Alarmist'
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA	7.43	AZAN ISYAK		
					6.32	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	12.30	DOA DAN SIARAN TAMAT

J U M A T 22 OGOS	PAGI	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	PETANG		5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	
			10.15	SESAME STREET		6.00	AT TAHZIB	9.00	TABIR	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.15	SENI WARISAN MELAYU	1.30	VISI SUCI	6.31	AZAN MAGHRIB	9.30	BUSH BEAT
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	2.00	LIGA KEBANGSAAN BRUNEI - 'B' LEAGUE	6.45	BICARA IMAN	10.00	NEWS AT 10
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 - Ulangan	2.30	JEJARI HIJAU	MALAM		10.50	KHUTBAH JUMAAT
	9.00	BERITA	12.15	BRUM	3.00	PANGGUNG BOLLY- WOOD - 'Deewangee'			11.50	LIGA KEBANGSAAN BRUNEI 2003 - 'B' LEAGUE
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	12.30	SEMBAHYANG FARDU	3.38	AZAN ASAR	7.00	LIPUTAN SEMASA		
				JUMAAT- Siaran Langsung	3.45	TAYANGAN GAMBAR - Sambungan	7.20	WARNA WARNI	11.20	TELEDRAMA - 'Dyslekia'
							7.42	AZAN ISYAK	1.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

S A B T U 23 OGOS	PAGI	10.10	ANIMATION HOUR: ALIF/ANAK-ANAK SIDEK	12.25	AZAN ZUHUR	3.00	WEIRD TV	MALAM		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	11.00	THE BIG PLANET	12.33	DOKUMENTARI - Sambungan	3.25	SMALLVILLE	7.00	DUNIA ASIA
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	PETANG		3.37	AZAN ASAR	7.25	WILD FAMILY SECRETS
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung	11.40	DRAMA - 'Antara Dua Hati' - Ulangan			4.15	BEYOND 2000	7.43	AZAN ISYAK
	9.00	BERITA	12.10	DOKUMENTARI : MENARA IMPIAN - 'Bidang Teknologi Maklumat' - Ulangan	1.00	PANGGUNG PETANG	5.00	ANIMATION : ENGMA/ FOOTBALL STORIES	8.00	BERITA NASIONAL
	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan					5.45	BERITA	8.50	HIBURAN HUJUNG MINGGU
							5.55	SAFARI SCHOOL	10.00	NEWS AT 10
							6.31	AZAN MAGHRIB	10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Second Chance : The Keller/Kellom Story'
		10.00	SUSUNAN RANCANGAN			2.30	TINJAUAN - Ulangan	6.45	PEDOMAN AQIDAH	12.05

A H A D 24 OGOS	PAGI			RANCANGAN	1.45	X GAMES VIII 2002	5.35	TOYOTA WORLD OF	7.41	AZAN ISYAK
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.10	SESAME STREET	2.40	ROSEWELL		WILDLIFE	8.00	BERITA NASIONAL
		KEBANGSAAN	11.15	TAMAN ABC SR. 2	3.25	SEMARAK BUDAYA	5.45	BERITA	8.50	TIRAI KELUARGA -
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	3.36	AZAN ASAR	6.15	THAT'S MY BABY		'Balik Kampung'
	6.12	RAMPAI PAGI -	11.40	SUNDAY MATINEE -	4.00	ANIMATION - 'The Wacky	6.31	AZAN MAGHRIB	10.00	NEWS AT 10
		Siaran Langsung	12.24	'Due'		World Of Tex Avery'	6.45	AT TIBBUL ISLAM	10.30	TIRAI KELUARGA
	9.00	BERITA		AZAN ZUHUR	4.30	YOUNG ENTREPRE-				- Sambungan
	9.15	RAMPAI PAGI -				NEURS INTERNATIONAL			11.10	GUINNESS RECORDS :
	Sambungan		PETANG		CONFERENCE 2003	MALAM				PRIME TIME
	10.00	SUSUNAN	1.20	SPORT PAGE	5.00	JUARA -				
						Siaran Langsung	7.05	BRUNEI SIUK	12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

I S N I N 25 OGOS	PAGI		Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-	6.30	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - 'Kaca dan	
			10.00	SIARAN TAMAT		TOUCHE PRINCE OF THE	6.45	BIMBINGAN KELUARGA		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU			STREET/YOLANDA,			9.25	INFOSIHAT	
		KEBANGSAAN	PETANG		DAUGHTER OF THE	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN			BLACK CORSAIR			10.30	SURVIVING DISASTERS	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.00	LAGU KEBANGSAAN		7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30		
		Langsung	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.15	SUKAN GLOBAL	7.25	GELAGAT MENUMPAH	11.20	LAUGH YOURSELF SILLY
	9.00	BERITA	4.12	SUSUNAN	5.45	BERITA	7.41	AZAN ISYAK	11.50	DOA DAN SIARAN
	9.15	RAMPAI PAGI -		RANCANGAN	6.00	OUT OF THE BLUE	8.00	BERITA NASIONAL		TAMAT

S E L A S A 26 OGOS	PAGI	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.30	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN	9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.45	AL-ISLAM	8.50	TINJAUAN
			10.00	SIARAN TAMAT	4.15	ANIMATION HOUR : 'NICHOLAS'	MALAM		9.20	USAHAWAN MUDA
								10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.00	NATURAL HISTORY	7.00	FATIHAAH	10.30	E.R. - 'Piece Of Mind'	
	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung		5.45	BERITA	7.30	DOKUMENTARI	11.30	MDA - 'Love You To Death'	
			4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	MARI BERCERITA	7.40	AZAN ISYAK	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT

PERADUAN MENCIPTA LOGO KUALITI BAGI UNIT PIAWAIAN DAN KAWALAN MUTU, BAHAGIAN PROMOSI DAN PERKEMBANGAN KEUSAHAWANAN KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-SUMBER UTAMA, NEGARA BREUNEI DARUSSALAM

PENDAHULUAN

LOGO adalah satu reka bentuk lambang bagi sebuah organisasi. Nama sebuah organisasi yang panjang akan menjadi mudah untuk dikenali dengan satu reka bentuk logo yang menarik. Logo juga dikaitkan dengan brand.

Produk yang mempunyai mutu boleh menambat hati pelanggan dan akan dapat meningkatkan imej sesebuah syarikat yang mengeluarkan produk berkenaan. Jika ini berlaku, produk syarikat berkenaan akan menjadi laris dan diminati ramai serta menambahkan keyakinan kepada pengguna.

Maka sehubungan dengan ini, Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama sedang mengusahakan untuk menghasilkan logo yang sesuai untuk digunakan pada pembungkusan-pembungkusan produk keluaran tempatan.

Adalah diharapkan logo yang terpilih nanti akan dapat digunakan sebagai logo pengesahan rasmi dari organisasi Piawai dan Kawalan Mutu yang dikehendaki oleh badan-badan piawai yang akan bertanggungjawab.

Penggunaan logo ini juga nanti diharap akan dapat memenuhi syarat-syarat keperluan negara-negara pengimport dalam melicinkan lagi pengeluaran produk-produk tempatan untuk disalurkan ke luar negeri. Untuk mendapatkan ciptaan logo yang berkualiti, mempunyai pengertian dan menarik hati pengguna-pengguna serta pengusaha-pengusaha, Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan akan mengadakan Pertandingan/Peraduan Menciapt Logo Kualiti untuk Unit Piawai dan Kawalan Mutu khusus dibukakan kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

SYARAT-SYARAT KHUSUS (LOGO)

1. Logo yang akan dicipta dan direka mestilah berpandukan huruf 'mim' dan 'q'. Pengertian ('mim') ialah mutu dalam huruf jawi dan pengertian (q) ialah kualiti produk tempatan, dalam bahasa Inggeris.
2. Warna logo mestilah berpandukan kepada warna Bendera Negara Brunei Darussalam dan mempunyai ciri-ciri Melayu Islam Beraja (kuning, putih, hitam dan merah).
3. Logo yang direka mestilah berbentuk hati (love) yang melambungkan cinta pengguna kepada produk-produk keluaran tempatan.
4. Logo yang direka mestilah mempunyai pengertian dan huraian yang mudah difahami oleh orang ramai.
5. Reka bentuk logo hendaklah mempunyai dimensi atau

skala/ukuran yang mana jika dihasilkan (reproduce) akan menjadi mudah diikuti.

SYARAT-SYARAT AM (PENYERTAAN)

1. Peraduan Menciapt Logo ini adalah dibukakan penyertaannya kepada semua rakyat dan penduduk-penduduk Negara Brunei Darussalam.

2. Setiap peserta dibolehkan menghantar lebih dari satu penyertaan.

3. Borang penyertaan akan disediakan oleh pihak penganjur dan boleh didapati seperti berikut:

* Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Negara Brunei Darussalam.

* Pusat Pembangunan Usahawan dan Perniagaan, Kilometer 33, Jalan Tutong, Kampong Sinaut, Tutong, Negara Brunei Darussalam.

4. Peserta-peserta adalah dimestikan menggunakan kertas berukuran A4 berwarna putih yang telah disediakan dan hendaklah mencatatkan keterangan seperti berikut di bahagian bawah kertas lukisan logo tersebut:-

- * Nama penuh
- * Jabatan atau alamat tempat tinggal
- * Tarikh menghantar
- * Tandatangan peserta
- * Nombor telefon rumah atau ofis atau mobile
- * Pastikan ditandatangani oleh pegawai yang menerima borang penyertaan.

5. Borang penyertaan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Jawatankuasa Pertandingan seperti alamat yang diberikan pada syarat nombor 3. Tarikh tutup penyertaan ialah pada **10 September 2003**, hari Rabu, sebelum jam 4.00 petang.

6. Peserta yang berjaya dalam pertandingan ini nanti akan menerima hadiah yang berupa wang tunai berjumlah \$500.00. Cuma seorang peserta saja yang berhak memenangi peraduan ini.

7. Logo-logo yang telah dihantar untuk menyertai pertandingan ini tidak akan dikembalikan kepada peserta dan ianya akan menjadi hak bahagian ini dan akan disimpan oleh Jawatankuasa Pertandingan.

8. Keputusan Jawatankuasa Pertandingan adalah muktamad dan

Tulisan jawi tetap diwajibkan

BERAKAS, 20 Julai. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berharap sistem ejaan jawi yang diselenggarakan akan mendapat pengesahan pihak berkenaan di samping dapat digunakan secara rasmi akhir tahun ini.

Hal ini bukan saja boleh mengurangkan, walaupun tidak menghapuskan kekeliruan dan masalah yang dihadapi semua pihak terutama para pelajar pada masa ini.

Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Hakim menggariskan perkara tersebut di Majlis Konsert yang dianjurkan oleh Sekolah Tadika Jaya Datin Hajah Malai Rogayah di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Sehubungan dengan itu, beliau menegaskan agar tulisan jawi tetap diwajibkan dibuat di setiap iklan, kain rentang, piang-pisang, kepala surat, resit, kenderaan perniagaan dan kenderaan kerajaan dan sebagainya.

Namun apa yang menjadi kekesalan ialah terdapatnya sesetengah pihak yang tidak mengambil berat mengenai hal ini, malah mengutamakan bahasa-bahasa lain seperti bahasa Inggeris dan

Oleh
Abu Bakar HAR

Tionghoa, tegasnya.

Dari itu beliau berharap agar pihak yang berkenaan akan sedar mengenai kesilapan mereka dan sama-sama mendaulatkan bahasa Melayu dan tulisan jawi pada masa akan datang.

Menyentuh penglibatan DBP dalam bidang pendidikan, pihaknya tetap bertanggungjawab walau sedikit dalam bidang pendidikan terutama dalam pembinaan dan pengembangan bahasa.

Justeru jabatan itu sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Perkembangan Kurikulum dalam menerbitkan buku teks bahasa Melayu tingkatan/menengah satu hingga lima.

Sementara untuk peringkat rendah DBP katanya, menerbitkan buku bacaan rumi dan jawi dan buku bacaan tambahan dalam siri Bumbu Bacaan Jawi serta siri Canang Bacaan Rumi dan Canang Bacaan Jawi.

Persembahan itu turut diserikan dengan nyanyian dan tarian oleh pelajar-pelajar sekolah berkenaan sesi pagi dan petang.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
diberikan percuma kepada rakyat;
rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

1. Siapakah melancarkan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim pada 25 Ogos 1998 di Kelab Polo Jerudong?

- a) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- b) Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.
- c) Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah.

2. Bilakah Pasukan Polis di negara ini mula diwujudkan?

- a) 1910
- b) 1908
- c) 1906

3. Apakah tema bagi konsep persembahan Majlis Besama Rakyat Daerah Brunei dan Muara sempena sambutan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia tahun ini?

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.
- Jawapan Alai Pintar keluaran 30 Julai 2003.

1. A . 2. B . 3. 'Budaya kerja cemerlang mengikut perspektif Islam'.

ALAI PINTAR

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 595

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 595,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

TIADA PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 30 JULAI 2003

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN
PERPUSTAKAAN RUJUKAN,
JABATAN PENERANGAN



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Hamid ketika menyampaikan Sijil Kerakyatan kepada seorang penerima. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

RBA lantik wakil jualan di Republik Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Ogos. - Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) menamakan Pacific Air Agency dan Dongbo Air Services selaku wakil jualan di Republik Korea.

RBA dalam siaran akhbar hari ini mengumumkan bahawa lantikan Pacific Air Agency bagi menguruskan jualan penumpang bermula 1 Ogos 2003, manakala Dongbo Air Services yang akan menguruskan jualan kargo penerbangan bermula 1 September 2003.

Kedua-dua perlantikan itu dirasmikan semalam di ibu pejabat syarikat itu di Plaza RBA.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pacific Air Agency, Tuan Jong Pil John Park hadir di Majlis Menandatangani Perjanjian. Manakala Dongbo Air Services diwakili oleh Presidennya, Tuan In Jae Lee dan Ketua Pegawai Eksekutif RBA, Peter Foster pula menandatangani bagi pihak RBA.

Pacific Air Agency boleh dihubungi di alamat Tingkat 12 Dong Hwa Building, 58-7, Seosomun-Dong, Choong-Ku, Seoul, Republik Korea. Telefon: (82) 27538271, Faks (82) 27559758; Pengarah Urusan & CEO, Tuan Jong Pil John Park, e-mel: jpil-park@unitel.co.kr.

Delegasi Mesyuarat ASSA diraikan di Majlis Makan Malam

BANDAR SERI BEGAWAN, 7 Ogos. - Perwakilan Mesyuarat Persatuan Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA) yang menamatkan mesyuarat mereka selama empat hari di negara ini, diraikan dengan Majlis Makan Malam

Oleh
Hj. Ahmad HS

Perpisahan berlangsung di RMS Portview, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di sini.

Majlis Makan Malam

Perpisahan diberikan oleh Pemangku Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja (TAP), Dayang Hajah Noriah binti Mohammad Abbas.

Acara kemuncak mesyuarat ialah penyerahan tugas Pengerusi Persatuan

Keselamatan Sosial ASEAN (ASSA), yang sebelum ini dijabat oleh Ketua Pengarah Viet Nam Social Security (VSS), Nguyen Hu Ban kepada Pemangku Pengarah Urusan TAP, Dayang Hajah Noriah binti Mohammad Abbas selaku pengerusi baru persatuan tersebut bagi tempoh 2003 hingga 2004.

Sementara itu Pengerusi Persatuan Keselamatan Sosial Republik Indonesia telah dilantik menjawat Timbalan Pengerusi ASSA bagi tempoh yang sama. Perlantikan Pengerusi ASSA diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir mengikut abjad nama negara anggota.

Hadir di Majlis Makan Malam Perpisahan termasuklah pegawai-pegawai dan kakitangan Tabung Amanah Pekerja.



PARA perwakilan ASSA yang menghadiri Majlis Makan Malam Perpisahan bergambar ramai bersama Pengerusi ASSA yang baru, Dayang Hajah Noriah binti Mohammad Abbas. - Gambar oleh Masri Osman.

HARGAI ANUGERAH TARAF KERAKYATAN

Oleh
Aliddin HM

Akta Kebangsaan Brunei (Penggagal 15) antaranya: "Jika sekiranya seseorang itu didapati derhaka kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bekerjasama dengan musuh negara, menikmati kuasa atau faedah kerana menjadi rakyat negara lain dan jika dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh dianugerahkan dia dihukum mati atau penjara melebihi 12 bulan di negara lain."

Pengiran Dato Paduka percaya mereka yang menerima Sijil Kerakyatan tersebut tidak akan terlibat dengan perkara-perkara yang disebutkan itu malah akan benar-benar menghargai bak kata pepatah 'ibarat menatang minyak yang penuh'.

Pengiran Dato Paduka berharap mereka akan terus memberikan sumbangan yang termampu kepada negara dengan memberi khidmat bakti yang berterusan dan mendukung apa jua dasar dan program yang dilaksanakan oleh kerajaan baginda semata-mata untuk kepentingan rakyat dan penduduk negara ini.

Sebagai rakyat baginda katanya, marilah kita sama-sama berusaha bagi menjaga kedaulatan, keselamatan, kemakmuran dan keharmonian negara.

Bagi memupuk keharmonian bermasyarakat dan bernegara, Pengiran Dato Paduka menyarankan agar mereka melibatkan diri dalam apa jua aktiviti-aktiviti sukarela dan berkebiasaan yang diunkayahkan oleh Majlis-majlis Perundingan Mukim dan Kampung atau badan-badan kebajikan di tempat tinggal masing-masing.

Ini tambahnya, secara langsung dapat membudayakan konsep bergotong-royong an bersatu padu hidup bermasyarakat yang sejak sekian lama diamalkan.

Di samping itu juga katanya, mereka perlu berte-rusan berusaha meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Melayu dengan menggunakannya dalam per-tuturan seharian. Ini adalah kerana Bahasa Melayu adalah Bahasa Rasmi Negara dan merupakan salah satu unsur yang boleh mengeratkan perhubungan antara mereka dengan masyarakat sekeliling dan seterusnya untuk benar-benar dikenali sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Mereka yang berjaya menerima Sijil Kerakyatan tersebut telah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei. Di samping itu, mereka juga memenuhi tempoh kediaman tinggal untuk diiktiraf sebagai penduduk tetap dan juga mereka dikehendaki lulus ujian Bahasa Melayu.

Di sebelah pagi para penerima Sijil Kerakyatan telah mendengar taklimat oleh tiga orang pegawai jabatan kerajaan.

Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang dalam ceramahnya bertajuk: Peranan dan Tanggungjawab Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antara lain berkata, para pemohon yang menerima kerakyatan itu diberikan kedaulatan negara ini.

Menurutnya, setelah menjadi rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia,

mereka mempunyai hak untuk menerima beberapa keistimewaan atau keutamaan dalam bentuk undang-undang, politik, ekonomi dan sosial.

Timbalan Pengarah Akademi Pengajian Brunei, Pengiran Dr. Haji Abu Bakar dalam ceramahnya mengenai Falsafah Negara Melayu Islam Beraja (MIB) antara lain menjelaskan bahawa setiap rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia tanpa mengira bangsa, agama dan budaya adalah komited sepenuhnya dalam mengamalkan dan melaksanakan falsafah negara MIB.

Beliau menambah, falsafah MIB tidak hanya tertumpu kepada penduduk Melayu yang beragama Islam sahaja tetapi ia mempunyai unsur-unsur yang luas yang boleh mengenal pasti hak-hak yang bukan berbangsa Melayu dan beragama Islam.

Dalam ceramah bertajuk: Istiadat Kebruneian yang disampaikan oleh seorang pegawai Jabatan Adat Istiadat Negara, Pengiran Hidop antara lain menjelaskan istiadat 'Brunei dilihat sebagai faktor penting dalam berinteraksi harian.

Katanya, istiadat diperkenalkan bukan bertujuan untuk menyusahkan tetapi sebaliknya bagi memudahkan setiap orang terutama ketika berinteraksi dalam majlis-majlis tertentu.

Beliau juga menekankan pentingnya menghormati dan mengibarkan bendera kebangsaan semasa perayaan besar di negara ini seperti sambutan ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



SEBAHAGIAN para penerima Sijil Kerakyatan ketika melafazkan ikrar. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.



**JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

- 1. AHLI BOMBA**
(DI JABATAN PENERBANGAN AWAM,
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
TANGGAGAJI : P.1EB 2
- | | | |
|------------|---|-------------------|
| \$ 605.00 | - | \$ 885.00 |
| \$ 100.00 | - | ELAUN 'P' |
| \$ 100.00 | - | ELAUN KURNIA KHAS |
| \$ 100.00 | - | ELAUN SARA HIDUP |
| BAHAGIAN : | | V |

SYARAT-SYARAT AM:

- Calon-calon hendaklah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kemasian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi, politik Negara Brunei Darussalam.

KELAYAKAN

- Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun sebagai Ahli Bomba Terlatih.
- Telah ditetapkan dalam jawatan
- Mempunyai Sijil Kecekapan Lanjutan Ahli Bomba (Advanced Airport Fire-Fighter)
